

**Bil. 38**

**Khamis  
28 Oktober 1999**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No. 2) 1999	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual-</u>	
Maksud B.22	(Ruangan 15)
Maksud B.29	(Ruangan 38)
Maksud B.51	(Ruangan 44)
Maksud B.52	(Ruangan 45)
Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan)(No.2)1999	(Ruangan 49)
Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran)1999	(Ruangan 78)
<b>USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1999	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.23	(Ruangan 15)
Maksud P.28	(Ruangan 38)
Maksud P.47	(Ruangan 44)
Maksud P.50	(Ruangan 44)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasar Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

- Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri.D.K., D.M.P.N Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Bunyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- Yang Berhormat Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail Azita binti Nawi Nik Elyana binti Ahyat Taharah binti Mohamed
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 28 Oktober 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah Dana Untuk Makanan (*Fund For Food*) digunakan pada tahun ini. Nyatakan juga setakat manakah pengurusan pengimportan bahan-bahan makanan dapat dikurangkan pada tahun ini sebagai hasil daripada penggunaan dan tersebut jika dibandingkan dengan tahun lepas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September 1999 sebanyak RM616,300,000 daripada peruntukan Tabung Untuk Makanan, berjumlah RM1 bilion telah diluluskan untuk membiayai kira-kira 2,300 projek penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, penternakan, perikanan, pemprosesan makanan serta perusahaan dan pekilangan bahan-bahan makanan.

Peningkatan bilangan dan jumlah pinjaman diluluskan akan menambah pengeluaran bahan makanan negara seterusnya akan mengurangkan pengimport bahan makanan pada tahun-tahun yang akan datang. Bagaimanapun setakat ini nilai pengimportan barangan makanan tidaklah berbeza begitu ketara berbanding tempoh yang sama pada tahun yang lalu memandangkan sebahagian besar projek tempatan dalam pengeluaran bahan makanan ini masih dalam peringkat pembangunan. Nilai pengimportan barang makanan untuk tempoh yang dinyatakan telah stabil pada nilai RM6.1 bilion.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggunaan dana untuk makanan dan dari segi pendekatan *agri-commerce* dalam Dasar Pertanian Negara dan pada masa ini kita dapati rata-rata petani hidup dalam keadaan serba kekurangan terutama sekali penanam padi di negeri Perlis dan juga dalam kawasan MADA dan sebagainya. Begitu juga peniaga-peniaga kecil yang berasaskan pertanian, ternakan dan juga hasil-hasil dari laut. Jadi, apakah pendekatan dan strategi yang digunakan oleh kementerian Yang Berhormat untuk menggalakkan petani-petani yang miskin ini supaya asses kepada penggunaan dana untuk makanan pada masa akan datang?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini pihak kementerian sedang mengadakan ceramah-ceramah dan juga pemberitahuan kepada orang ramai bahawasanya ada dana yang boleh digunakan untuk diberi pinjaman. Dalam hal ini mereka disyaratkan untuk mengadakan cagaran dan sebagainya. Dalam kes ini telah diadakan di mana peladang-peladang...., dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, memanglah dari segi ini kita tidak dapat menyatakan bahawasanya orang termiskin dapat asses kepada pinjaman ini. Hanya yang ada cagaran dan yang mungkin ada kesungguhan dan oleh kerana boleh dikatakan tanah, maka itulah yang kita beri tumpuan. Dalam hal ini kita beri tumpuan untuk meningkatkan produktiviti dan juga mengadakan wawasan yang lebih dan berharap dapat meningkatkan keperluan makanan.

**Dato' Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan berkenaan 3F (*Fund for Food*) ini digalakkan oleh kerajaan. Saya ingin bertanya dari segi pengeluaran bantuan ini, dari segi penternakan lembu secara komersial untuk mengelakkan pengimportan lembu daging yang banyak, sejauh manakah kesungguhan Kementerian Pertanian menggalakkan petani ataupun penternakan tempatan untuk memberi peluang kepada mereka memelihara lembu secara komersial di negara ini dan berapa banyakkah setakat ini bantuan yang dikeluarkan oleh dana ini?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Dari segi ini pihak kementerian telah mengeluarkan lebih kurang RM313 juta untuk bahagian penternakan dan kita tumpukan kepada kawasan-kawasan yang di mana kita menggalakkan peladang atau petani memelihara di bawah estet kelapa sawit dan juga getah dan juga lain-lain tanaman dan ini kita dapat menambahkan bahan makanan ternakan. Dari segi ini sukalah saya maklum bahawasanya pihak kementerian telah meluluskan berbagai-bagai projek kepada penternak-penternak di Pahang dan juga di Negeri Sembilan. Malahan di bawah PPN negeri kita telah beri pinjaman yang menyebabkan tanah yang diadakan oleh PPN dahulu kita telah letakkan lembu dan juga beri makanan yang tertentu untuk mengemukakan. Dari segi lain yang kita telah beri, bilangan yang diluluskan untuk ternakan ialah 791 orang.

2. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan sesuatu penghantaran surat mahupun dokumen yang melalui Pos Malaysia Berhad akan sampai ke destinasi dengan cepat dan tepat.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan surat atau dokumen akan sampai ke destinasi dengan cepat dan tepat termasuklah:

- (i) meminta kerjasama pengguna untuk menggunakan alamat, poskod dan juga nilai bayaran setem yang tepat dan betul;
- (ii) memperkenalkan sistem pengangkutan melaksanakan yang dikendalikan oleh Pos Malaysia Berhad sendiri dan tidak lagi menggunakan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api;
- (iii) penggunaan teknologi terbaru seperti penggunaan mesin *off taker chater for reading*, dan *letters sorting machine*, dengan izin; dan
- (iv) mempertingkatkan latihan kepada kakitangan Pos Malaysia Berhad serta mengadakan perbincangan dan dialog dengan pengguna.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada 5 September 1999 saya hantar kawan Jepun saya ke KLIA. Selepas pemeriksaan imigresen dia menghantar satu bank draft untuk bayaran ke bank daripada KLIA. Jadi, jaminan yang diberikan kepada orang Jepun itu ialah surat itu akan sampai dalam tempoh dua hari. Tetapi selepas lima hari dia balik ke Tokyo surat ini belum sampai. Ia hanya sampai selepas tujuh hari. Jadi, saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan bahawa dokumen lewat datang. Saya difahamkan bahawa kutipan surat di balai berlepas KLIA hanya dua kali seminggu sahaja. Saya minta Timbalan Menteri memberi jawapan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya telah menetapkan tahap piawaian serahan yang perlu dilaksanakan oleh pihak Pos Malaysia Berhad. Piawaian ini adalah seperti berikut. Bagi kawasan serahan kalau sekiranya tempat yang sama maka piawaian serahan ialah B+1 atau hari bekerja berikutnya. Kalau kawasan serahan adalah antara bandar utama ialah B+2 atau dua hari bekerja. Kalau kawasan serahan antara lain-lain bandar piawaian serahan ialah B+3 dan lain-lain kawasan luar bandar ialah B+4 atau empat hari bekerja.

Hasil daripada beberapa tindakan yang telah diambil dan kita menetapkan satu piawaian yang saya sebutkan tadi prestasi penyerahan mel yang dilakukan oleh pihak Pos Malaysia Berhad dalam mencapai satu tahap yang boleh dikatakan sangat memuaskan. Tahun ini sudah sampai 97.3% kalau dibandingkan dengan pentadbiran pos yang dianggap baik sekali, iaitu Pos New Zealand cuma 98%. Kita sudah sampai 97.3%, maka ini adalah prestasi Pos Malaysia yang kita ada pada hari ini.

Kes yang diceritakan oleh Yang Berhormat mungkin adalah satu kes isolated di mana cuma 2.7% yang belum kita capai. Tidak mungkin bagi kita capai 100% oleh kerana semua mel ini dikendalikan oleh manusia, memang kita buat kesilapan. Tidak ada manusia yang tidak buat kesilapan. Maka ini saya minta maaf, Yang Berhormat. Kita akan cuba sedaya-upaya supaya capai satu tahap yang boleh dianggap sebagai *world standard*. Walau bagaimanapun, kita harus memberikan kepujian kakitangan Pos Malaysia Berhad yang telah mengendalikan pos dengan begitu baik sudah capai piawaian yang begitu tinggi. Kita harus memberikan kepujian apabila kita buat teguran. Walau bagaimanapun, saya akan terima apa-apa aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat dan kita memberikan jaminan kita akan berusaha untuk mempertingkatkan lagi.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini telah dilaporkan dalam press kes pencurian di mana surat berdaftar, *puzzle* dan dokumen telah dibuka oleh kakitangan Pos Malaysia Berhad. Saya ingin tahu apa tindakan sedang diambil. Adakah bilangan rekod kes-kes berkenaan seperti ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kehilangan karung-karung mel berdaftar dikesan berlaku sejak bulan Februari tahun ini. Karung-karung mel berdaftar ke luar negara dalam kes ini didapati hilang semasa berada di bawah kawalan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) kita kita telah membuat serahan kepada MAS dan kecurian berlaku di situ. Sejak kita dapat tahu tentang perkara ini pihak Pos Malaysia telah membuat laporan kepada polis dan polis telah pun mengambil tindakan dan setakat ini enam orang telah pun ditangkap, dua orang kakitangan telah pun dibawa ke mahkamah. Sejak ini keadaan sudah kembali seperti biasa tiada kehilangan berlaku lagi.

Saya tidak dapat memberitahu tentang angka ataupun jumlah kehilangan yang berlaku dalam kes ini. Walau bagaimanapun, mereka yang dapati surat atau surat berdaftar atau bungkusan mereka hilang bolehlah melaporkan kepada Pos Malaysia dan bayaran pampasan akan dilakukan mengikut peraturan yang sedia ada.

*[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) tidak hadir]*

4. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) jumlah bilangan pelawat luar negeri yang telah mengunjungi negara ini iaitu semasa kegawatan ekonomi pada tahun 1997-1999 mengikut negeri; dan
- (b) kesan daripada insentif-insentif dalam Belanjawan 1999 terhadap sektor pelancongan dalam tahun 1999.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat bagi Alor Gajah yang dijadualkan pada 22 November 1999 dan Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat yang dijadualkan pada 25 November 1999 kerana ianya adalah mengenai perkara yang hampir sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelancongan yang telah mengunjungi ke negara kita bagi tempoh Januari sehingga Julai tahun ini iaitu kita hanya ada angka sehingga Julai sahaja pada ketika ini telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan, iaitu sebanyak 35.5% berbanding tempoh yang sama dalam tahun 1998. Jumlahnya ialah seramai 3,754,374 orang berbanding dengan bagi tempoh yang sama dalam tahun 1998 iaitu 2,770,393 orang iaitu lebih sejuta orang berbanding dengan masa yang sama tahun depan.

Pada keseluruhan tahun 1998 Malaysia telah mencatatkan kedatangan pelancongan seramai 5,550,748 orang. Bilangan ini telah merosot sebanyak 10.6% berbanding tahun 1997 yang telah mencatatkan seramai 6,210,921 orang. Sebilangan besar pelancongan yang datang ke negara ini adalah dari Singapura, diikuti oleh Thailand, Jepun, Taiwan, Brunei Darussalam, Indonesia, China, United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat, Hong Kong, India, Asia Barat dan Jerman.

Pendapatan pelancongan yang diperolehi dalam tahun 1997 ialah sebanyak RM9.699 bilion. Jumlah ini telah berkurangan sebanyak RM1,119 bilion ataupun RM11.5% kepada RM8.5 bilion lebih kurang dalam tahun 1998. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia walau bagaimanapun berasa yakin bahawa pendapatan pelancongan akan meningkat pada tahun ini dan dianggarkan ianya akan melebihi RM10 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa perangkaan peningkatan yang positif dalam tahun ini mengenai pelancongan di antara lainnya adalah berkesan daripada insentif-insentif yang digariskan dalam Belanjawan 1999. Tambahan pula usaha dan langkah-langkah sejak itu oleh kerajaan semakin menampakkan hasil. Selain program promosi dan penggalakan pelancongan tahunan yang sedia ada dilaksanakan mengikut jadual, program-program yang baru turut diperkenalkan dalam tahun ini. Misalnya, untuk menggalakkan kempen pelancongan domestik yang bertema 'Cuti-cuti Malaysia' telah dilancarkan. Bagi menarik pelancong asing pula kempen pelancongan antarabangsa bertemakan '*Malaysia Truly Asia*' telah dilancarkan pada 16 Oktober 1999 sempena perarakan Citrawarna Malaysia. Sebuah tema lagu baru juga telah diperkenalkan dan akan digunakan dalam promosi antarabangsa. Selain bahasa Inggeris, lagu ini juga akan dinyanyikan dalam bahasa asing utama yang lain iaitu German, Spanish, Portugal, Arab, Jepun, Korea, Thailand, Perancis, China dan sebagainya.

Tourism Malaysia juga akan memperbanyakkan lagi usaha promosi di antaranya ialah meningkatkan lagi aktiviti lawatan suai kenal ataupun *familiarization tours* bagi wakil media asing, *crew* televisyen, perfileman dan pengusaha-pengusaha pelancongan ke Malaysia. Secara kumulatif pada tahun ini, seramai 1,112 orang telah dibawa ke Malaysia menerusi program-program ini. Mulai bulan Januari tahun depan, kita akan jemput lebih kurang sekurang-kurangnya 500 orang setiap bulan untuk melawat ke Malaysia dan kita berharap angka ini akan melebihi 6,000 orang pada bulan Disember 2000. Terima kasih.

**Datuk Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Lapangan Terbang KLIA adalah sebuah lapangan terbang yang canggih dan moden. Jadi, soalan tambahan, saya ingin memohon supaya Yang Berhormat Menteri dapat menyatakan peranan kementerian Yang Berhormat untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia dengan adanya kemudahan yang moden ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berusaha supaya semua jentera yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan industri pelancongan Malaysia ini bekerja sebagai satu pasukan. Oleh sebab itu, kita sedang mengadakan semula Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi di luar negeri yang dipengerusikan oleh duta-duta besar kita ataupun ketua perwakilan dan dalam jawatankuasa ini, semua jabatan yang berkaitan dengan hal ehwal ekonomi termasuk MATRADE, MIDA, pegawai-pegawai tourism, MAS juga, Petronas, semuanya akan memainkan peranan. Dan sudah tentulah salah satu usaha utama jawatankuasa ini dalam bidang pelancongan. Bermakna MAS, Jabatan *Tourism Malaysia*, MATRADE semuanya akan bekerja sebagai sebuah pasukan dan di antaranya adalah untuk membaiki soal *accessibility*, soal penerbangan ke Malaysia. Bermakna kalau kita dapat membanyakkan lagi penerbangan ke Malaysia, maka KLIA pun akan lebih maju dan sudah tentulah lapangan-lapangan terbang yang lain juga akan lebih maju.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya, MCA berbangga. Sekarang ini, DAP semenjak Speaker jadi Ketua Pemuda, DAP lebih hormat Kerusi sekarang, ini kuatnya MCA. [Ketawa] Betul atau tidak? Dahulu DAP, bila Pengerusi ambil chair sahaja banyak perkara cerita yang dibuatnya, sekarang dia takut. Syabas Pengerusi!

Saya ingin membuat soalan tambahan, syabas kepada kementerian dalam usaha untuk meningkatkan pelancongan, negara kita mengkhususkan kepada penjualan atau penekanan kepada *domestic tourism* dan baru-baru ini saya sungguh bangga bila Yang Berhormat Datuk Menteri menegur di Johor Bahru, Datuk ada menghadiri satu majlis, menegur syarikat pelancongan tempatan. Ini nampaknya tidak memberikan perhatian yang tinggi untuk mempromosi pakej-pakej cuti tempatan, kurang juga minat mereka mempromosi khazanah-khazanah tempatan. Ini satu pandangan yang berani oleh Yang Berhormat Datuk Menteri. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Datuk Menteri, setakat ini bagaimana reaksi mereka kalau syarikat tempatan swasta tidak dapat menyahut seruan kerajaan, saya bimbang takut tidak tercapai matlamat negara kita untuk menjadikan industri pelancongan ini industri penting negara.

**Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, teguran itu telah diterima baik oleh persatuan tersebut, sekarang kita memang sedang bekerja sebagai satu pasukan iaitu syarikat-syarikat pelancongan, hotel-hotel, syarikat-syarikat pengangkutan dan juga dengan kementerian dan boleh dikatakan, selang sehari kita mengadakan mesyuarat pelbagai di kementerian untuk kemaskan jentera promosi pelancongan domestik ini. Misalnya buat sementara waktu, setakat ini akhbar *The New Straits Times*, *Sin Chew Jit Poh*, telah pun mengeluarkan *supplement* minggunya dalam akhbar masing-masing yang mana sedikit sebanyak bertujuan untuk menggalakkan pelancongan domestik.

Penggalakan pelancongan domestik itu kita tumpukan kepada dua perkara utama, yang pertama, untuk menukarkan *mind set* rakyat Malaysia kita sendiri supaya mereka menganggap melancong atau *vacation* dalam hidup mereka itu sebagai satu keperluan bukan satu *luxury*, itu satu.

Keduanya, kalau sudah buat keputusan untuk melancong, kita akan yakinkan mereka bahawa tempat yang seelok-eloknya untuk melancong adalah di negara kita sendiri dahulu.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, apakah sumbangan *Formula One* ini kepada sektor atau industri pelancongan dari segi nilai mata wang yang dibawa ke negara kita dan dari segi pelancong-pelancong yang akan datang ke negara kita dan negara-negara Islam dan China merupakan sebuah pasaran baru untuk

pelancongan. Apakah tindakan atau rancangan kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong dari pasaran baru ini?

**Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa mengadakan pelbagai cara untuk menarik pelancong ke negara kita, salah satunya adalah menerusi *Grand Prix Formula One* kerana ini sedikit sebanyak telah pun mengheboh-hebohkan nama Malaysia di kalangan dunia dan menerusi televisyen maka boleh dikatakan lebih kurang RM600 juta kalau tidak salah saya, rakyat telah pun ternampak *advertisement 'Visit Malaysia'* dan juga perkataan Malaysia yang sepanjang masa ditegur dan lebih kurang 20,000 dan sebagainya rakyat asing yang datang dari luar untuk menonton *grand prix* ini sudah tentu mereka akan balik dan menceritakan tentang keindahan Malaysia dan kita akan mengadakan *grand prix* ini setiap tahun mulai sekarang, bermakna itu adalah satu *event* utama dalam kalendar pelancongan kita.

Di samping itu, sukacita saya menyatakan bahawa memanglah pada peringkat pertama, kita akan tumpukan kepada negeri-negeri yang kita mudah untuk menarik pelancongan kerana kita tahu bahawa komponen utama dalam perbelanjaan melancong ke mana-mana adalah komponen *transportation*, pengangkutan. Jadi, kalau kita tumpu kepada negeri-negeri yang berdekatan, saya rasa hasilnya akan lebih ternampak.

Jadi, kita akan tumpukan kepada Singapura, kepada Thailand, negeri China, India satu pasaran yang baru. Di India ada 12 juta *millionaire*, saya diberitahu dan kita telah memudahkan soal visa dan sebagainya untuk negara China dan India dan begitu juga tumpuan kita kepada United Kingdom dan Timur Tengah. Ini adalah tempat-tempat yang kita rasa kita akan dapat hasil yang cepat.

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] tidak hadir]

6. **Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan usaha yang diambil bagi mempromosikan Labuan sebagai *“entreport”*, *“transshipment centre”* dan adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan Labuan sebagai pusat pendaftaran kapal *“Open Register”*. Jika ada, bila dan kalau tidak mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kini sedang mengambil pendekatan untuk menyediakan suatu kemudahan pelabuhan dan lain-lain infrastruktur yang serba moden sebagai satu cara untuk mempromosikan Labuan sebagai *entreport* dan *transshipment centre* di Sabah khususnya bagi Malaysia Timur dan kawasan Brunei, Indonesia, Malaysia, Philippines, *East Asia growth area* amnya.

Sehubungan dengan itu, sebuah pelabuhan bersepadu ataupun *integrated port*, dengan izin, sedang dalam pembinaan di Labuan dan Fasa I pembinaan dijangka siap pada suku pertama tahun 2000. Adalah diharapkan dengan kemudahan-kemudahan ini Labuan akan berjaya menarik pelabur dari dalam dan luar negeri untuk menjadi sebuah *entreport* dan *transshipment centre*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sistem pendaftaran kapal *‘open registry’*, kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan cadangan ini oleh kerana pandangan yang negatif masyarakat perkapalan antarabangsa terhadap penaftran kapal seperti ini. *Open registry* adalah lebih kurang sama ertinya dengan sistem pendaftaran yang dinamakan *‘flag of convenience’* dengan izin atau FOC. FOC mempunyai konotasi yang negatif di kalangan masyarakat perkapalan antarabangsa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada jawapan daripada Yang Berhormat tadi. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan, setakat ini apakah jumlah wang dibelanjakan untuk kemudahan-kemudahan *entreport* dan *transhipment centre* ini dan juga dengan usaha kerajaan bukan sahaja untuk *entreport* dan *transhipment centre*, bahkan untuk pelbagai kemudahan. Apakah hasil yang didapati sekarang sebagai mempromosikan Labuan ini, apakah hasilnya, apakah prestasinya?

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang itu satu orang yang tanya tak cukup. Itu di Wilayah Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin tak tahu, Labuan itu ialah Wilayah Persekutuan, saya di dalam Wilayah Persekutuan. Ini memang tak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, percakapan yang tidak relevan, cuba elakkan. [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, ingin saya memberitahu bahawa setakat ini kerajaan masih tidak dapat menentukan berapa jumlah peruntukan yang akan dilabur untuk menyediakan segala kemudahan dan juga membina satu pelabuhan bersepadu di Labuan. Walaupun demikian, projek ini sedang diteliti dan Fasa I akan disiapkan hanya pada tahun depan dan saya percaya tidak lama lagi segala kos akan diberitahu dan jika Ahli Yang Berhormat minat, saya boleh beritahu.

Yang kedua, mengenai hasil buat masa ini, Pelabuhan Labuan memang tidak mempunyai prestasi yang begitu baik, oleh kerana lokasi pelabuhan sekarang ini adalah terlalu dekat dengan bandar Labuan dan kerajaan memang mempunyai perancangan sudah lama dan dalam pembinaan pelabuhan bersepadu ini, pelabuhan ini akan dibina di suatu tempat dinamakan Lancar-lancar. Dan dari segi hasil yang mungkin akan diperolehi apabila pelabuhan bersepadu ini disiapkan, kerajaan mempunyai keyakinan bahawa hasil ini akan bertambah baik. Sekian.

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Dia dipersilakan supaya MCA dapat ambil kawasan dia.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berpendapat bahawa *open register* ini adalah merupakan salah satu *ingredient* ataupun *part and parcel* bagi mana-mana IOFC. Di dunia ini didapati 11 daripada IOFC di dunia ini mempunyai kemudahan *open register* atau *flag of convenience* ini. Jadi, apakah ini merupakan keputusan muktamad dari kementerian bahawa Labuan tidak akan dijadikan atau diwujudkan *open register* ini.

Kedua, apakah kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan *second register* dan saya ingin tahu perkembangan tentang kewujudan Labuan sebagai *port for registration of ship in Malaysia*, apakah perkembangannya setakat ini, apakah ianya mendapat sambutan, apakah ianya dipertingkatkan pada masa yang akan datang.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Labuan. Walaupun pembukaan ataupun kewujudan pendaftaran sistem kapal *open registry* akan membawa ataupun menarik lebih banyak pelabur khususnya dari

pemilik-pemilik kapal dari luar negara ke Labuan tetapi selepas kajian teliti dibuat oleh kerajaan, maka kerajaan tidak begitu bersetuju untuk mengadakan sistem pendaftaran kapal *open registry*. Sebab, baru-baru ini kita dapat melihat ada beberapa tempat macam Panama dan pelabuhan-pelabuhan lain lagi yang mempunyai sistem ini telah pun membawa kesan keburukan begitu banyak.

Tetapi walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan memang mempunyai rancangan untuk mengadakan suatu sistem iaitu dikenali sebagai *Malaysian International Ship Registry*, ini akan di *finalize* kan. Buat masa ini perancangan dan kajian sedang dijalankan dan di bawah *Malaysian International Ship Registry* ini, mana-mana pemilik kapal asing yang telah pun mempunyai tempat pendaftaran pertama, boleh didaftarkan di Malaysia dan sama ada Labuan akan dipilih sebagai salah satu pelabuhan untuk menerima pendaftaran ini atau tidak, atau di pelabuhan lain, buat masa ini tidak dapat ditentukan lagi.

Tetapi di bawah pindaan kepada *Merchant Shipping Ordinance 1952* memang kerajaan mempunyai cadangan untuk mengadakan pindaan iaitu mewujudkan *Malaysian International Ship Registry* supaya kapal-kapal asing dapat didaftarkan di Malaysia tanpa kena ikatan syarat-syarat yang lain seperti bumiputera *participant* dan lain-lain. Ini dengan secara tidak langsung akan membawa hasil dari luar negara.

7. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah sebab sekumpulan pembeli rumah melahirkan perasaan marah mereka kepada beliau sewaktu beliau menghadiri seminar perumahan anjuran Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan pada 25.9.1999 berhubung aduan mereka tentang pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab dan kelemahan dalam Akta Pemaju Perumahan yang menekan pembeli.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, sekumpulan kecil pembeli rumah melahirkan rasa marah kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian menteri di samping mendapat liputan luas dari media massa. Mereka berharap, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengambil tindakan menyelesaikan masalah mereka.

Walau bagaimanapun, isu-isu serta aduan-aduan yang mereka bangkitkan telah pun diambil perhatian dan tindakan sebelum itu oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu semata-matanya mempertahankan imej Menteri dan kementeriannya yang semakin merosot dan menurun ...

**Seorang Ahli:** Soalan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Tan Kok Wai:** Siapa yang mepengerusikan Mesyuarat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, soal terus!

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kejadian pada 25 September itu tidak boleh dianggap, disifat atau dipandang sebagai satu kejadian terpencil, *isolated*.

Tuan Yang di-Pertua, kerana jika satu kajian tidak dapat dijalankan di seluruh negara, hasil kajian ini akan membayangkan begitu ramai, mungkin beberapa ratus ribu

pembeli-pembeli rumah di bandar atau di luar bandar akan mengeluarkan kemuncak kemarahan mereka terhadap Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ini bukan masanya untuk memberi syarahan ataupun berucap Yang Berhormat, soal sahaja.

**Tuan Tan Kok Wai:**...sedikitlah! *[Ketawa]* Penerangan, sebab sebagai ahli Dewan juga, Tuan Yang di-Pertua pun berasa sangat kecewa sepanjang tahun kerana setiap ahli di sini juga setiap tahun bilangan aduan yang kami terima, aduan terhadap perumahan, pembeli-pembeli rumah dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah menjadikan aduan yang paling tinggi, *top on the chart*. Saya dapat simpati daripada Tuan Yang di-Pertua, kerana Datuk merasa sama. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, misalnya satu projek perumahan di kawasan Datuk terbengkalai hampir 20 tahun, tidak boleh diperbaharui, macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Tan Kok Wai:** Soalan saya!

Soalan saya ialah apakah tindakan, rancangan yang dapat diambil oleh Yang Berhormat Menteri dan kementeriannya untuk menyelamatkan imej dan prestasinya yang semakin menurun dan menjadi lebih buruk. Apakah perlindungan yang lebih berkesan dapat diambil oleh kementeriannya dari segi perundangan dan juga penguatkuasaan untuk diambil terhadap pemaju-pemaju yang tamak, licik dan juga tidak bertanggungjawab?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pada peringkat awal tadi Yang Berhormat bagi Cheras bangkit soalan asal ini dia faham dengan *detail*, tentang projek ini. Nampaknya beliau tidak begitu faham sekali. Dalam sektor perumahan ini sebetulnya banyak perkara yang terlibat, banyak aspek yang berkaitan dan di antaranya ialah perjanjian di antara pembeli dengan pemaju, di mana kementerian hanya untuk memastikan supaya kelangsungan kesempurnaan perjanjian itu dapat dilaksanakan.

Umpamanya, seorang manusia dia kahwin dengan seorang gadis, tiap-tiap tahun manusia akan kahwin. Ada yang kahwin satu, ada yang kahwin empat. Kalau permasalahan di antara suami dengan isteri, tiap-tiap kali dia kahwin selepas itu dia belalah dan kritik kadi yang mengahwinkan dia, itu tidak patut. Mungkin ada permasalahan di antara sisuami dengan isteri. Begitu juga dengan konteks ini, ada permasalahan di antara pemaju dan juga pihak pembeli dalam konteks yang dibangkitkan dalam masalah projek yang satu ini, yang mana Yang Berhormat telah bangkitkan.

Sebetulnya pihak kementerian sudah pun mengambil beberapa tindakan, daripada tindakan awal kita panggil pemaju, kita panggil pembeli juga. Lepas itu kita panggil kedua-dua belah pihak untuk cuba menyelesaikan masalah ini dengan pelbagai tawaran. Dahulu perjanjian pembelian di antara pembeli dan pemaju, 20% hendak dibayar, selepas itu kita beri kelonggaran, dilonggarkan supaya hanya beri 10% sahaja, selepas itu dilonggarkan lagi 15%, maka dengan itu pelbagai usaha kerajaan. Kerajaan ini bukan hendak jaga imej semata-mata, kita hendak menyelesaikan supaya sektor perumahan ini dapat disediakan kepada semua pihak yang berhak di negara ini, maka dengan itu kita telah menubuhkan jawatankuasa yang baru iaitu Jawatankuasa Aduan dari bulan Ogos yang lalu dan semenjak jawatankuasa ini diwujudkan, kita sudah terima lebih daripada 323 aduan

yang melibatkan pelbagai aspek. Di antara aspek-aspek yang terlibat ialah kecacatan, mengenai dengan masalah CFO dan pelbagai.

Kementerian memang prihatin, setiap tahun kita mengambil perhatian, mengambil tindakan supaya perkara ini dapat diatasi. Bukan hendak jaga imej. Ini kerajaan yang bertanggungjawab, *[Tepuk]* bukan seperti pihak pembangkang yang hanya pandai kritik sahaja menggunakan landasan Dewan yang mulia ini. Jalan cerita pun dia tidak tahu. *[Disampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia main politik tadi. *[Ketawa]* Main politik sahaja tidak menghiraukan aduan rakyat.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** You kepala tidak betul!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai kadi untuk mengahwinkan pemaju dengan pengguna.... *[Ketawa]* Saya jadi saksi *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Dia kepala tidak betul ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya jadi saksi. Sebagai kadi perumahan ini, bolehkah Yang Berhormat terangkan, daripada lebih 300 aduan ini apakah tindakan yang berkesan, yang efektif yang diambil oleh pihak kementerian dan bolehkah Jawatankuasa Aduan ini dapat menyasat masalah-masalah yang timbul, entah sudah berapa tahun. Misalnya, setiap projek perumahan terutama rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana, dibahagikan kuota, sebahagian besar kepada UMNO, sebahagian besar kepada MCA, kemudian kepada MIC. Secara langsung atau secara tidak langsung, secara senyap ataupun secara terbuka? *[Disampuk]*

Ya, macam mana tidak siaman kerana kawan saya yang berpendapatan rendah, mendaftar lima kali, sepuluh kali dalam tempoh 20 tahun pun tidak dapat kerana tidak sanggup membayar *[Disampuk]* .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..... itu wang bawah meja tidak .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:**.....nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh soal, itu pun saya sudah beri peluang *[Disampuk]* Nanti dahulu Yang Berhormat, sabar, saya tengah cakap ini – dan Yang Berhormat bagi Kepong, tidak payahlah hendak layan sangat cakap tepian itu. Yang Berhormat soal sahaja, jangan cuba hendak layan percakapan yang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* bukan cakap lain. Sebab jawapan itu tidak tepat, saya hendak memastikan jawapan itu tepat, persis dan jitu tetapi jawapan tepian itu tidak baiklah, jawapan yang pinggir itu tidak payah. Jawapan jitu, persis dan tepat, apakah tindakan yang diambil sebab Beruas pun tidak puas hati saya tahu *[Disampuk]* kerana rumah-rumah kos rendah diberi kepada *[Disampuk]* parti-parti politik. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Kepala tidak betul!

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* Bolehkah Yang Berhormat, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Seorang Ahli:** Tidak payah jawablah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bolehkah Yang Berhormat mengambil tindakan yang tegas untuk menyasat apa yang saya buat aduan tadi?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Soalan tidak siuman. [Ketawa]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kementerian sememangnya mengambil tindakan-tindakan yang tegas. Ada di antara pihak-pihak pemaju yang terlibat, kita ambil bawa ke mahkamah. Walaupun, Yang Berhormat bagi Kepong tadi bangkit, *you raised* dengan izin, a *specific allegation* yang orang akan beri perumahan hanya kalau hendak beri duit bawah meja. *But I tell you*, kalau dapat you beri maklumat kepada BPR, *you know? You don't accused people*, dengan izin, ini *specific allegation* adalah tidak patut. Ya, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** No, no.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia tanya saya hendak .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat takkan tidak erti Peraturan Mesyuarat? Ini bukan masanya untuk berdialog, Yang Berhormat. [Disampuk] Dengar sahaja .....[Disampuk] Yang Berhormat, dengar dahulu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Seperti yang saya nyatakan tadi di antara tindakan-tindakan tegas yang telah diambil, kita telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi sebahagian daripada aduan yang kita terima hampir 80% lebih kita selesaikan. Daripada aduan-aduan itu melibatkan tindakan rundingan, *win-win situation*, bukan hanya kita perlukan.

Kalau sisuami dengan isteri tidak boleh selesai masalah, umpama sahaja. *I am just giving an example*. Kalau dia tidak boleh selesai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan boleh selesai, mesti ada pertemuan, pemikiran dan penyelesaian di antara pemaju dengan pembeli dalam mengatasinya, bukan alternatif yang diperlukan di sini. Yang penting ialah penyelesaiannya. Penyelesaiannya supaya rumah itu dapat diserahkan kepada yang sepatutnya menerima dan pemaju dapat menyerahkannya kepada pihak yang telah membeli. Itu sebahagian, di samping itu juga kita mengambil tindakan tegas.

Saya ingat sudah banyak, kita saman, kita pun letakkan tindakan undang-undang kepada pihak-pihak pemaju dan juga mengambil langkah-langkah menetapkan supaya lesen mereka dipastikan di masa yang mendatang kita tidak akan sambung lagi. Itu sebahagian daripada tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

8. **Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan :

- (a) peranan yang dimainkan oleh sektor komoditi sejak kebelakangan ini dalam membantu negara mengatasi masalah krisis ekonomi; dan

- (b) bagaimana sumbangan jumlah pendapatan eksport dari sektor komoditi dan produk berasaskan komoditi kepada pendapatan negara sehingga hari ini berbanding dengan tahun lalu.

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi baru-baru ini, komoditi adalah di antara sektor yang telah menunjukkan prestasi yang sangat menggalakkan, khususnya dari segi meningkatkan pendapatan tukaran wang asing untuk negara dan pendapatan kepada rakyat khususnya rakyat di luar bandar.

Dengan kemerosotan nilai Ringgit berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat, eksport komoditi dan barangan berasaskan komoditi menjadi lebih kompetitif dan dengan itu berjaya menghasilkan pendapatan eksport yang lebih tinggi kerana antara lain harga komoditi daripada barangan berasaskan komoditi negara diniagakan dalam Dolar Amerika Syarikat. Dengan bertambahnya pendapatan eksport, rizab tukaran wang asing juga turut meningkat.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pada tahun 1998 komoditi dan barangan berasaskan komoditi telah menyumbang sebanyak RM50.5 bilion, tidak termasuk petroleum dan gas berjumlah sebanyak RM17.7 bilion. Ini adalah 7.6% daripada jumlah keseluruhan pendapatan eksport negara sebanyak RM286.8 bilion dan berbanding dengan tahun 1997 di mana ia hanya menyumbang sebanyak RM38.1 bilion tidak termasuk petroleum dan gas berjumlah sebanyak RM18.3 bilion atau 17.2% daripada jumlah keseluruhan pendapatan eksport negara sebanyak RM220.9 bilion pada tahun 1997. Ini adalah RM12.5 bilion lebih daripada eksport tahun 1998 adalah lebih dibandingkan dengan eksport komoditi pada tahun 1997 dan tambahan ini adalah lebih kurang lebih daripada 30% tambahan pendapatan eksport. Dengan yang demikian, sektor komoditi khususnya dan pertanian amnya membantu negara mengatasi kegawatan ekonomi baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh bulan Januari sehingga bulan Ogos tahun 1999, sumbangan komoditi dan barangan berasaskan komoditi kepada pendapatan eksport negara dianggarkan sebanyak RM30.5 bilion berbanding dengan RM31.9 bilion pada tempoh bulan Januari sehingga bulan Ogos 1998. Penurunan pendapatan eksport bagi tempoh bulan Januari sehingga bulan Ogos tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun yang lepas adalah disebabkan oleh penurunan harga minyak sawit, getah dan koko di pasaran antarabangsa dan sebaliknya ada komoditi yang lain seperti kayu-kayan yang mana harganya telah naik.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah sebut harga bagi beberapa komoditi telah menurun. Saya ingin tahu tentang harga getah kerana harga getah ini sejak beberapa bulan kebelakangan ini, harganya telah menurun sampai ke satu tahap yang paling rendah.

Jadi, saya ingin tahu jumlah eksport bagi getah bagi tahun ini daripada bulan Januari sampai bulan Ogos dan juga memberitahu kepada Dewan yang mulia ini langkah-langkah yang telah diambil untuk menstabilkan harga getah ini supaya penoreh-penoreh getah ini dapat sedikit bantuan daripada kerajaan?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, harga pendapatan yang didapati oleh pengeksportan getah sebagai komoditi pada tahun ini telah turun sehingga RM1.5 bilion dibandingkan dengan eksport pada masa yang sama pada tahun yang lalu ialah RM2.0 bilion dan pendapatan daripada barangan produk yang berasaskan getah pada tahun ini daripada bulan Januari sehingga bulan Ogos pada tahun ini adalah RM3.4 bilion dibandingkan dengan RM3.8 bilion pada tahun yang lepas.

Keadaan ini adalah yang mana harga getah adalah rendah di pasaran antarabangsa disebabkan pengeluaran atau bekalan adalah lebih daripada permintaan dan kurang

kerjasama dari negara-negara pengeluar terbesar seperti Thailand, Indonesia dan Malaysia, yang mana tidak ada skim atau sistem untuk merasionalisasikan pengeluaran bila bekalan adalah lebih daripada permintaan di pasaran antarabangsa. Tentulah ini akan menjejaskan harga getah di pasaran antarabangsa.

Saya telah cuba banyak kali untuk meminta negara pengeluar terbesar iaitu Thailand dan Indonesia untuk bekerjasama mengadakan satu skim kerjasama untuk mempertahankan harga getah di pasaran antarabangsa tetapi baru-baru ini hanya dapat *respond* dari Thailand. Tetapi diharapkan dengan kerajaan baru yang ditubuhkan oleh Indonesia, kita mohon bersama-sama boleh bincang untuk mengadakan satu langkah untuk mempertahankan harga getah di pasaran antarabangsa.

Pengeluaran atau eksport getah dari Malaysia hanya 15% daripada jumlah eksport atau jumlah getah yang didedahkan di pasaran antarabangsa dan dengan hanya 15%, apa tindakan yang kita buat, susah kita hendak mempengaruhi di pasaran antarabangsa. Tetapi walau bagaimanapun, kita cuba dengan beberapa tindakan.

Baru-baru ini kita keluarkan daripada INRO. Ini adalah organisasi pertubuhan antarabangsa getah asli dengan pengeluaran kita dan pengeluaran Thailand daripada organisasi itu, Perjanjian Getah Antarabangsa telah luput, telah habis. Dengan itu baru-baru ini Yang Berhormat boleh lihat harga pasaran telah naik lebih kurang 50 sen sekilogram. Ini adalah lebih kurang kenaikan 20% harga dengan tindakan yang telah kita buat, yang mana kita ingat INRO *is not relevant*, tidak ada relevan, serupa ada banyak hal yang tidak relevan yang sekarang dibangkitkan di forum-forum tertentu.

Pihak INRO tidak ada relevan lagi dan dengan pengeluaran kita daripada INRO harga getah telah naik. *[Disampuk]* Apa you mahu, tidak mahu dengar? *[Ketawa]* You mahu dengar atau tidak mahu dengar? Ingat senangkah saya mahu datang ke sini? *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mahu tengok masa, oh cukup. Okay, you boleh bangun. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Dari sebelah sana Yang Berhormat Dato' Menteri jangan risau, jangan hirau kepada mereka, mereka tidak ada perkara yang baik. Saya hendak bertanya dan mendapat sedikit pengesahan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri, bermakna kita keluar daripada INRO supaya kita boleh mengambil satu tindakan memastikan harga getah itu di tahap yang lebih sesuai, adakah ini benar? Kalau kita tidak keluar daripada INRO kita tidak boleh membuat satu dasar memberikan satu subsidi di mana kita telah mempertahankan dan meningkatkan harga getah, adakah ini benar? Takut yang belah sana itu, yang sebelah PAS ini, dia kata kita mengabaikan kepentingan kita untuk menjaga pekebun-pekebun kecil. Yang sebenarnya kita sudah buat dan kita sudah laksanakan, sebab itu harganya naik 50 sen. Adakah ini benar, minta Yang Berhormat Dato' Menteri beritahu dengan terang.

Yang Berhormat Dato' Menteri, kalau ikutkan dia orang, dia hendakkan Dato' turun jadi Timbalan tetapi kami Barisan Nasional hendakkan Dato' terus menjadi Menteri dan menang pilihan raya yang akan datang.

**Seorang Ahli:** Bodek, bodek.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih, Yang Berhormat atas soalan tambahan di mana mengikut pengalaman kita, dari 20 tahun yang kita berada di dalam INRO yang mana tujuan INRO adalah untuk menstabilkan harga getah tetapi mengikut pengalaman kita, ia telah pun stabil di paras yang rendah yang mana membawa faedah kepada negara pengguna dan tidak memberikan apa-apa faedah kepada negara pengeluar. Dengan kita sampai tahap yang mana banyak pekebun kecil telah lari dari kebun mereka yang sekarang adalah fenomena baru yang mana bukan tanah terbiar, kebun terbiar yang

mana ada kebun yang telah ditanam dengan getah dan pokok telah matang, tidak ada orang pergi toreh getah itu sebab harga tidak menggalakkan dan dengan itu kita ingat lebih baik kita keluar, biarkan negara pengguna untuk menjaga diri sendiri. Dengan itu mereka sekarang takut dengan pembubaran INRO harga getah akan naik dan ketakutan mereka sebagai negara pengguna kita mainkan 'poker' dengan dialah. Ini bukan judi ya, PAS you jangan salah anggap, jangan katakan saya main poker, bukan judi ya. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli: Mufti baru.**

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dan jangan cakap saya makan judi, mesti mahu masuk Islam sehingga semua akan selesai ya. *[Ketawa]* Jangan mainkan 'poker' ini ya. Ini strategi poker, bukan judi poker. Dia sekarang takut dan persepsinya kepada behaviour pasaran, dia takut sekarang dia masuk untuk beli, bila dia beli dan tentulah harga sudah naik tetapi ada satu masalah besar iaitu INRO dalam satu tahun ini telah masuk dalam pasaran untuk mengadakan satu stok penimbal dan kalau dengan pembubaran INRO barangkali stok ini kita kena berbincang macam mana kita mahu menjaga stok ini dan jangan biarkan stok penimbal ini jadi 'overhang', dengan izin, kepada pasaran antarabangsa dan inilah yang akan menjejaskan harga getah pada satu masa akan datang. Dengan ini sepatutnya kita sebagai negara pengeluar, dengan Thailand dan Indonesia sepatutnya kena berbincang untuk mengadakan satu skim kerjasama untuk mengatasi masalah ini. Dua minggu lagi Menteri yang bertanggungjawab ke atas getah di Thailand dengarnya akan datang ke Kuala Lumpur untuk berbincang bersama-sama bagaimana mengadakan satu strategi untuk menghadapi keadaan yang mana INRO telah dibubarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan Jawab Lisan telah pun tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5, dan 9 hingga 25 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN

(1999) (NO.2) 1999

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 1999

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Ketiga]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.22 [Jadual] -**

**Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (No.3) 1999] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kelmarin, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang telah habis berucap ya. Ya, Tanjong Karang.

11.08 pagi.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Semalam saya belum habis berucap lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Nampaknya Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Eh, semalam saya berucap lima minit, saya tengok jam semalam. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Mengikut rekod yang ada di sini. [Ketawa] Yang Berhormat, teruskan dan selepas itu kementerian diminta jawab.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tiga minit sahaja ada. Tidak apalah, masa kecemasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Semalam saya ada mencadangkan supaya peruntukan untuk pengiklanan ini yang diadakan di peringkat antarabangsa harus diberi sama kepada rakyat Malaysia yang menetap di luar negeri seperti pelajar, restoran-restoran yang dipunyai oleh rakyat Malaysia ini harus kita memberikan bantuan kepada mereka kerana mereka inilah saya rasa lebih berkesan untuk mempromosikan pelancongan di Malaysia. Begitu juga kita dapati ada pejabat-pejabat di luar negeri, macam saya pergi ke Jepun baru-baru ini, pergi ke pejabat MIDA Jepun, tidak adapun *pamphlet* ataupun *brochure* daripada TDC. Kalau kita naik MAS, MAS pun kalau kita tengok buku-buku yang diletak di tempat duduk itu pun tidak ada brochures mengenai pelancongan Malaysia ini. Buku yang ada itu pun sudah beberapa tahun, jadi harus disatukan supaya semua pihak terlibat untuk mempromosikan Malaysia.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya ingin mencadangkan supaya kementerian memperkenalkan cenderamata nasional. Kita dapati bahawa kalau ada wakil-wakil rasmi kerajaan pergi ke luar negara pelbagai pihak membawa cenderamata yang berbeza-beza. Kita tidak mahu peristiwa tahun 1997, kalau saya tidak silap, apabila kita beri cenderamata kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, satu daripadanya tidak langsung melambangkan kebudayaan Malaysia. Dalam hal ini kita ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana saya ingat negeri yang pertama sekali memperkenalkan cenderamata rasmi di peringkat negeri di mana negeri Selangor telah memperkenalkan lima object sebagai cenderamata rasmi negeri Selangor iaitu Bukit Melawati, Kota Darul Ehsan, keris, Istana Bandar dan Masjid Negeri Selangor sebagai tandamata rasmi kerajaan negeri tetapi di peringkat kebangsaan, di peringkat Malaysia, kita belum lagi dapat apakah cenderamata-cenderamata nasional yang patut kita ketengahkan. Banyak kita boleh ambil, kita boleh ambil Menara Berkembar, Masjid Putrajaya dan pelbagai lagi yang kita lihat boleh melambangkan kebudayaan di negara kita.

Dan yang akhir sekali. ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak gulung ini, memang saya hendak gulung. Akhir sekali, walau bagaimana promosi pun kita buat melibatkan RM150 juta tetapi kalau keadaan dan keamanan negara tidak terjamin, RM150 juta ini tidak membawa apa-apa makna. Jadi, kita harap semua pihak harus menjaga keamanan negeri kita supaya ianya akan dapat menarik pelancong dan kita harap juga ada kerajaan-kerajaan negeri jangan menakut-nakutkan pelancong. Macam di Kelantan, Nik Aziz beritahu mana pelancong-pelancong yang datang memakai pakaian menjolok mata hendak diberi kain

batik tetapi PAS ini, dia cakap sahaja, dia tidak buat pun. Dia cakap hendak beri kain batik, dia cakap untuk menakutkan orang, samalah macam hari ini dia bercakap hendak menubuhkan negara Islam tetapi akhirnya digugurkan. Jadi, di sini saya mengambil kesempatan ingin mengucapkan tahniah kepada DAP kerana DAP bukan sahaja dapat memperalatkan PAS untuk.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak akhir.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ini Rompin bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:**.....untuk menggugurkan negara Islam.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Rompin, Rompin.

**Tuan Haji Noh bin Omar:**.....tetapi hari ini saya ucapkan tahniah sekali lagi kepada DAP kerana DAP menggesa...

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Arau, usah, menyampah, duduklah, Arau.

**Tuan Haji Noh bin Omar:**....supaya PAS mengambil tindakan kepada Timbalan Presiden PAS iaitu Yang Berhormat bagi Marang, Yang Berhormat bagi Marang ini dia Pengerusi Disiplin Tatatertib PAS.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Haji Noh bin Omar:**....Jadi, tahniahlah kepada DAP kerana bijak memperalatkan PAS.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Dia hendak minta jalan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak, Tuan Pengerusi, dia hendak minta jalan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kasihanlah dia, Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sedikit, Tuan Pengerusi, satu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, lagipun saya kena beri teguran sedikit sebab dalam peringkat Jawatankuasa, politik kepartian itu cubalah kita elakkan sebab secara khusus kita membahar sesuatu. Cukup Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya tadi beri contoh, Tuan Pengerusi. Sebab kalau PAS bergaduh dengan DAP nanti pelancong-pelancong takut hendak datang sebab dia sudah duduk, sudah kahwin, kemudian hendak bergaduh, jadi menyebabkan kestabilan politik kita tidak terjamin.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Gila talak!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Bila kestabilan politik tidak terjamin, pelancong-pelancong pun takut hendak datang ke Malaysia kerana kestabilan politik ini amat penting untuk menjamin pelancong-pelancong datang ke Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dia takut kepada Barisan Alternatif.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kementerian diminta jawab.

**11.14 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Belanjawan tambahan ini dalam peringkat Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya ingin memberikan justifikasi peruntukan RM150 juta yang dibentangkan. Pada peringkat awal, kerajaan telah bersetuju untuk meningkatkan lagi pengiklanan antarabangsa supaya Malaysia mampu mendapat publisiti setanding dengan negara-negara pesaing untuk mengembalikan keyakinan pelancong asing melawat Malaysia. Sebelum itu adalah diyakini.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Hendak habis mukadimah sahaja dahulu, lepas itu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Habis mukadimah, okay.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Sebelum ini adalah diyakini bahawa industri pelancongan ini dapat digunakan sebagai pemangkin untuk meningkatkan lagi atau mengembalikan lagi keadaan ekonomi negara. Oleh yang demikian, usaha-usaha perlulah dibuat untuk menggalakkan pelancong-pelancong luar datang melancong ke negara kita dan juga memberi kefahaman dan memupuk nilai dan budaya warganegara kita untuk melancong dalam negeri. Oleh yang demikian, jumlah RM150 juta ini dipersetujui untuk digunakan sebagai promosi di seberang laut dan juga di dalam negara sendiri dan saya ingin menerangkan sepintas lalu bagaimana kita akan menggunakan wang RM150 juta ini untuk mendapat tujuan dan matlamat yang ada pada kita. Sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ucap syabas kerana satu jaminan diberi untuk menggunakan wang yang akan diluluskan, insya-Allah, untuk meningkatkan lagi pelancongan negara kita. Namun demikian, Dato' sedia maklum untuk menggalakkan pelancong datang ke negara kita mesti ada suasana aman dan damai, environmentnya kena elok. Biasalah kita ada perbezaan pendapat antara kerajaan dengan pembangkang tetapi antara pembangkang dengan pembangkang ini, PAS dengan DAP ini, baru kahwin satu hari sudah hendak bercerai. DAP suruh ambil tindakan disiplin kepada Yang Berhormat bagi Marang, ini hendak tanya adakah Yang Berhormat sanggup hendak tanya Yang Berhormat Marang bangun, apa dia bersetujukah PAS ambil tindakan disiplin kepada dia atas permintaan DAP. Hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Tampin, macam mana. *[Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Tanjong Karang]* Pengerusi DAP minta PAS ambil tindakan kepada Pengerusi Disiplinnya sendiri. Pergaduhan ini saya bimbang takut orang tidak mahu datang ke Terengganu, ini saya hendak minta pandangan.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, kepada Yang Berhormat bagi Rompin, saya mengucapkan tahniah atas soalan itu. Untuk memberi jawapan yang pendek, saya anggap bahawa parti PAS ini telah membuka pintu luarnya, pintu biliknya, pintu

dapurnya untuk DAP seluk sampai ke dapur, sampai ke bawah katil, atas katil, dalam peti sejuk semua dia sudah seluk, dia sudah buka semua parti itu untuk DAP...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sampai dalam kain, Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Sampai semua, dalam kain, luar kain sudah habis kerana DAP begitu berani untuk menyuarakan, untuk menyarankan supaya Pengerusi Disiplin PAS diambil tindakan. Ini kalaulah berlaku kepada parti-parti lain, saya yakin parti itu tidak setuju tetapi saya tengok, yang berkenaan senyum sahaja seolah-olah punggungnya sudah kena raba, dia senyum sahaja. Ha, itulah gambaran kepada saya. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan sedikit senario kedatangan pelancong ke negara kita. Pada suatu masa, ada perangkaannya pada saya, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pada tahun 1995, untuk negara-negara Asian kedatangan pelancong ke negara kitalah yang paling tinggi sekali. Pada tahun 1995 kita menerima pelancong antarabangsa lebih tinggi, lebih banyak, lebih ramai daripada Thailand, lebih ramai daripada Indonesia, lebih ramai daripada Singapura. Masa itu kita menerima 7.2 juta pelancong, berbanding dengan Thailand hanya 6.9 juta. Ini mungkin tidak difahami oleh orang ramai dan juga ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sedar tentang statistik kita, sejarah kedatangan pelancong ke negara kita ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tetapi, saya belum habis, saya hendak habiskan dahulu idea itu. Tetapi oleh kerana banyak masalah sudah melanda negara kita, krisis-krisis seperti jerebu, jerebu bukan kita yang wujudkan, orang lain yang wujudkan tetapi masalah datang kepada kita dan disebarikan sebegitu hebat oleh media-media tempatan dan ditambah lagi oleh media antarabangsa sehinggakan pelancong-pelancong takut hendak datang kerana bahaya, jerebu, wabak penyakit yang melanda Pulau Pinang dan tidak adapun orang meninggal masa itu, masa wabak melanda Pulau Pinang tetapi digambarkan sebegitu buruk, banyak packages pelancongan *cancel*, membatalkan dan pemikiran mereka bahawa masalah itu berlarutan kerana apabila masalah sudah habis mereka tidak mendapat maklumat, yang ada dalam pemikiran mereka, kefahaman mereka bahawa masalah masih ada lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tumpat bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Sebentar lagi. Dan juga seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Rompin tadi ketegangan politik serantau. Budak muda-muda ini pergi ke jalan raya. Dilaporkan di luar negara apa yang berlaku di negara jiran di mana polis bertempur dengan pelajar-pelajar dengan gambarnya sekali dalam televisyen tetapi di sebelah laporan itu dikatakan juga bahawa di Malaysia keadaan tegang juga. Ini adalah pada saya niat jahat media-media antarabangsa ini yang berlaku di Indonesia, gambarnya Indonesia. Tetapi di sebelahnya laporan ada juga berkenaan dengan Malaysia. Kepada anggapan antarabangsa, Malaysia pun begitulah. Jadi, kita dapati bahawa angka kedatangan pelancong ini merundum jatuh. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Parlimen juga, paling ramai pelancong-pelancong datang ke negara kita ialah daripada negara jiran. Kalau kita mempunyai sebarang perselisihan (*friction*) dengan negara-negara jiran dan disebarikan di media massa – sama ada media massa negara kita atau media massa negara jiran itu sudah tentu pelancong tidak datang daripada negara itu, sama jugalah rakyat kita tidak pergi ke negara itu. Kalaupun datang hanya sejumlah yang kecil sahaja.

Oleh yang demikian, kita dapati bahawa pada tahun 1998, kedatangan pelancong ke negara kita begitu berkurangan. Sekarang ini kita perlukan peruntukan ini untuk

membbaikpulihan imej kita dan kita akan menggunakan wang peruntukan ini secara yang paling baik dan maksimum. Boleh, Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Selain daripada sandiwara di antara Yang Berhormat Rompin dengan Yang Berhormat tadi, saya berharap Yang Berhormat dapat menumpukan perhatian kepada masalah pelancong 7.2 juta, misalnya disebutkan oleh Yang Berhormat, saya tertarik kepada angka itu. Tetapi adakah Yang Berhormat buat analisis mengenai bilangan yang masuk, yang berulang terutamanya dari Singapura misalnya. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadilah kerana tiap-tiap kali ada pertikaian ataupun pergaduhan di antara pemimpin-pemimpin di Singapura dengan pemimpin-pemimpin di Malaysia dengan media massa menghangat-hangatkan bilangan pelancong sudah merosot. Adakah Yang Berhormat Menteri dan .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** ....boss sudah mari.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boss saya – apa pasal, apa masalah sekarangnya?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Boss mari, lagi cakup kuat-kuatlah! Dapat jadi calon. ....dia tidak .... calon.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masalah, apa masalah sekarang ini?

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat bagi Tanjong, apa masalah?

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Sudah takut bosslah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ah?

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Mr. Bean.

**Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Pengerusi Wilayah DAP besok mungkin bagi orang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa masalah sekarang ini ..... [disampuk]

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Boss baru datang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita bincang mengenai para pelancong yang masuk ke Malaysia ini yang terjejas kerana Yang Berhormat bagi Rompin sudah kacau. Itulah masalah kalau para pelancong datang ke sini, tengok dan dengar bunyi bising, macam ini memang mereka undurkan diri. [Ketawa] Memang, memang.

Adakah Yang Berhormat membuat kajian mengenai para pelancong ini? Kita mesti tahu kerana hanya 7.2 juta orang, tidak cukup. Mesti kita benar-benar faham jenis dan apakah butiran mengenai para pelancong ini dan bolehkah Yang Berhormat buat satu cadangan atau mekanisma, kalau ada pertikaian di antara menteri ataupun pegawai-pegawai di antara Singapura dengan Malaysia, kita sekatkan kepada itulah, jangan kita hebohkan. Saya nampak bila ada menteri yang pertikai dengan Menteri Singapura, dia hebohkan di dalam media massa kata negara itu banyak buruk dan sebaliknya. Kemudian yang menjadi mangsa, saya pergi ke situ saya tengok sendiri pegawai-pegawai kastam kedua-dua pihak meluahkan kebencian ataupun perasaan tidak puas hati itu kepada para pelancong. Saya pun hairan juga, pihak atasan bertikai di bawah yang terkena itu pelancong-pelancong, pelawat-pelawat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Peraturan Mesyuarat. Ini bagi ceramah ke atau minta ulasan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, tidak bukan. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat mengambil tindakan. Jangan kita biarkan keadaan ini berlaku berulang-ulang.

Kadangkala kalau ada pertikaian, kita nampak kesesakan itu bukan main, bukan kepalang, oii...berbatu-batu! Inilah masalah. Kalau pihak kastam boleh luluskan dalam 15 minit ataupun ...5 minit, ini 1, 2 jam.. Ini masalah Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, bagi saya yang bercakap politik adalah Yang Berhormat bagi Kepong. Saya mengatakan jumlah 7.2 juta pada tahun 1995. Saya *quote* tahun 1995 lepas itu angkanya menurun-menurun sehingga tahun dahulu hanya 5.5 juta pelancong sahaja.

Pada tahun 1995, negeri lain di Asia ini tidak dapat menandingi jumlah pelancongan yang kita perolehi. Satu perkara saya ingin mengatakan kepada Yang Berhormat bagi Kepong, dalam masalah hubungan baik antara negara, hubungan baik antara kaum, hubungan baik antara parti, Yang Berhormat jangan cakaplah kerana Barisan Nasionallah yang pandai sekali, bagaimana hendak menjaga hubungan baik ini kerana kita tengok belum apa-apa parti Yang Berhormat sudah seluk kain parti lain. Ini akan mengakibatkan *tension*. Jadi, bab ini Yang Berhormat tidak payah menasihatkan kerajaan.

**Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kita tahu hendak menjaga hubungan baik antara negara kita dengan negara jiran. Cuma, saya hendak mengingatkan lagi satu, saya hendak beritahu lagi kepada Yang Berhormat apa maknanya pelancong. Pelancong takrif antarabangsa ialah mereka yang datang ke negara kita daripada luar negeri dan mesti menginap di sini tidak kurang daripada 24 jam. Kalau dia datang lebih satu kali, kita menerima dua orang pelancong walaupun badannya sama. Yang ini Yang Berhormat kena faham. Jadi, jangan dipersoalkan tentang berapa kali dia balik. Itu kita tahu dan kita mempunyai mekanisma untuk hendak mengetahui perkara dari mana dia datang, berapa banyak dia belanja, bagaimana dia belanja, bulan berapa dia suruh datang dan apa kesukaannya, ini kita tahu.

[*Yang Berhormat bagi Rompin dan Yang Berhormat bagi Tumpat bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada dua orang bangun.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tetapi tidak payahlah saya terangkan di sini. Okay, Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Saya hendak minta ulasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang pandangan Yang Berhormat bagi Kepong lepas itu Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, tentang Pengerusi DAP supaya tindakan disiplin diadakan kepada Yang Berhormat bagi Marang. Yang Berhormat bagi Tanjong ada, adakah Yang Berhormat bagi Tanjong ingin apa orang kata, mengesahkan tuntutan DAP supaya PAS mengambil tindakan disiplin kepada Yang Berhormat bagi Marang sebab itu Pengerusinya. Yang bercakap ini hendak mendengar Setiausaha Agung sendiri dan bercakap di depan orang yang hendak ambil tindakan itu. Hendak tahu berani atau tidak berani Yang Berhormat bagi Tanjong. Nampak Yang Berhormat bagi Tanjong berani sangat. Tunjuk dia berani ke tidak hari ini? Sebab dia tuduh dan minta tindakan dibuat depan Yang Berhormat bagi Marang sendiri, kalau dia mula berani. Dia kata, dia tidak beranilah. Kalau tidak berani tidak usah tanding pilihan rayalah.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat bagi Tanjong pula bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Dia minta penjelasan, saya belum pun jawab, tunggu saya jawab. Satu-satulah saya layan. Ini layan ramai sekali ini, tidak mainlah Yang Berhormat [Ketawa].

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tumpat pula bangun.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kita memang hendak dengar bahawa *Secretary General* nya mengulangi dalam Dewan ini....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduk Yang Berhormat .

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tetapi saya yakin calon yang hendak menggantikan jawatan Ahli Yang Berhormat bagi Marang ini sudah ada. Saya rasa calon DAP akan mengemukakan nama Ahli Yang Berhormat bagi Kepong untuk mengambil tempat itu, jadi Pengerusi Disiplin PAS kerana saya tengok Yang Berhormat bagi Kepong ini, dia tahu, imam dia tahu, hendak nikah macam mana, sudah layak dia menjadi Pengerusi Disiplin PAS itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua orang yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** [Bangun]

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Sila.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Pengerusi, kami tidak ada masalah, yang ada masalah UMNO, sudah tiga orang Timbalan kena pecat, Datuk Musa Hitam, Tun Ghafar Baba dan Dato' Seri Anwar Ibrahim, kena tendang. Kami tidak ada masalah, UMNO yang ada masalah.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Akan dipecat selepas ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, kita tidak mahu Dewan ini buang masa. Tidak apa, kita rela bila-bila menghadapi Barisan Nasional, bukan masalah tetapi isu kita sekarang ialah peruntukan tambahan untuk pelanconga., Itulah, saya mahu tanya lebih spesifik, adakah itu cara elok untuk menarik pelancong apabila membelanjakan wang begitu banyak semacam menganjurkan *Petronas Malaysia Formula One Grand Prix* yang melibatkan wang rakyat, bukan sahaja perlu RM286 juta untuk membina *Formula One Circuit* sebab mahu menarik pelancong-pelancong tetapi beratus juta Ringgit dibelanjakan untuk menganjurkan *grand prix* dan di mana kerajaan negeri dipaksa untuk memberi sumbangan untuk menjayakan *Petronas Malaysia Formula One Grand Prix*.

Negeri Pulau Pinang dipaksa untuk *contribute* US\$100,000 secara paksa. US\$100,000 bersamaan RM380,000, kenapa.... sangat jelas semua negeri, kecuali negeri Kelantan saya tidak tahulah, semua dipaksa untuk memberi levi yang '*compulsory levy*'

supaya menjayakan *Petronas Malaysia Formula One Grand Prix* atas alasan mahu menarik pelancong-pelancong.

Inilah satu lagi penyelewengan di bawah pemerintahan Barisan Nasional dan kita mahu tahu kenapa, kita mahu tahu semua negeri-negeri, kerajaan berapa yang dipaksa daripada mereka oleh kerana dari negeri Pulau Pinang, ini ada dokumen kalau mahu nafi, US\$100,000 di mana di bahagikan kepada kerajaan-kerajaan tempatan untuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang, George Town dipaksa untuk *contribute* RM63,000, kenapa?

Walhal di negeri Pulau Pinang banyak masalah, sekarang banjir dalam negeri Pulau Pinang. Sepatutnya wang digunakan untuk kesejahteraan penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang tetapi dipaksa daripada mereka untuk *contribute* bagi menjayakan *Petronas Malaysia Formula One Grand Prix*, beratus – RM300, RM400 juta dibelanjakan. Berapakah wang kita dapat balik?

Bukankah ini lagi satu contoh pembaziran wang rakyat atas nama pelancongan di bawah Kementerian Pelancongan. Inilah satu tindakan jenayah, '*a criminal negligence*' itu lebih relevan. Harap boleh memberi jawapan. Macam Stadium Bukit Jalil, kenapa wang begitu banyak? Bolehkah kita dapat satu jawapan?

**Seorang Ahli:** Hendak promosi Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, Rompin pula bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebelum jawab.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya hendak jawab Ahli Yang Berhormat bagi Maran dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah, jawab kenapa paksa kerajaan-kerajaan negeri.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nantilah, orang belum jawab, awak bising buat apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, biar saya kawal keadaan ini.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Belum jawab lagi Yang Berhormat. Ini belum jawab, sudah jawab apa, ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan lari, kalau ..... Menteri Pelancongan berdiri, itulah ..... jangan lari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat beri dia peluang menjawab. Yang Berhormat bagi Tanjong. Yang Berhormat beri Setiausaha Parlimen jawab ya. Minta Yang Berhormat tolong duduk. Yang Berhormat...

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kadang-kadang kita susah juga hendak faham bagaimana, orang mengatakan, ahli pembangkang ini memang tidak hormat Dewan, contoh Ketua Pembangkang. Semasa dia bercakap, saya beri laluan, saya duduk. Bila saya sudah berdiri, dia duduk, maknanya dengan izin, *I am holding the floor now, if you respect the Dewan, you sit down and don't speak anymore*

**Tuan Lim Kit Siang:** *If you don't answer, get out.*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** *You don't speak anymore.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *Answer, answer.*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** *Obviously I am going to answer.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *I wait for the answer.*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** *But you should show you are gentleman, your integrity, respect the Dewan. Sit down and don't talk. If you want to speak again dengan izin, I let you stand up after this, don't worry.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *You jawab dahulu.*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** *Show that you are a the leader, if not leader of the governmentally, leader of the opposition, dengan izin.*

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, jawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]...Sebelum, jawab.*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya hendak mengulas Yang Berhormat bagi Marang. Yang Berhormat bagi Marang ini macam dia kepingin hendak jadi Timbalan Perdana Menteri. Kalau hendak jadi Timbalan Perdana Menteri masuk UMNO, kalau PAS tidak ada *chance*, memang boleh. Jawatan Timbalan Perdana Menteri ada kalanya berganti-ganti tetapi dalam keadaan semangat Barisan Nasional. Kalau ingin hendak cuba, masuk UMNO, boleh *try*.

Kepada Yang Berhormat bagi Tanjong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Rompin pula bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebelum jawab.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Okay.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ingat Dato' Setiausaha Parlimen tidak perlu jawab dia, dia hendak mengalih perhatian, dia tidak sambut cabaran saya.

Cabaran saya, dia arah Pengerusi dia mengambil tindakan disiplin kepada Yang Berhormat bagi Marang. Mengapa hari ini dia tidak menolak. Bermakna dia bersetuju cadangan Pengerusi parti dia sendiri, yang dia letak supaya mengambil tindakan disiplin kepada Yang Berhormat bagi Marang, itu dia tidak sambut, dia mengelak cari, blup.... blup ....Pulau Pinanglah, Kelantanlah, buka cerita lain. Dia tidak jawab soalan itu. Itu saya tanya. Yang Berhormat bagi Marang pun bangun, dia tidak jawab juga. Di luar dia kata tidak bersetuju, dalam bilik dia bersetuju. Inilah dia, antara dia berdua ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Itu di luar tajuk.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa jenis ketua pembangkang. Adaklah Yang Berhormat bersetuju dalam suasana ini, bagaimana pelancong mahu datang, pergaduhan antara berdua ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Di luar tajuk.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Answer the question.*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bersetuju atau tidak? Tidak berani, dia mengalih perhatian, inilah tunjuk belang siapa dia Tanjong yang sebenar.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat bagi Tanjong ini, macam ayam jantan, berani berkokok di luar sahaja, masuk gelanggang....

**Seorang Ahli:** Macam ular dua kepala.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Answer.....*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya akan jawab tetapi saya jawab, Yang Berhormat daripada ....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Duduklah, tolong duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Otherwise minister answer. If you cannot answer minister answer. Can you answer? Can? Okay.*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tidak payahlah susahkan menteri saya, Setiausaha Parlimen pun boleh *handle*. Apalah pembangkang ini.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Itu standard Setiausaha Parlimen sahaja dia, Ketua Pembangkang.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Jadi, saya ada banyak kerja asing lagi yang lebih mustahak. Dia banyak masalah lain lagi, masalah masa depan negara tergantung pada bahu dia.

**Tuan Lim Kit Siang:** *What is this.....* Setiausaha Parlimen semacam ini. Minta tukarlah, mana *answer*?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Duduklah, ini hendaklah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Menteri pula bangun.

**Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... Pelancongan, apa ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya, sila.

**Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Dia menghadapi sedikit dilema, *because before him*, ada satu soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Jadi, sepatutnya, soalan Ahli Yang Berhormat bagi Rompin jawab dahulu, lepas itu baru dia akan jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(1) *could be irrelevant*, macam mahkamah, *irrelevant*, dalam Parlimen pun jadi *irrelevant* pun, *answer the question, that is relevant*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya..

**Tuan Haji Noh bin Omar:** .....berani kalah.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Sabarlah, kalau orang Pulau Pinang boleh sabar, lepas Tanjong 1, Tanjong 2, kosong lagi Tanjong 3, kosong lagi Tanjong 4, berapa puluh tahun, sabar. Ini tunggu lima minit pun tidak sabar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Buang masa rakyat, buang masa ..... jawab.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Sepatutnya orang Tanjong yang tidak sabar, janji kosong itu.

Tuan Pengerusi, tahun 80-an, saya dengar Ahli Yang Berhormat ini, masa itu daripada Kota Melaka mengatakan kerajaan membazir, jambatan Pulau Pinang membazir, tidak payah, dia hendak naik tongkang sahaja, dia kata, tetapi kerajaan tahu bahawa jambatan Pulau Pinang itu adalah satu projek yang paling mustahak terutama sekali kepada orang Pulau Pinang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of order.* Saya tidak pernah cakap begitu. Jangan *twist*. Jawab kenapa paksa kerajaan-kerajaan negeri untuk [*Disampuk*] bayar levi untuk *Formula One*.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *Point of order* nombor berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawab itu!

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Duduk, duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of order.* Seseorang tidak boleh cakap bohong dalam Dewan yang mulia ini. Itu pun tak tahu.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Nombor berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini pun tak tahu. Ini pun tidak ada maruah. Apa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kita teruskanlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Meyampuk*] Tidak mahu jawab, mahu lari.....

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah bukti.....

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kita tahu ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah bukti, *official document.* [*Menunjukkan satu dokumen*]

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, saya malas hendak bertengkar macam kedai kopi. Apabila saya bercakap, dia tidak perlu cakap. Apabila saya bagi dia bercakap, saya tidak perlu cakap. Hormatlah sedikit pada Dewan.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Ini bukan kedai kopi. Kedai kopikah ini? Dia tidak mengaku hari ini tetapi dalam pilihan raya tahun 1990 dan 1985, itulah modalnya – mengatakan bahawa projek Jambatan Pulau Pinang membazir. Kerajaan tidak menggunakan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Lagi satu. Membohong!

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** .....wang perbelanjaan dengan cermat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bohong. Saya tidak pernah kata.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh bohong dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Apa hendak jadi dengan Dewan ini kalau Yang Berhormat menganggapnya sebagai kedai kopi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa akan jadi Dewan ini kalau orang boleh berdiri untuk berbohong macam Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya tidak mahu layan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Ini kita bukan bercakap dalam kedai kopi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tidak boleh jawab, tahu itu salah, tahu ini satu penyelewengan. Paksa kerajaan negeri Pulau Pinang *contribute* US\$100,000 dan mungkin lain-lain negeri, satu dua tiga. Mungkin 10 juta, 20 juta.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Menteri Pelancongan tidak berani berdiri pun. Inilah *specific issue* mengenai pelancongan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *Point of order.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, Rompin.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila, sila. Ada *point of order.*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, saya tidak bagi dia jalan. Mengapa dia bercakap?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *Point of order.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.. Ada *point of order.* Rompin sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *Point of order.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *Disgrace order.*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Siapa yang *disgrace order.* Di sana yang *disgrace order.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Seseorang Ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya apabila dipanggil oleh Pengerusi, maka hendaklah memberi ucapan kepada Pengerusi. Bukan bangun sesuka hati. Itu yang *disgrace order* dalam Dewan ini. Itu yang saya bangkitkan 35(1).

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta *ruling* daripada Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya minta Yang Berhormat Tanjong, minta bersabar. Kita telah lama.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Masalah jawab tidak boleh ini..... Saya, dengan izin, *I am holding the floor.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** *I will answer.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tetapi saya memohon kefahaman Yang Berhormat, jangan jatuhkan maruah Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tidak boleh jawab, apa guna.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya boleh bercakap *[Disampuk]* semasa Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah *unethical responsibilities*.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya boleh bercakap semasa Yang Berhormat bercakap tetapi apabila saya berbuat demikian, saya sudah bersama-sama Yang Berhormat menjatuhkan maruah Dewan ini seolah-olah kita dalam pasar borong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya mahu tanya. Boleh jawab atau tidak boleh jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Apa ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tunjukkanlah teladan yang baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya hendak jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya hendak jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, jawab!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong, saya mintalah, kalau hendak jawapan, bagilah dia peluang menjawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Tetapi jangan pusing-pusing.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, bagi dia peluang. Sudahlah.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya masih ingat, Datuk Pengerusi semasa saya duduk di sana, dengar Ahli Yang Berhormat ini bercakap tentang Lebuhraya Utara-Selatan – membazir, salah gunakan wang, begitu begini. Kalau boleh hendak batalkan projek itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak kata begitu.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Yang itu saya dengar semasa itu saya duduk di kerusi E24 sana.

**Tuan Tan Kok Wai:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada *point of order* pula. Nombor berapa Yang Berhormat?

**Tuan Tan Kok Wai:** Setiausaha Parlimen itu seringkali berbohong dalam Dewan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat salah *point of order*.

**Tuan Tan Kok Wai:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jangan guna perkataan "berbohong". *Point of order* ke berapa dan jangan pakai perkataan "bohong" Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya minta Tuan Pengerusi mendisiplinkan seorang yang sering berbohong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat. Saya nampak perbahasan ini kita membuang masa Dewan. Kita kena ikut peraturan. Satu-satu bercakap. Dia sedang menjawab, biar dia menjawab. Kalau dia perlu menjawab setengah jam pun tidak mengapa. Selepas itu Yang Berhormat boleh soal. Sila, teruskan.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan pusing-pusing. Jawab terus, relevan. 36(1) pun dipakai mengenai penggulungan, irrelevancy. Apa dia irrelevancy? Kata boleh jawab tetapi sampai sekarang tidak boleh jawab. Jawab betul-betul. Mengapa ikut salah .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, cukuplah Tanjong.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya boleh jawab dengan pendek, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, jawab!

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya katakan Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong ini kepala otak dia tidak berapa cerdik. [Disampuk] [Ketawa] Apa yang dia cakap itu adalah satu anggapan yang tidak berapa cerdik. Saya boleh jawab begitu. Apa perasaan Yang Berhormat? Walaupun kita berbahas di sini, saya menghormati juga Yang Berhormat untuk memberi penerangan yang lebih lanjut kerana menghormati Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang. [Disampuk] Kalau saya kata Yang Berhormat itu kepala dia tidak cerdik, tahu cakap sahaja, tidak tahu mana dia letak otak dia pada masa itu. Boleh!

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh jawab atau tidak boleh jawab!

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** *Very act, concise and direct to the point.*

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tetapi saya tidak mahu jawab begitu. [Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya terangkan .... [Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri ambil-alih. [Ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan] Boleh jawab atau tidak boleh jawab? Kalau tidak boleh, malu untuk Kementerian Pelancongan. Satu isu

yang specific dikemukakan mahu dipusing-pusingkan semacam ini. Apa Kementerian Pelancongan mana lagi ada darjat. *Answerlah!*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Duduklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa bising-bising itu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa bising-bising itu?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nampaknya Tanjong Rambutan!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya sampai sekarang, Tuan Pengerusi .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang....

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, saya sampai sekarang masih lagi tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong tidak faham tentang Peraturan Mesyuarat. Itu yang masih saya tidak faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Apabila saya bangun, janganlah bangun bercakap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak mahu jawab?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Okay, sekarang saya hendak jawab. Dalam projek Lebuhraya Utara-Selatan, parti pembangkang membangkang. *[Disampuk]* Hari ini parti pembangkang dan ahli-ahli parti pembangkanglah yang menggunakan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bertanya Formula One, bukan Lebuhraya Utara-Selatan.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Ahli-ahli parti pembangkanglah yang juga menggunakan Jambatan Pulau Pinang. Ahli bagi Tanjong, Ahli bagi Kepong pun pergi ke Penang juga. Ahli dari bahagian-bahagian dan kawasan-kawasan Parlimen yang lain di Tanjong itu menggunakan jambatan itu. Datang ke Kuala Lumpur dengan selesa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat hendak bagi jalan atau tidak?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Dan mereka tahu bahawa projek itu projek baik walaupun daripada mulanya mereka membangkang, seolah-olah itu satu pembaziran. Sama juga Lebuhraya Utara-Selatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak bagi jalan atau tidak kepada Kepong?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tunggu sekejap. Lebuhraya Utara-Selatan menguntungkan semua rakyat. Daripada Tanjong, dia boleh balik ke kampung dia, pergi Kota Melaka dengan Lebuhraya Utara-Selatan tetapi apabila dia tahu benda itu memberi kemudahan yang elok kepada rakyat, dia senyap. Sekarang, kita terus maju ke hadapan.

Daripada Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Utara-Selatan kepada Putrajaya, kepada *Formula One*. Kita terus maju ke hadapan. Pergi ke KLIA. Ini akan memberi manfaat kepada rakyat kita di masa hadapan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tahu bahawa lebih daripada 25% kos pembinaan trek *Formula One* itu telah dapat balik dalam masa satu kali sahaja kita mengadakan perlumbaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Paksa kerajaan negeri bayar.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Bermakna empat kali atau lebih kita akan dapat modal balik. *You get your return on investment after five years. What do you consider that, dengan izin. Don't shooting that is the best investment, dengan izin, Tuan Pengerusi.*

**Tuan Lim Kit Siang:** Cakap-cakap besar sahaja, fikir tentang kos.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya hendak pergi ke situ. Dalam Barisan Nasional kita tidak ada paksa. Kita terangkan kepada negeri-negeri umpamanya negeri Pulau Pinang. Atas *Formula One* ini negeri Pulau Pinang mendapat keuntungan daripada pelancongan bertambah-tambah dan memanglah ada kebaikannya supaya Pulau Pinang juga turut membantu upacara *Formula One* ini kerana semasa *Formula One* itu diadakan Yang Berhormat tahu atau tidak lebih daripada 20 milion biji mata di dunia ini melihat perlumbaan itu. Mereka tahu sebab komentator sentiasa mengulangi bahawa *Formula One* itu adalah di Malaysia, dia kata. Perkataan 'Malaysia' dalam 'slang' orang putihlah dan mereka tahu di mana itu Malaysia.

Yang Berhormat tahu atau tidak kita pun menggunakan peruntukan kita RM150 juta ini, antaranya Yang Berhormat tengok 'Visit Malaysia'. Tiap-tiap kali kereta lalu sahaja di situ 'Visit Malaysia'. Lebih daripada 20 juta orang melihat pada iklan itu. Kita anggap bahawa itu adalah satu kejutan, beritahu kepada dunia apa yang ada dan apa yang berlaku di Malaysia dengan upacara *Formula One* ini. Kepala manusia, Yang Berhormat, bila nampak satu benda dia akan berfikir kalau Malaysia boleh mengadakan *Formula One* sudah tentu negeri ini negeri yang maju, elok, cantik, dia akan teringin hendak tahu lagi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada satu lagi 'egomania'.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya belum habis...

**Tuan Lim Kit Siang:** Egomania.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya belum habis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Egomania.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kita bercakap tentang pelancongan, kalau orang tidak tahu tentang negeri kita macam mana mereka hendak datang ke sini. Mesej pertama bagi tahu dia bahawa itu Malaysia. Keduanya, kita ulangi lagi dengan promosi-promosi pelancongan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu masa rakyat ...

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Nanti dulu. Upacara besar-besaran ini memberikan maklumat pertama kepada rakyat, kepada dunia tetapi kita perlu ulangi dengan susulan, promosi, mata bertentang mata, suai kenal, pujuk, penerangan, bagi tahu apa yang ada di Malaysia. Itu disusuli dengan rombongan-rombongan, promosi-promosi pelancongan, pegawai pergi, mereka yang terlibat dalam perniagaan pun pergi barulah kita dapat tarik dia orang ke sini. Usaha ini bukannya sekali buat sahaja Yang Berhormat boleh berjaya. Yang Berhormat tidak tahu perkara ini macam mana hendak tarik pelancong. Sebenarnya Yang Berhormat tidak tahu usaha, Yang Berhormat sehingga kini hanya menjatuhkan kedatangan

pelancong sahaja, *tak ada lain*. [Tepuk] Usaha yang kita buat adalah betul tetapi Yang Berhormat tidak setuju. Itu saya faham lah kerja pembangkang ini hendak menjatuhkan kerajaan sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masalah sekarang ini. Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya memang dengar hujah-hujah yang menjelajah ke seluruh dunia tetapi apabila Yang Berhormat jawab kita mesti tepat kepada soalan itu adakah wajar dan munasabah hendak kita paksa setiap negeri membayar lebih RM380,000. Itulah soalan yang pokok dan jawapan mestilah jitu, persis dan tepat. Saya pun ada menonton televisyen mengenai *Formula One*. Saya pun ada dengar, oh itulah daripada Malaysia dan sebagainya dan memang usaha ini kita tidak mempertikaikan. Cuma cara-cara untuk menganjurkan perlumbaan Grand Prix ini. Itu sahaja pertikaian. Janganlah kita mempunyai majoriti 2/3 kita boleh melakukan kezaliman walaupun kita hendak 23 pasang mata untuk melihat, itu memang suatu perkara yang baik. Tetapi apabila digunakan kezaliman majoriti, ini memang satu perkara yang tidak patut dilakukan untuk sebuah negara yang demokrasi berparlimen. Itulah soal yang pokok. Adakah kezaliman untuk memaksa setiap negeri menyertai dengan sumbangan itu. Ini soal yang pokok.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, kita tidak pernah memaksa mana-mana pihak dalam menguruskan satu-satu event ini. Yang kita minta ialah kerjasama supaya satu event yang begitu baik, yang begitu memberi pulangan yang lumayan kepada industri pelancongan kita minta kerajaan-kerajaan negeri menyumbang bersama. Kita tahu daripada sumbangannya itu adalah sebahagian kecil sahaja daripada apa yang negeri itu akan dapat dan keuntungan yang sedang dapat. Tidak ada paksa. Yang Berhormat telah memberi satu gambaran yang terpesong, begitu terpesong.

**Seorang Ahli:** Sesat.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** 'Sesat' kata kawan-kawan saya. Itu dia.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak bagi jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tidak payahlah, bukan saya tidak mahu hendak jawab tetapi .....

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk].....semua negeri turut dipaksa untuk...., apa angka itu atau tidak tahu?.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Yang Berhormat bertanya dan saya menjawab. *There should be some elements of respect*, dengan izin, *between the Members of Parliament*. Saya bagi Yang Berhormat tanya tetapi apabila saya menjawab bagi pihak kerajaan *as a man of integrity, a man of respect, you should have some elements of respect to the one who gives the answer*. Kalau kita terus bertengkar macam pasar borong tidak habis. Saya sudah bagi jawapan, dalam kerjasama antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri tidak ada paksaan. Kita telah bagi tahu kepada mereka keperluan dan sumbangan-sumbangan yang mereka patut bagi dan mereka bagi dengan segala kefahaman bahawa kerajaan-kerajaan negeri itu akan dapat pulangan yang baik. Tetapi mungkin Yang Berhormat dengar daripada kedai kopi, dengar daripada pasar borong, dengar daripada *hair dressing saloon* bahawa ...

**Seorang Ahli:** Massage parlour. [Ketawa].

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:**...*massage parlour*, cerita-cerita yang tidak betul kononnya kita paksa. Mana ada paksa? Sebab itulah hubungan baik antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri baik, tidak ada terjejas, kita sentiasa berbincang. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, segala usaha kita untuk membawa pelancong ke dalam negeri, negeri yang paling untung sekali mendapat pulangnya ialah Pulau Pinang. Ini Yang Berhormat tidak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun, boleh beri jalan atau tidak?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Boleh, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dari tadi saya minta. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dari konteks *Formula One* memang Kelantan juga kena minta juga wang. Masalah yang ingin saya tanyakan dalam *Formula One* ini sebab banyak yang disentuh oleh rakan saya daripada Ketua Pembangkang ialah masalah...

**Seorang Ahli:** Tanya baik.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ini tanya baik, serius dan relevan. Apa yang saya musykil ialah saya lihat dari segi konteks budaya kita, dari segi konteks agama kita *Formula One* itu apabila diisytiharkan kemenangan dan piala itu disampaikan oleh Perdana Menteri, kemudian istiadat selepas daripada itu. Kenapa istiadat selepas daripada itu, seperti itu diadakan juga dalam negara kita ini? Ini satu benda yang amat menyedihkan dan amat mendukacitakan saya. Botolnya besar tinggi. Barangkali kalau Perdana Menteri tidak lari, saya rasa tumbang Perdana Menteri terkena pancutan air botol itu. Barangkali Yang Berhormat faham kan?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Nanti dulu, saya tidak habis lagi tanya, ada lagi soalnya. Saya setuju dan menghormati menteri dan juga saya menghormati Yang Berhormat sebab kita kenal lama. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan pelancong tidak datang ke negara kita ini ialah berlakunya huru-hara itu dan ini.

Saya melihat kehuru-haraan yang berlaku sebelum daripada ini adalah bukan berpunca daripada pembangkang, berpunca daripada kerajaan, pemerintah, pemimpin. Ini puncanya. Ertinya kerajaan mesti jaga, misalnya saya beri contoh berlakunya 13 Mei, ini bukan berpunca daripada pembangkang berpunca daripada...

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sabar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dan contoh yang kedua, misalnya....

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Luar tajuk Tuan Pengerusi, luar jauh terpesong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah berilah dia jawab.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ada lagi soalan-soalan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tumpat berilah dia jawab ya. Cukuplah-cukuplah, panjang sangat Yang Berhormat tanya itu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan dalam kontek Kelantan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, panjang sangat Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dalam kontek Kelantan, macam peruntukan RM150 juta yang telah diperuntukkan itu, berapa juta untuk Kelantan untuk mempromosikan pelancongan sebab Kelantan ini sebahagian daripada negara kita.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh duit mau ya!

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan terakhir Tuan Pengerusi. Kenapa pelancong ramai datang ke Kelantan, macam tahun lepas sahaja 2.3 juta pelancong datang ke Kelantan melebihi daripada rakyat negeri Kelantan. Apakah faktor-faktor yang menarik? Apakah negeri-negeri lain tidak ingin mempelajari daripada negeri Kelantan untuk mempromosikan pelancongan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa di Kelantan pun ada jual arak dan apabila mereka minum mereka boleh minum dalam tempat-tempat tertentu. Saya hendak bawa cerita kes itu kepada upacara kemenangan Formula 1. Adakah terpercik dekat baju Yang Berhormat? Adakah terpercik kepada orang-orang Islam? Yang Berhormat, mereka ini datang membantu kita untuk hendak membawa ribuan lagi jutaan pelancong. Asalkan mereka tidak melibatkan kita sudahlah. Yang Berhormat cakap begitu di Dewan ini kerana Yang Berhormat hendak political mileage sedangkan di Kota Bharu orang pun boleh minum juga tidak tutup semua.

Jadi kalau Yang Berhormat cakap tentang itu mestilah ada dia punya perseimbangannya, apa Yang Berhormat cakap di sini dan apa Yang Berhormat buat di Kota Bharu. Lagi satu Yang Berhormat. Tidak habis Tuan Pengerusi, tidak habis lagi.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah-cukuplah.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tidak habis lagi, Yang Berhormat tanya dua, tiga soalan, saya baru jawab satu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat cukuplah.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kita tidak lakukan. Yang Berhormat duduk.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya tidak bagi lagi dah. Yang Berhormat, Yan duduk, duduk, Ini semua cakap politik sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini lagi malu PAS tunduk pada DAP tahu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ini lagi malu.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ..... dalam dunia tetapi berlaku perbuatan seperti ini. Ini memalukan kami.

**Tuan Pengerusi:** Tumpat.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah. Yan, Yan

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Di Kelantan tiap-tiap tahun banjir tahu tak.

**Tuan Pengerusi:** Yan. Cukuplah. Tumpat cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat, minta-minta duduklah kesemua sekali Yang Berhormat. Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat. Tidak patut merasa marah, menunjukkan kemarahan begitu.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi saya setuju, dengan Tuan Pengerusi, dia marah itu political miles sahaja, Tuan Pengerusi itu sahaja selepas itu kalau ada keluar dalam *Hansard* dia pun beritahulah, saya betul-betul begini kata dalam Dewan saya marah. Political miles sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Political miles sahaja tetapi tidak ada mendatangkan apa-apa yang berkesan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat. Begini Yang Berhormat sekalian, kita tidak ada masa sekarang sepatutnya atau ucapan ataupun perbahasan dari satu perkara ini sudah habis

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Betul Tuan Pengerusi

**Tuan Pengerusi:** Kita hanya ada dua hari sahaja, petang ini kita cuba hendak menghabiskan satu lagi rang undang-undang berkenaan dengan kewangan. Saya haraplah Yang Berhormat-Yang Berhormat bekerjasama dengan saya. Kalau sekiranya hendak bertanya, bertanyalah dengan elok bukanlah dengan marah dan hendak berkempen semasa ini. Kempen sama-sama sendiri di sini buat apa. Bukan ada dapat apa. Apa gunanya, tidak ada guna apapun, hanya hendak menaikkan darah kita sahaja, yang darah tinggi itu lagi teruk lagi, yang tidak ada darah tinggi naik darah tinggi. Yang Berhormat sila teruskan dan lepas daripada ini saya tidak membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengganggu di bawah Peraturan 37(2). Pengerusi boleh tidak membenarkan mana-mana Ahli meminta penjelasan sekiranya didapati bahawa majlis mesyuarat tidak mempunyai masa. Yang Berhormat teruskan.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apa yang dicakapkan itu adalah benar. Berkenaan dengan ramai dikatakan pelancong-pelancong luar pergi ke Kelantan, mereka ini hendak tengok kasihan kepada Kerajaan Kelantan. Mereka membangun Kerajaan Kelantan, negeri Kelantan tidak membangun dan jadi mereka hendak tengoklah dengan mata kepala mereka sendiri. Mereka sudah pergi ke Kelantan, sudah tengok, balik menceritakan kepada kawan-kawan betul ya negeri Kelantan ini tidak maju ya, masalah air tidak selesai. Itu hendak beri jawapan kepada Yang Berhormat mengapa mereka pergi. Sepatutnya Yang Berhormat terima kasih, walaupun macam mana ada orang kasihan juga hendak membantu ekonomi Kelantan sedikit sebab kita kasihan sesama warganegara sesama Islam itu Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita menggunakan wang RM150 juta ini untuk mengiklankan antarabangsa, untuk buat promosi sama ada promosi antarabangsa atau juga promosi domestik, untuk perhubungan awam membawa pesonaliti-pesonality yang terkemuka dalam industri pelancongan datang ke sini supaya membantu kita membuat promosi di negeri-negeri mereka. Membawa kakitangan krew televisyen ataupun media-media massa untuk membuat liputan-liputan tentang keadaan negara kita. Untuk mencetak penyebaran maklumat seperti mana yang disarankan oleh sesetengah Ahli Yang Berhormat. Kita mengadakan waitlist travel supplement untuk surat khabar terkemuka di Singapura. Tiap-tiap hari Selasa ada waitlist supplement di dalam surat Singapura iaitu *Straits Time* dan *Lian He Xiau Bau*.

Kita buat demikian, kerana kita tahu rakyat Singapura memang berminat hendak datang ke sini dan kita beri maklumat-maklumat ini. Sambil itu kita juga cetak risalah-risalah. Pada tiap-tiap tahun kita mencetak sekurang-kurangnya satu juta naskhah risalah yang berharga antara 0.35 sen ke 0.50 sen satu naskhah. Menerangkan tentang keadaan kita

untuk mempromosikan pelancongan. Risalah ini, phamplet ini dicetak di dalam pelbagai bahasa. Kita edarkan ke seluruh dunia terutama sekali kepada 18 buah pejabat kita serata dunia. Semua pejabat MAS, semua pejabat Kedutaan kita dan ini pun kadang-kadang tidak cukup kerana apabila sudah habis kita kena tambah, kena tambah, kena tambah lagi.

Oleh yang demikian, jumlah untuk mencetak phamplet sahaja kadang-kadang sampai 20 juta satu tahun. Walau bagaimanapun kita tahu bahawa ini perkara yang baik dan ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya lebih banyak lagi *phamplet* ini diedarkan. Ini perkara baik tetapi terpulang kepada kemampuan kita dan kita tengok tempat-tempat itu bagaimana trend kedatangan pelancong di situ. Kalau kita tahu misalnya di Alaska kita hendak cetak apa. Tak akan orang Alaska datang dengan jumlah yang ramai datang ke sini. Kita hendak taburkan kita punya kepada tempat-tempat yang tertentu juga.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat misalnya Yang Berhormat bagi Balik Pulau. Balik Pulau menyentuh tentang kebudayaan sebagai tarikan pelancongan. Beliau menyarankan supaya keaslian tarian-tarian kita ini dalam semua aspek dijaga. Kita bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat ini dan kita tahu bahawa kebudayaan itu memang menjadi salah satu tarikan untuk membawa pelancong datang. Dalam pada itu, kita juga ingin menerangkan bahawa kumpulan-kumpulan tarian ini bukanlah hanya datang daripada kementerian, ada kumpulan-kumpulan lain yang mempunyai pendirian dan pandangan mereka sendiri. Tetapi yang mana bertanyakan kepada kementerian dan yang mana diuruskan oleh kementerian, kita cuba sedaya upaya untuk hendak mengekalkan keaslian tarian-tarian itu dari mana datangnya, pakaiannya, muziknya, alat-alat muziknya untuk tontonan mereka yang tertentu.

Kadang-kadang kita tahu yang datang menonton itu bukanlah berminat dengan kebudayaan sahaja, mereka bukanlah datang daripada individu-individu yang begitu gemarkan kepada ketulenan itu. Jadi kita persembahkan tarian-tarian yang rancak kerana mereka hendak mendengar muzik yang rancak, pakaian yang *colorful* kita persembahkan yang itu, tetapi kalau misalnya penonton-penonton itu terdiri daripada mereka yang betul-betul berminat kepada keaslian, kita bagi yang asli. Jadi kita tengok tempat dalam hal ini. Inilah yang saya harap kefahaman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya ahli daripada Balik Pulau.

Beliau juga menyentuh tentang rekreasi pelayaran. Kementerian sememangnya berusaha untuk memajukan kegiatan ini. Kita bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan untuk mengemaskinikan undang-undang supaya aspek-aspek kegiatan yang bersangkutan paut dengan pelancongan dikawal oleh undang-undang yang sedang dikaji ini. Berkenaan dengan produk-produk pula, kita sememangnya mengalu-alukan pengusaha-pengusaha untuk melabur dalam kegiatan ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelayaran. Sebagai makluman juga memang ada beberapa syarikat yang melaksanakan pakej-pekej pelayaran dan juga kegiatan-kegiatan pelayaran untuk pelancong.

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengucapkan terima kasih. Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga mengucapkan tahniah di atas usaha promosi kita di Timur Tengah yang telah kita lakukan beberapa tahun. Sekarang kita mula mendapatkan pulangannya dengan kelihatannya ramai pelancong Timur Tengah datang ke sini. Itu adalah usaha kementerian dan juga usaha negeri-negeri yang kita bawa bersama-sama dalam promosi kita, membawa mereka yang datang dari Timur Tengah ke sini.

Alhamdulillah, nampaknya ada menunjukkan pulangan yang baik. Tentang kontrak-kontrak promosi ini, saya suka menyatakan bahawa ada dua syarikat yang telah dibagi untuk mengendalikan promosi kita ke luar negeri setelah dipilih daripada puluhan

syarikat yang menawarkan dan juga sebuah syarikat lain yang mendapati kontrak promosi dalam negeri. Personaliti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang 'Pasu' itu memang tidak mendapat apa-apa kontrak daripada kementerian.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, dia kata saya dari Kubang 'Pasu', saya Kubang Kerian.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kubang Kerian,

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Nampaknya dia tidak iktiraf Kubang Pasu ini.  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Minta maaf. Takkan Kubang Pasu bertanya pada saya dalam Parlimen. Sudah tentulah itu kesilapan lidah saya, *slip of the tongue is not the fault of the mind*, dengan izin.

Ahli daripada Rompin menyarankan supaya promosi-promosi diadakan untuk mempromosikan tempat ataupun produk-produk pelancongan setempat. Beliau mengatakan tentang *echo-tourism*, pantai dan sebagainya.

Sememangnya kita menekankan tentang perkara ini dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bahawa kegiatan-kegiatan menjelajah hutan alam semulajadi memang ada dipakejkan oleh agen-agen pelancongan tertentu dan kita juga ada mepakejkan promosi *diving* di luar negeri. Dalam usaha kita hendak menarik pelancong datang ke sini sebenarnya kegiatan *diving* ini menjadi satu tarikan yang baik dan kita tidak mempunyai masalah besar apabila kita membuat promosi itu. Umpamanya pejabat kita di Sabah dapat membawa pakej dari Amerika Syarikat seramai 150 orang *divers* (penyelam-penyelam) ke Sabah dengan ditambah lagi dengan ahli-ahli keluarga mereka. Tiap-tiap seorang sebagai contoh, membelanjakan sekurang-kurangnya US\$4,000 dan dalam pakej itu yang berlaku sepanjang tahun ini terdapat lebih daripada ratusan ribu US diperolehi oleh mereka yang terlibat dalam kegiatan ini di Sabah. Kalau seorang membelanjakan US\$4,000 - 150,000 orang, kalikanlah dengan jumlah itu.

Kita berhasrat untuk membawa lebih ramai lagi pada tahun hadapan pergi ke Sabah untuk kegiatan *diving* sahaja. Jadi Ahli Yang Berhormat bagi Rompin misalnya...

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Memang kita masuk ke tempat-tempat pelancongan ini dalam promosi-promosi kita di luar negeri dan kita masukkan dalam pakej-pakej kita yang ditawarkan oleh agen-agen pelancongan. Tidak ketinggalan juga kita mempromosikan *ship rage diving* di Labuan. Memang menjadi satu tarikan juga untuk mereka pergi ke sana. Ya, Yang Berhormat bagi Labuan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Labuan, saya telah beri ruling tadi tidak membenarkan mana-mana pertanyaan, minta maaf.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lumar, beliau sedih tentang kadar (*rate*) tambang untuk satu batu yang dibayar oleh mereka yang hendak pergi ke Sabah dan Sarawak pergi dan balik. Jadi Yang Berhormat, dalam kegiatan kita mempromosikan *domestic tourism* memang kita sedar bahawa kos tambang ini adalah salah satu faktor yang menyekat pertumbuhan *domestic tourism* ini. Oleh yang demikian, kita menekankan kepada pihak-pihak yang berkenaan umpamanya mereka yang terlibat dalam pengangkutan sama ada laut, kapal terbang dan juga kereta untuk menurunkan

tambang-tambang ini seberapa yang boleh dan kita juga telah mengambil perhatian kepada kementerian-kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan. Jadi, sabarlah Yang Berhormat supaya kementerian yang berkenaan menyusul perkara ini dan menyelesaikan, memberi tawaran yang lebih menarik kepada apa Yang Berhormat sarankan itu.

Kita juga mengikuti tentang masalah Feri Malaysia ini dan di peringkat kementerian, kita telah berunding dengan beberapa individu yang bergiat, beberapa syarikat yang bergiat dalam *sea transportation*. Dan kita masih dalam perbincangan supaya mewujudkan perjalanan kapal pergi dan balik antara Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dengan bayaran yang berpatutan. Kita tidak dapat sebarang kemajuan berkenaan dengan *service* Feri Malaysia ini. Oleh yang demikian, kita harapkan syarikat-syarikat lain yang akan mengambil alih untuk memberi kemudahan tersebut.

Yang Berhormat bagi Serdang dan Mentakab menyebutkan tentang tempat-tempat pelancongan di kawasan masing-masing. Ada di antaranya perkara-perkara yang disebutkan seperti jalan dan juga penjagaan taman-taman, seumpamanya Cameron Highlands dan juga Fraser's Hill. Ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan dan badan-badan yang berkaitan. Namun, hubungan kementerian dengan mereka adalah melalui perbincangan dengan kerajaan negeri dan perbincangan dengan kementerian-kementerian yang berkaitan agar mereka lebih arif lagi tentang usaha-usaha untuk memajukan negara kita bagi kepentingan mempromosikan industri pelancongan ini.

Berkenaan dengan *Home Stay* pula, kita memikirkan bahawa kegiatan *Home Stay* ini memanglah tidak dapat menandingi pakej-pakej pelancongan yang lain. Pada asalnya *Home Stay* ini kita sogok kepada mereka yang mempunyai bilik yang berlebihan di kampung-kampung, daripada bilik itu tidak terpakai, lebih baik kalau disewakan kepada mereka yang ingin datang ke kampung dan menikmati kehidupan kampung. Kita wujudkan jawatankuasa yang mengendalikan perkara ini di peringkat kampung dan kita sarankan supaya diadakan kegiatan-kegiatan apabila kumpulan-kumpulan datang ke kawasan mereka di bawah program ini. Jadi kita harap bahawa perkara ini akan diambil perhatian dan kegiatan-kegiatan itu diteruskan. Mungkin pada masa-masa tertentu sememangnya kegiatan *Home Stay* ini seolah-olah macam terhenti kerana ia memang bermusim dan tidak dapat disamakan dengan penginapan di hotel dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bertanya tentang bantuan kementerian kepada kerajaan negeri apabila mereka mengadakan tahun melawat negeri masing-masing. Sebenarnya kita memberi bantuan dari segi pentadbiran, dari segi perancangan untuk hendak mengadakan tahun melawat negeri itu sendiri dan juga mempromosikan produk-produk yang ada di negeri itu di seluruh pejabat kita di luar negeri. Kita juga membawa wakil-wakil daripada negeri itu dan juga wakil-wakil daripada produk-produk pelancongan negeri itu ke promosi-promosi kita di luar negeri untuk ditemukan dengan pembeli-pembeli di sana.

Berapa ramai yang datang untuk melawat ke negeri itu terpulanglah pada dasarnya, dengan izin '*the bottom line*', terpulanglah kepada produk-produk yang ada di tempat itu yang dapat kita *offer* kepada pelancong-pelancong. Itu '*bottom line*'nya kerana separuh negeri mempunyai kemudahan-kemudahan dan produk-produk yang lebih menarik daripada negeri-negeri lain. Sudah tentu ada perbezaan daripada jumlah kedatangan pelancong-pelancong. Tetapi kementerian tidak sekali-kali mengabaikan tanggungjawab untuk mempromosikan tahun melawat negeri masing-masing walaupun negeri seperti Kelantan. Dalam masa Kelantan mengadakan Tahun Melawat Kelantan, kita bagi sokongan dan kita buat promosi juga.

Berkenaan dengan cenderamata rasmi, kita mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat ini yang mana beliau telah mengemukakan perkara ini pada masa-masa yang lalu. Kementerian mengambil ingatan dan kita berusaha untuk memilih dan

memperbanyak lagi cenderamata rasmi ini. Walau bagaimanapun, kita telah membuat keputusan bahawa ada dua tiga cenderamata yang boleh kita angkat menjadi cenderamata rasmi. Tahniah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Memang kita akui bahawa Ahli Yang Berhormat telah menyarankan perkara ini dari beberapa musim yang lalu lagi.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang dapat saya ulas dalam penggulungan ini. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Mana-mana perkara yang tidak dapat saya sentuh di sini, kita memberi jaminan bahawa kementerian akan mengambil maklum dan tindakan susulan yang sesuai. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM150,000,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM150,000,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1999.

#### **Maksud B.29 dan B.31 [Jadual] –**

#### **Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1999] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.29 dan B.31 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Kepong.

12.30 tgh.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, mengenai P.28 Keretapi Tanah Melayu Berhad menampung keperluan operasi tunai bagi KTM. Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat apakah sebenarnya menampung keperluan operasi tunai dan baru-baru ini pihak Perbendaharaan sudah pun mengeluarkan RM75 juta untuk menampung keperluan ini. Baru-baru ini saya pun dengar bahawa pihak Merak Unggul Sdn. Bhd. sudah pun meminta untuk menambahkan tambang bagi KTM dan Yang Berhormat Menteri pun ada meminta Merak Unggul Sdn. Bhd. untuk mengemukakan cadangan bagi menambahkan tambang itu.

Tuan Pengerusi, apakah hasrat Merak Unggul, salah sebuah konsortium yang terdiri daripada Renong Bhd., DRB Hicom Bhd., Bolton Properties Bhd., Jasa Metal Sdn. Bhd. dan di sinilah keempat-empat syarikat ini sudah dilantik oleh pihak kerajaan untuk menjadi satu konsortium yang besar, Merak Unggul bagi menguruskan KTM dan dengan adanya konsortium ini tiba-tiba kita adakan permintaan untuk menambahkan tambang. Apakah pendirian pihak kementerian mengenai seruan atau permintaan untuk menambahkan tambang ini memandangkan krisis ekonomi pun masih tidak selesai dan bagaimana kita boleh mempertimbangkan kenaikan tambang bagi orang-orang biasa untuk menaiki kapal terbang.

Walhal sementara pihak kerajaan membenarkan satu konsortium ditubuhkan seperti Merak Unggul dan dari segi yang lain kita memberi wang tunai pula daripada

Perbendaharaan RM75 juta jumlahnya dan dengan perbelanjaan wang rakyat ini, pihak kementerian saya percayalah pada masa ini janganlah kita mempertimbangkan kenaikan tambang kerana ini akan menyusahkan rakyat.

Tuan Pengerusi, mengenai subsidi kepada KTM, subsidi kepada LPG, subsidi bahan-bahan petroleum bagi mengekalkan harga gas cecair LPG, subsidi ini dibuat sudah beberapa tahun. Saya hendak menanya Yang Berhormat, subsidi ini, apakah amaun subsidi yang diberikan untuk menstabilkan harga gas cecair pada tahun 1996, 1997, 1998 dan juga sampai sekarang 1999.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana di dalam subsidi ini bukan sahaja kita subsidi kepada gas cecair bahkan juga kita subsidi kepada petrol, ini memang subsidi yang banyak. Kalau tidak silap saya, subsidi kepada petrol sahaja meningkat kepada misalnya RM500 juta untuk tahun 1996 dan RM800 juta untuk tahun 1997 dan RM1.3 bilion untuk tahun lepas. Itu untuk petrol sahaja dan sekarang kita subsidi juga kepada gas cecair dan memang bila kita memberi subsidi kalau dibuat dengan betul memang pihak pengguna akan mendapat untung tetapi bagaimana kita dapat mengekalkan subsidi-subsidi seperti ini untuk menstabilkan harganya?

Tuan Pengerusi, kita mesti sentiasa berhati-hati mengenai subsidi ini sebab walaupun kita keluarkan hampir RM1.3 bilion untuk petrol tahun lepas, sekarang ada perang insentif oleh enam buah syarikat, misalnya Shell, saya sebutkan petrol kerana petrol dan gas cecair ada berkaitan kerana kita hendak menggalakkan lebih banyak orang menggunakan gas cecairnya. Walaupun kita adakan subsidi ini kita nampak syarikat-syarikat itu memang ada berperang sesama sendiri, keenam-enam buah syarikat ini memang berperang untuk menarik pelanggan.

Misalnya Shell memberi diskaun 8 sen untuk dua liter, Esso 10 sen untuk dua liter dan Caltex, BP, Mobil dan sekarang Petronas pun menawarkan coklat, air mineral dan sebagainya. Ini memang satu perang harga petrol yang dibenarkan oleh pihak kementerian untuk berterusan, saya pun tidak faham apakahnya rasional untuk membenarkan perang harga ini, sementara itu kita memberikan subsidi kepada mereka. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah subsidi sekarang untuk gas cecair ini pada tahun-tahun yang telah saya sebutkan itu supaya kita sama-sama dapat memahami keadaan sekarang.

Tuan Pengerusi, mengenai penggunaan gas cecair ini, apakah amaun yang digunakan setiap tahun dan apakah popularitinya berbanding dengan petrol dan ini memang kita hendak menggalakkan penggunaan gas cecair dan kejayaan pihak kementerian untuk berbuat demikian untuk menggalakkan gas cecair ini mesti diketahui oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi: Tambun.**

**12.38 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Perbelanjaan sebanyak RM75 juta untuk KTMB, terlebih dahulu saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan skim bantuan kerajaan, itu adalah untuk berapa lama? Dan yang keduanya, dalam bentuk apakah bantuan ini akan diberikan, sama ada dalam bentuk suntikan modal ataupun dalam bentuk pinjaman kepada syarikat berkenaan.

Saya juga ingin bertanya tentang KTMB dari segi perancangan jangka panjang oleh pemegang ekuiti dan objektif KTMB ini, bagaimana bentuk perancangan tersebut, adakah perancangan itu dapat diterjemahkan dalam bentuk cash flow yang lebih baik pada masa akan datang kerana concern kita adalah KTMB sentiasa bergantung kepada kerajaan dan berapa lamakah KTMB akan terus bergantung kepada kerajaan. Melihat kepada keperluan kewangan untuk aliran tunai kita dapat maklum bahawa tanpa melihat kepada

penyata kewangan KTMB tentulah KTMB dari segi operasinya tidak mampu menjana aliran tunai yang kukuh untuk membiayai aktivitinya, maka dengan itulah perlu bantuan luar.

Saya melihat bahawa kenderaan kereta api ini dari segi sebahagian besar negara terutama negara maju sudah tidak begitu *in fashion*, dia telah di *over shadow* oleh *mode of transportation* lain. Jadi saya berpendapat bahawa kita perlu *rationalize* KTMB ini dari segi sama ada ia *viable* atau tidak dari segi jangka panjang. Kalau katakanlah daripada kajian tersebut mendapati bahawa ada bidang-bidang *viable* dan ada bidang-bidang yang tidak *viable*. Tidakkah kita harus mempunyai keberanian kita bagi bidang-bidang tidak *viable* ini ditutup kerana saya dapati sekarang KTMB ini memainkan dua peranan untuk mengangkut kargo dan mengangkut penumpang. Saya rasa dari segi *load factor*, KTMB tidak begitu kukuh bila diterjemahkan dalam bentuk *revenue*, dia tidak mampu menjana keseluruhan keperluan kewangan..

Jadi dari segi *load factor* ini, manakah *load factor* yang sebenarnya mendatangkan keuntungan kepada KTMB. Kalau *load factor* dari segi *passenger* (penumpang) ini tidak menjana pendapatan yang tinggi dan tidak menguntungkan. Tidakkah boleh kita kurangkan memberi perkhidmatan kepada *load factor* untuk penumpang kerana asalnya KTMB bertujuan untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar dari segi pengangkutan tetapi sekarang kita mempunyai banyak *mode of transportation* yang lebih murah dan lebih memudahkan mungkin dari segi *passenger* ini perlu untuk satu sektor umpamanya dalam Wilayah Persekutuan ataupun di Kuala Lumpur Selangor ini mungkin lebih diperlukan dan lebih menguntungkan. Tetapi kalau di tempat-tempat lain mungkin ia tidak perlu. Oleh itu perlu ada satu *rationalization* dikaji kalau tidak perlu sangat tidak guna kita mengadakan perkhidmatan yang banyak tetapi keperluan dari segi *passenger* dan juga dari segi pendapatan yang dijana tidak begitu tinggi.

Dari segi *load factor* untuk kargo ini, saya dari segi kasar saya lihat bahawa dari segi *in land transportation* kereta api masih lagi boleh berperanan memberi *competitive advantage* berbanding dari sistem lain melalui sistem *in land port* yang kita adakan sekarang ini, KTMB tentunya berperanan besar dalam soal itu terutama kita sebagai sebuah negara perindustrian yang sedang beralih pula untuk menambahkan industri IT dalam ekonomi kita pada masa akan datang. Saya dapati keperluan *in land port* ini akan lebih besar lagi. Jadi sehubungan dengan itu saya berpendapat bahawa KTMB perlu membuat analisis selain daripada *load factor* dari segi *passenger* dengan kargo, bidang-bidang lain umpama dari segi *in land port* tidakkah KTMB yang patut ambil dan menjadi teraju utama dalam menjalankan perniagaan tersebut dan di samping itu melihat kepada faktor-faktor lain dari segi peluang-peluang perniagaan yang patut ada. Bermakna *business plan* nya mesti melihat kepada bidang-bidang KTMB boleh *diversify* untuk memberikan pulangan supaya ianya menjadi *self sufficient organization*, organisasi yang mempunyai *profitability*, *return of capital* yang kukuh, mempunyai nilai pelaburan jangka panjang yang baik, *cash flow* yang baik dan juga pelaburan yang baik.

Di samping itu saya masih lagi bersetuju dengan pandangan bahawa KTMB perlu maksimumkan penggunaan aset yang ada. Saya ingin menarik balik kepada isu berkenaan dengan stesen kereta api sebagai contoh Stesen Kereta Api Ipoh satu stesen kereta api yang terletak di tempat paling strategik di Bandar Raya Ipoh.

Saya, pada waktu malam, saya pergi ke sana saya kadang-kadang cuba membayangkan jikalau stesen kereta api ini dapat diterjemahkan dalam bentuk *supermarket* di sebelah bawah, ini akan menarik lebih ramai lagi pelanggan berbanding dengan *Kinta City* ataupun Parkson kerana pertama begitu strategik. Kedua, *parking* begitu banyak. Ketiga, untuk pergi ke stesen kereta api itu tidak perlu pengangkutan kereta ataupun teksi dekat dengan stesen bas. Ia merupakan lokasi yang paling strategik sekali di bandar Ipoh dan saya lihat bahawa stesen kereta api ini tidak banyak digunakan di bawah

disewakan kepada Restoran OBA kalau tidak silap saya. Itu pun tidak begitu is under *utilize*.

Kalau kita beri kepada satu syarikat supermarket yang kukuh di negara kita, ia akan digunakan sepenuhnya dan sewaan yang lebih tinggi boleh diperolehi daripada stesen kereta api tersebut. Saya tengok di negara maju, di Amerika Syarikat sendiri pun memang digunakan untuk supermarket kerana konsep sekarang ini, orang tidak menggunakan banyak space untuk naik kereta api. Kalau kereta api kita *efficient*, ia sampai pukul 12, orang tidak perlu menunggu dari pukul 11. Masalahnya kalau kerana dia tidak *efficient*, janji pukul 12, orang tunggu setengah jam sebelum pukul 12, kemudian pukul 12 kereta api belum datang lagi. Jadi dengan itu meramaikan orang di situ tetapi kalau kita mempunyai supermarket, ramai orang lebih baik, mereka boleh pergi ke situ.

Begitu juga saya lihat di Seremban, lokasi stesen kereta api Seremban begitu strategik sekali. Dekat dengan beberapa kawasan pertumbuhan baru di bandar Seremban. Apa yang cuba saya nyatakan di sini adalah, KTM tidak harus melihat semata-mata kepada *load factor, passenger* dari segi kargo tetapi harus diversify ke bidang-bidang lain kerana kita tidak mahu lagi mendengaar masalah-masalah yang dihadapi oleh KTMB kerana setiap kali, setiap tahun bantuan kewangan diberi oleh kerajaan. Malah ini adalah di antara syarikat-syarikat atau badan-badan yang sering kita dengar *sad story*. Kadangkala kita rasa letih dengar perkara-perkara begitu. Bermakna, kalau kita dapat lakukan sesuatu perancangan yang strategik, berani, kita boleh jadikan KTMB sebagai salah satu badan yang viable untuk kepentingan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya Yang Berhormat menteri menjawab.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong dan juga bagi Tambun yang telah berbangkit dengan perkara subsidi kepada LPG dan juga kepada KTMB ini.

Yang Berhormat bagi Kepong telah bertanya sebenarnya berkenaan dengan harga subsidi kepada LPG ini dan dia ingin tahu bahawa berapakah jumlah peratusan subsidi yang diberikan kepada LPG ini. Bagi makluman Yang Berhormat, iaitu bahawa kita mesti memberikan subsidi kepada cecair ini adalah kerana ia merupakan bahan untuk kita masak. Dalam tong gas yang pergi kepada rumah-rumah dan dapur-dapur itu, maka inilah merupakan LPG yang dimaksudkan dengan subsidi yang kita beri. Jadi sebab itu sama ada perlu ataupun tidak untuk kita meneruskan, sudah tentulah ia merupakan salah satu perkara yang sangat perlu yang kerana ia melibat setiap rakyat yang mempunyai dapur untuk memasak, jadi sudah tentu kita kena beri subsidi kepada mereka.

Jadi saya sebut sebentar tadi bahawa jumlah subsidi yang diberikan ialah antara 50% kepada 80% dan ingin saya oleh kerana Yang Berhormat telah minta tentang statistik berkenaan dengan perkara ini, saya sebut kepada Yang Berhormat iaitu pada tahun 1996, purata kadar subsidi mengikut sen kepada setiap kilogram ialah 26.51 sen satu kilogram yang melibatkan perbelanjaan yang berjumlah RM179, 930,128.

Pada tahun 1997, subsidi diberikan berjumlah 41.22 sen setiap kg. yang jumlah perbelanjaannya ialah RM228,012,478. Pada tahun 1998, purata kadar subsidi yang diberikan ialah 62.87 sen setiap kilo dan jumlah perbelanjaan pada tahun itu ialah RM449,173,498. Pada tahun ini sehingga bulan Julai 1999, kita memberi subsidi sebanyak 80.6 sen sekilo yang memakan belanja sehingga bulan Julai berjumlah RM267,046,270.

Untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan harga gas cecair LPG ini berdasarkan kepada harga *posting* bagi setiap kg. dicampur dengan kos operasi, kadar keuntungan dan komisyen yang dibenarkan oleh kerajaan. Oleh kerana harga *posting* ditetapkan dalam mata wang Dolar Amerika, maka kadar subsidi banyak bergantung

kepada kadar pertukaran mata wang Ringgit Malaysia dengan *US Dollar*. Ini dapat dilihat kepada peningkatan yang ketara purata kadar subsidi tahun 1996 berbanding dengan tiga tahun terakhir ini iaitu tahun 1997, 1998, 1999 apabila nilai Ringgit Malaysia merosot dengan ketara sekali jika dibandingkan dengan Dolar Amerika .

Jadi, itulah sedikit maklum yang dapat saya berikan kepada Yang Berhormat seperti yang telah dipohonkan. Saya merasakan bahawa subsidi ini mesti diteruskan di masa-masa yang akan datang, memandangkan ia merupakan perkara yang melibatkan keperluan rakyat. Jadi, saya rasa tidak ada salahnya kalau kerajaan mendapat keuntungan daripada kutipan cukai-cukai dalam negara kita untuk kita mensubsidikan perkara-perkara yang merupakan keperluan kepada rakyat. Saya percaya ini akan diteruskan di masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, kedua-dua Yang Berhormat telah membangkitkan berkenaan dengan soal Keretapi Tanah Melayu ini. Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan Merak Unggul dan telah pun menyebutkan tentang pemegang-pemegang saham. Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat, memang kereta api ini merupakan satu *mode of transportation* yang saya kira di masa yang akan datang agak sukar untuk ia bersaing dengan *mode of transportation* yang lain-lain. Jadi, sebab itu di dalam dunia ini, saya kira hampir semua negara mensubsidikan *mode of transportation* kereta api ini.

Kerajaan menyedari bahawa oleh kerana Merak Unggul ini ialah sebuah syarikat yang diberikan tanggungjawab untuk mengurus tetapi KTM ini masih dipunyai oleh kerajaan seratus peratus. Sebab itu setiap kali apabila ada keperluan kepada soal kewangan maka kita terpaksa untuk membuat pembayaran. Memang kita beranggapan bahawa oleh kerana *mode of transportation* kereta api ini merupakan satu perkara yang sukar untuk mendatangkan keuntungan kepada kerajaan, malah ia merupakan lebih kepada *social service* terutamanya *line* kereta api yang pergi ke Pantai Timur. Jadi, kerajaan memikirkan untuk menswastakan, sebab itu kita memberikan kepada Syarikat Merak Unggul ini untuk mengurus dahulu dengan tujuan akhirnya nanti kalau ada nampak boleh mendapat keuntungan, kita mahu supaya mereka melibatkan diri dalam penswastakan KTM ini. Sebab tidak ada orang yang sebenarnya berminat untuk menswastakan KTM ini.

Jadi, perancangan kita ialah mungkin di masa yang lepas, kerugian yang besar itu disabitkan oleh pengurusan KTM itu ialah sebagai sebuah jabatan kerajaan. Jadi, mungkin kita menganggap bahawa kalau dahulu kita rugi disabitkan oleh pengurusan, maka sebab itu peringkat awal yang kita buat ialah untuk memberikan pengurusan ini kepada sebuah syarikat dengan harapan ianya dapat diurus dengan baik dan akhirnya kalau KTM menampakkan boleh mendapat sedikit keuntungan maka kita mengharapkan supaya syarikat yang diberikan tanggungjawab untuk mengurus ini akan mengambil penswastakan KTM ini.

Namun, Tuan Pengerusi, disabitkan oleh kerana betul macam mana Yang Berhormat sebut bahawa pertamanya saingan yang begitu hebat seperti kapal terbang ataupun *mode of transportation* seperti *highway* yang mana bas begitu mudah untuk kita dapati dan boleh pergi ke mana-mana dengan cepat dan bas ekspres ini begitu banyak, ini menyebabkan kurang rakyat menggunakan KTM. Jadi, sebab itu, ia lagi merosot. Tambahan pula dengan krisis ekonomi yang berlaku baru-baru ini, lagi terus merosot prestasi KTM ini.

Maka oleh kerana itu mereka menghadapi kekurangan dari segi kewangan untuk kos pembiayaan dan lain-lain lagi. Sebab itu mereka kembali kepada kita untuk meminta wang yang lebih daripada kita. Wang yang dipohonkan ini ialah pertamanya RM25 juta untuk kegunaan peralihan Y2K dan yang lebihnya itu ialah untuk ekuiti berjumlah RM25 juta bagi menampung kos operasi. Jadi, yang mana-mana bayaran dibuat ini akan dianggap kemudiannya sebagai pembayaran ekuiti kerajaan.

Jadi, sebab itu saya amat bersetuju dengan apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun iaitu kita harus merasionalisasikan tentang KTM ini. Tetapi implikasinya itu memang besar. Tidak mungkin saya rasa bahawa kita hendak tutup langsung *transportation* kereta api ini, kerana di mana-mana pun negara dalam dunia ini memang mereka terpaksa mempertahankan sistem kereta api ini dengan memberikan subsidi. Jadi, sebab itu saya rasa kita merasionalisasikan, mungkin macam mana Yang Berhormat sebut bahawa kita pertingkatkan dari segi kargo.

Pada awal tahun ini saya telah melawat ke Perlis berjumpa dengan kastam dan mereka memaklumkan bahawa sebenarnya *inland port* disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang betul. Ia banyak mendatangkan manfaat kepada pengangkutan menerusi kereta api. Itu merupakan kekuatan yang ada pada hari ini iaitu *inland port* menggunakan kereta api sebagai bentuk pengangkutan. Tetapi seperti mana Yang Berhormat tahu bahawa kalau dari segi *passenger load* nya memang amat mengecewakan. Tetapi walaupun begitu, agak sukar untuk kita *rationalize*. Kita kata, kita tutup langsung oleh kerana *load factor* dari segi *passenger* ini. Ini akan menyebabkan banyak lagi stesen kereta api akan ditutup dan akan menyebabkan banyak pekerja akan terpaksa diberhentikan. Ia bukan satu perkara yang mudah kita fikirkan kerana ia melibatkan banyak perkara yang lain.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan kedua-dua Yang Berhormat iaitu supaya kita fikirkan sesuatu bagaimana kita boleh mendapat manfaat yang terbaik untuk memastikan supaya KTM....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah hendak cukup.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Sudah diputuskan bahawa tidak ada soalan. Terpakaikah Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Ya, pakai.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Terpakai, okay. Jadi, oleh kerana itu kita rasakan bahawa proses untuk merasionalisasikan keperluan KTM ini akan diteruskan. Kita tengoklah dari tahun ke tahun bagaimana. Tetapi selagi ianya merupakan hak milik kerajaan seratus peratus maka saya rasa bahawa di tahun-tahun yang akan datang kalau dia datang minta duit lagi kita kena berilah sebab ini merupakan sebuah syarikat milik kerajaan dan merupakan *mode of transportation* yang perlu kita pertahankan.

Tuan Pengerusi, itu sahaja dan saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbincangan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM151,000,000 untuk Maksud B.29 dan RM8,485,000 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM151,000,000 untuk Maksud B.29 dan RM8,485,000 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM75,000,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM75,000,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1999.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang.

*Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat)** *mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1999] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas sekarang.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1999.

**Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1999] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas sekarang.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1999.

**Maksud B.51 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas sekarang.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,746,700 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.52 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas sekarang. Gelang Patah.

**2.35 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud B.52 – Kementerian Kerja Raya.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Kerja Raya kerana telah dapat memulakan projek melebarkan Jalan Skudai sepanjang 8 kilometer dari persimpangan Jalan Skudai/Jalan Pontian ke Tampoi dan kerja pembinaan jejantas kenderaan di persimpangan Jalan Gelang Patah, Jalan Skudai pun telah ditawarkan kepada kontraktor dan kerja akan dimulakan pada awal bulan November akan datang.

Di sini saya ingin minta pihak Kementerian Kerja Raya agar boleh mempercepatkan projek membina jejantas kenderaan di persimpangan Jalan Pontian, Jalan Skudai serentak dengan pembinaan pelebaran jalan di kawasan itu dan selepas projek ini disiapkan tentu akan dapat menyelesaikan masalah kesesakan jalan di sepanjang Jalan Skudai itu.

Tuan Pengerusi, saya pun ingin mengambil peluang ini minta pihak Kementerian Kerja Raya, jika boleh memperbaiki jalan-jalan penyambung, jalan-jalan Persekutuan yang menyambung ke Lebuhraya Utara Selatan dan dengan mempertingkatkan kerja ini akan dapat menyelesaikan masalah kesesakan jalan penyambungan itu terutama semasa penduduk-penduduk di negara kita ini merayakan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Cina dan Deepavali kerana biasanya pada hari raya jalan-jalan penyambung ke lebuhraya sentiasa menghadapi masalah.

Tuan Pengerusi, tentang masalah bekalan air di negara kita ini, saya sentiasa dapati bahawa kawalan untuk paip-paip air oleh kerana tidak dijaga dengan baik kerana paip-paip air yang sudah lama digunakan iaitu seperti di kampung-kampung baru, paip-paip air itu sudah lebih 30 tahun dan bila kenderaan berat melalui jalan-jalan di kampung baru atau di jalan raya, sudah menyebabkan paip-paip air bocor dan kita sentiasa mendapati bila paip bocor, tindakan untuk memperbaiki paip-paip itu sangat lambat, ini adalah membazirkan air-air yang bersih itu.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian Kerja Raya dapat mengadakan satu tindakan yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah pembaziran air-air bersih ini oleh kerana paip-paip yang pecah dengan rancangan yang menyeluruh supaya paip-paip yang lama itu, yang senang pecah itu dapat diganti dengan paip-paip air yang lebih tahan, ini adalah sangat penting dari segi jangka panjang.

Tuan Pengerusi, dengan cadangan itu, saya pohon menyokong. Sekain, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Batang Lupar.

**2.40 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya pun bercakap sedikit sahaja. Saya berbalik kepada persoalan saya pada 27 Oktober 1999 yang mana saya bangkitkan persoalan jalan pesisiran di Sarawak dan

termasuk jalan di kawasan saya Teriso/Meludam/Beladin/Pusa, jawapan dari kementerian, saya tidak sebut jawapan yang lain, yang kedua saya buat pembetulan iaitu bukan Sungai Batang Lupar yang hendak dibuat jambatan itu, saya ingat kerajaan negeri memang tidak ada rancangan langsung pun hendak buat jambatan di Sungai Batang Lupar kerana viability project itu mungkin tidak patut oleh kerana kalau hendak dibuat jambatan Batang Lupar itu ...

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36(1).

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Kita hanya membincang satu jumlah yang diperuntukkan kepada negeri Selangor bagi menangani krisis bekalan air sahaja – Selangor sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Baik. Ya, sebenarnya Yang Berhormat, walaupun tidak ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat yang bangun hendak minta keizinan untuk bercakap, tetapi elok juga kita balik kepada tajuk ya, seperti mana yang dibangkitkan oleh Bagan tadi itu, saya rasa elok kita tumpukan kepada bekalan air di negeri Selangor, bantuan kewangan untuk maksud yang berkenaan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Air yang mengalir daripada Selangor itu sampai ke Batang Lupar, jadi saya bercakap sedikit di Batang Lupar. [Ketawa]

Jadi, ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Bagaimana Yang Berhormat cuba hendak hubungkaitkan negeri Selangor dengan Batang Lupar itu, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya cuba kaitkan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Oleh kerana tadi sebetulnya saya tidak mahu sebut perkara ini, menteri berjanji untuk memberi jawapan dua hari lepas, sampai sekarang belum beri lagi, jadi oleh kerana air yang mengalir daripada Selangor itu sampai ke Batang Lupar dan Batang Lupar itu hendak buat jambatan. Jadi, yang daripada Bagan itu, tolonglah shut up. Tetapi bukan minta maaf dengan Bagan.

Dia tidak pentingkan rakyat, dia tidak hendak sokong luar bandar, inilah dia, orang hendak sebut cerita, di kawasan saya itu 97% orang bumiputera, DAP memang tak peka dengan orang bumiputera.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa apa yang Yang Berhormat cuba hendak pertikaikan itu tidak timbul, sebab Peraturan Mesyuarat itu tetap kena kita patuhi dan beliau cuma bangkitkan Peraturan Mesyuarat, itu sahaja.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Lihat! Bila Speaker cakap saya terus duduk, menunjukkan saya peka dan hormat dengan Speaker, bukan macam DAP. Patuh dengan arahan!

Jadi, air yang Selangor sampai ke Batang Lupar itu, jadi saya hendak minta satu soalan sahaja, yang saya hendak beri penjelasan bagi pihak saya sendiri dan pihak kawasan saya dan pihak negeri Sarawak iaitu keutamaan untuk jalan Meludam/Beladin/Pusa/Saribas ini adalah keutamaan yang top priority untuk Kerajaan Negeri Sarawak. Saya hendak memberi penjelasan secara official, top priority kerana RGC yang dilantik di Beladin itu tidak akan dapat dilaksana kalau jalan ini tidak dibuat. Kita sudah buat susulan dan kita sudah buat permohonan, kita sudah buat perbincangan dengan pihak kementerian, JKR dan EPU tetapi persoalannya di sini kalau hendak kata ini bukan keutamaan oleh kerajaan negeri memberi imbasan yang kerajaan negeri tidak hendak buat jalan ini, adalah tidak betul dan tidak benar.

Pegawai yang buat jawapan tolonglah beri tepat sedikit jawapan itu. Kalau saya tak tahu sememang saya terima jawapan ini, tetapi oleh kerana saya kenal betul dengan projek ini, jadi sebab itu saya tahu dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong beri jawapan dan cari jawapan dan tolong beri jawapan kepada saya bagi pihak kementerian untuk bila projek ini hendak dibina supaya masyarakat yang 97% bumiputera yang kita telah sisihkan selama ini di kawasan saya walupun airnya mengalir dari Sungai Selangor sampai ke Batang Lupar juga tetapi jalan ini belum dibina lagi.

Tuan Pengerusi, kalau kita jalan dari sini sampai ke Perlis pun saya tak kisah, naik basikal pun saya boleh, tetapi pergi ke kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, sebelum hendak tahu apa masalah orang luar bandar, tak ada jalan. Sekarang saya hendak pergi kawasan pun tak boleh kerana kalau naik bot, gelombang besar. Bot pun bot buruk, bukan MP boleh beli bot yang macam Mofaz keluarkan. Jadi, helikopter belum ada dibuat di Malaysia kita ini, jadi saya berharap pihak kementerian tolong lihat perkara ini, jalan ini adalah jalan utama sekali. Jalan ini kalau tidak dibina, RGC ataupun *Rural Growth Centre* di Beladin itu tidak akan dapat dilaksanakan.

Jawapan lain kali minta ditepatkan sedikit supaya jangan nampak ia kurang tepat, pegawai kurang faham dan kurang knowledgeable dalam soalan-soalan kementerian mereka sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**2.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Pengerusi, diucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan juga Batang Lupar yang telah menyentuh beberapa perkara walaupun tidak relevan dengan perkara yang dipersoalkan tetapi saya berjanji khususnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar akan memberikan jawapan esok petang dengan secara bertulis dengan secara selengkap-lengkapnyanya yang boleh berkenaan kedudukan Jalan Beladin yang selama ini menjadi masalah kepada kawasan Yang Berhormat. Insya-Allah, besok saya akan berikan jawapan yang sepenuhnya secara bertulis.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Pengerusi, berhubung dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga berhubung dengan Jalan Skudai dan Pontian yang mana sudah pun dilebarkan, yang mana jejantas Jalan Pontian/Skudai sekarang sedang ditender dan dibina tidak lama lagi, insya-Allah, akan dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi.

Begitu juga halnya dengan jalan-jalan PLUS yang disebutkan tadi supaya lebih efisien dalam penyelenggaraannya, itu sememangnya menjadi tanggungjawab Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk memastikan bahawa semua jalan-jalan yang menyusur keluar atau masuk ke kawasan Lebuhraya Utara-Selatan dapat dibaiki dari masa ke semasa supaya memudahkan lagi lalu lintas bagi orang ramai.

Berhubung dengan paip-paip air yang bocor dan buruk yang berlaku di negeri Johor dan perlu dibaiki, ini sememangnya sudah menjadi tanggungjawab pihak yang berwajib khususnya Syarikat Air Johor yang juga bertanggungjawab memperbaiki paip-paip lama dan buruk untuk diganti dengan paip-paip yang baru selain daripada Jabatan Air sendiri.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang dapat saya sampaikan sebagai jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara-perkara yang disebutkan tadi, walaupun di antaranya kurang relevan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM17,996,000 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM17,996,000 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lapan puluh satu juta lima ratus ribu satu ratus (RM81,500,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut hendaklah disahkan.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat]*

#### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)(No.2) 1999 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **USUL**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu.

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lapan puluh satu juta lima ratus

ribu satu ratus (RM81,500,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut hendaklah disahkan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lapan puluh satu juta lima ratus ribu satu ratus (RM81,500,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut hendaklah disahkan.

## **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (NO.2) 1999**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

2.52 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, selepas ini disebut Akta 53 bagi membolehkan pelaksanaan keputusan Belanjawan 1999 mengenai perubahan Sistem Taksiran Cukai Pendapatan daripada Sistem Taksiran Rasmi (STR) kepada Sistem Taksiran Sendiri (STS). STS adalah sistem percukaian berdasarkan konsep dengan izin, (a) *self assess and file*.

Memandangkan pertukaran kepada taksiran sendiri, akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kategori pembayar cukai bermula dengan syarikat dalam tahun 2001, maka peruntukan baru ini adalah bertujuan untuk dipakai hanya kepada syarikat dan adalah satu tambahan kepada peruntukan sedia ada kepada syarikat. Saya ingin menghuraikan perkara-perkara penting dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 77 bagi menetapkan tempoh sesebuah syarikat dikehendaki mengemukakan borang nyata iaitu umumnya dalam tempoh enam bulan dari tarikh syarikat menutup akaunnya. Borang nyata itu hendaklah mengemukakan antara lain pengiraan cukai yang perlu dibayar. Seksyen ini juga dipinda bagi

membenarkan syarikat mengemukakan borang nyata pendapatan secara elektronik. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 80 bagi memudahkan Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk menjalankan tugasnya secara berkesan. Melalui pindaan ini penghuni rumah, bangunan atau tanah dikehendaki memberi bantuan yang munasabah kepada pegawai tersebut untuk memasuki harta berkenaan. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 90, supaya sesuatu taksiran yang dibuat sendiri oleh syarikat itu boleh dianggap sebagai suatu taksiran rasmi yang dibuat oleh Ketua Pengarah pada hari borang nyata pendapatan dikemukakan. Selanjutnya penyampaian borang nyata pendapatan oleh syarikat juga dianggap sebagai notis taksiran yang telah diserahkan oleh Ketua Pengarah kepada syarikat itu pada hari yang sama taksiran dibuat. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 5, 6, 7 dan 8 adalah pindaan-pindaan berbangkit ke atas Seksyen 93, 96, 96A dan 103. Kesemua pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 9 bertujuan memasukkan seksyen 103A yang akan terpakai oleh syarikat sahaja. Ia menentukan tanggungjawab syarikat untuk membayar cukai, tempoh-tempoh masa ianya kena dibayar serta denda-denda yang berkaitan kelewatan membayarnya. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 10 adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 106, ekoran daripada seksyen baru 103A di atas yang diperkenalkan bagi mengambil kira kenaikan cukai yang dikenakan apabila tindakan sivil memungut cukai syarikat dijalankan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 11 adalah juga pindaan berbangkit ke atas Seksyen 107B, ekoran daripada pewujudan peruntukan khas skim ansuran untuk syarikat. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 12 bertujuan memasukkan Seksyen 107C yang baru, yang menetapkan tempoh pengemukaan anggaran cukai perlu bayar, cara pelaksanaan skim ansuran pembayaran dan juga denda yang akan dikenakan berikutan daripada kegagalan memenuhi tempoh pengemukaan dan juga skim ansuran yang ditentukan. Pindaan ini kecuali bagi 107C(3) akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001. Subseksyen 107C(3) pula akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2002.

Fasal 13 adalah pindaan berbangkit ekoran daripada pindaan Seksyen 77 bagi membolehkan tindakan mahkamah diambil ke atas syarikat yang gagal mengemukakan borang nyata pendapatan dalam masa yang ditetapkan. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 14 bertujuan meminda Seksyen 114, supaya orang yang membantu atau memberi nasihat dalam penyediaan borang nyata pendapatan juga adalah bertanggungjawab ke atas pernyataan tanggungan cukai yang kurang dari sepatutnya dan boleh dihukum kecuali dibuktikan bahawa bantuan atau nasihat tersebut telah diberikan dengan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 15 adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 116 berkaitan dengan pindaan subseksyen 80. Di samping itu seksyen 116 juga meminda jumlah denda dari jumlah maksimum RM4,000 kepada jumlah minimum RM1,000 dan maksimum RM10,000. Pindaan ini akan berkuat kuasa 1 Januari 2000.

Fasal 16 adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 120, berkaitan kemasukan Seksyen 107C yang baru dan seterusnya memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat

perintah supaya orang yang disabitkan itu mengemukakan anggaran cukai yang perlu dibayar. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 17 adalah peruntukan khas yang diperkenalkan ekoran daripada pertukaran dari Sistem Taksiran Rasmi kepada Sistem Taksiran Sendiri, yang mana di bawah Sistem Taksiran Rasmi tiada anggaran cukai perlu dikemukakan. Oleh kerana tiada asas yang mana anggaran cukai bagi tahun taksiran 2001 boleh disandarkan, peruntukan ini disediakan khusus untuk tahun taksiran 2001. Peruntukan jumlah minimum mengikut seksyen 107C(3) hanya boleh berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan Tahun 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tambun.

3.01 ptg.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian kerana membentangkan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999 yang bertujuan untuk mewujudkan sistem yang lebih tersusun dan teratur yang dapat meningkatkan kecekapan kutipan cukai di negara kita.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh perkara yang makro dalam bentuk hasil pendapatan kerajaan. Saya dapati bahawa hasil pendapatan kerajaan pada tahun 1995 sebanyak RM50.9 bilion; 1996 kepada RM58 bilion, bermakna peningkatan sebanyak 14.4% setahun. Pada tahun 1997, sebanyak RM65.7 bilion iaitu peningkatan sebanyak 12.8%, pada tahun 1998 turun kepada RM55 bilion iaitu penurunan sebanyak 16.2% dari tahun sebelumnya dan pada tahun 1999, menurun lagi kepada jumlah RM47 bilion iaitu penurunan sebanyak 14.3%. Dengan perbelanjaan mengurus tahun 1999 sebanyak RM47 bilion, maka kita menghadapi defisit akaun semasa sebanyak RM118 juta. Oleh kerajaan kerajaan mempertahankan perbelanjaan pembangunan pada peringkat belanjawan tahun lalu sebanyak RM16 bilion, maka kerajaan menghadapi kekurangan ataupun defisit sebanyak RM16 bilion dan ini dibiayai melalui pinjaman.

Apa yang saya cuba sentuhkan di sini adalah sebahagian besar daripada hasil pendapatan negara adalah daripada cukai, terutama daripada cukai syarikat ataupun syarikat korporat akibat daripada kejatuhan ekonomi yang mula dihadapi pada tahun 1997 dan memuncak pada tahun 1998 dan 1999 iaitu awal 1999, maka hasil pendapatan kerajaan telah berkurangan. Dengan adanya pindaan kepada rang undang-undang ini, walaupun pada keseluruhannya tidak dapat membantu meningkatkan hasil pendapatan negara kerana asas utama adalah sama ada syarikat-syarikat korporat di negara kita dapat memperolehi pendapatan yang banyak ataupun tidak. Tetapi dengan adanya sistem yang lebih tersusun dan lebih teratur, kita dapat meningkatkan kecekapan kutipan cukai, maka ia sedikit sebanyak dapat membantu terutama dari segi kita hendak mengutip cukai di peringkat yang maksimum. Dalam erti kata, kita ada *potential income* untuk dikutip setinggi berapa jumlah dengan adanya sistem yang efisien jurang di antara *potential* dan kutipan sebenarnya ini dapat dikurangkan, dengan itu kita mendapat pendapatan yang lebih.

Begitu juga dari segi pendapatan yang tersorok ataupun *hidden income*, oleh kerana perniagaan tidak didaftar dan sebagainya yang kutipannya tidak dibuat. Dengan adanya pindaan ini, dengan adanya kecekapan, maka dapat kutipan tersebut diperolehi.

Dengan itu semua jenis pendapatan yang patut dicukai dapat kita perolehi, ia dapat membantu meningkatkan lagi pendapatan negara kita.

Mengenai dengan akta ini saya ingin menyentuh beberapa perkara. Saya memang bersetuju diletakkan satu tarikh yang sesuai selepas dalam tempoh enam bulan, maka syarikat-syarikat dikehendaki untuk mengemukakan penyata kewangan berserta dengan taksiran cukai yang patut dibayar dan lebih mudah lagi menggunakan sistem elektronik. Ini satu pencapaian yang kita bangga dan patut digalakkan ke arah kita melahirkan kerajaan elektronik. Seperti mana yang saya katakan ini dapat memaksimumkan amaun yang patut dikutip dan di samping itu memperkukuhkan *cash flow* kerajaan. Beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan sebagai isu mengenai dengan perkara ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, bila kita menggunakan sistem ini, bermakna kita memerlukan *support system* yang lengkap, dalam erti kata lain *support system* bagi syarikat dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah juruaudit (*auditors*) dan juga pegawai pentaksir yang akan membuat penyata kewangan dalam tempoh enam bulan. Bermakna dalam tempoh enam bulan kita beri masa untuk mesyuarat agung, tandatangan penyata perlu disiapkan dalam tempoh enam bulan ataupun selewat-lewatnya lima bulan. Ada *time lack*, setelah siap dibawa kepada mesyuarat agung dan kemudian kepada tandatangan dan sebagainya, semua keperluan *statutory* diselesaikan, baru dihantar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Di sini bermakna bahawa tekanan kepada juruaudit dan pentaksir cukai ini mesti menyiapkan kerja dalam tempoh lima bulan. Isunya adalah sebahagian besar daripada syarikat kita menutup akaun pada 31 Disember, walaupun ada bulan Jun tetapi tidak banyak, sebahagian besar 31 Disember. Oleh kerana pada masa lalu kita melonggarkan *submission of accounts*.

Jadi, banyak syarikat ada kemungkinan, ini saya tidak tahu ada kemungkinan atau tidak *submit* dan kita perlu ingat di dalam *Registrar of Companies*, dia ada banyak jenis syarikat. Macam syarikat *public company*, ini saya percaya semuanya telah pun *lodge* penyata kewangan dengan atas keperluan *statutory requirement* tadi dengan sempurna. Kemudian kita ada syarikat sendirian berhad beberapa kategori. Satu yang aktif, satu yang tidak aktif, satu yang baru tubuh syarikat RM2.

Jadi, kalau saya lihat, saya cuba lihat dalam Internet untuk saya hendak membilang berapa banyakkah syarikat, cukup banyak, saya tidak tahulah berapa. Kementerian tahu, cukup banyak syarikat. Jadi, apabila keseluruhan syarikat ini perlu kepada menyediakan penyata kewangan dan taksiran cukai pada waktu yang sama. Soalnya adakah kita mempunyai juruaudit dan juga pentafsir cukai yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja itu? Itu yang saya cuba hendak bangkitkan.

Saya bersetuju, maknanya dari segi jangka panjang kita akan *develop* sistem perkhidmatan syarikat dan juruaudit yang memerlukan daripada *support system* ini kepada tingkat yang lebih sempurna. Ini akan memperkukuhkan lagi kematangan negara kita dari segi pembangunan ekonomi dan kewangan. Tetapi dalam masa ini adakah kita mempunyai cukup atau tidak juruaudit dan pentaksir cukai ini, terutama syarikat yang *shell company* ini, yang RM2. Dia kerja dalam kerajaan ataupun swasta, belum lagi berniaga, tubuh syarikat RM2, kemudian pada masa akan datang akan digunakan apabila betul-betul hendak aktif dalam perniagaan. Adakah syarikat-syarikat ini akan di 'penalise' jika tidak menghantar laporan mengikut tempoh waktu yang ditentukan? Itu perkara yang saya hendak tanya, adakah diberi pengecualian kepada syarikat-syarikat ini.

Kedua tentang Seksyen 80 memberi kuasa untuk masuk ke mana-mana tanah, bangunan atau tempat kerana menjalankan kuasa, saya memang bersetuju betul perkara ini kerana ramai kawan saya yang bekerja di Lembaga Hasil Dalam Negeri ditugaskan untuk menjalankan kerja luar. Dalam keadaan sekarang memang merbahaya. Apabila ekonomi

kita jatuh, kita dapati banyak jenayah terutama bila kita hendak pergi ke satu premis untuk kutip cukai, orang tidak membayar cukai, ini akan mendatangkan rasa marah dan boleh mengakibatkan berlakunya kes-kes criminal, ini saya bersetuju tetapi sehubungan dengan ini walaupun mengikut pembentangan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa rang undang-undang ini menuju kepada keperluan syarikat pada peringkat ini dan individu pada peringkat akan datang tetapi saya hendak sentuh sedikit perkara ini yang ada kaitan dengan keadaan sekarang. Ini yang saya hendak kaitkan dengan pendapatan yang dikatakan sebagai 'hidden income'.

'Hidden income' ini terjadi kerana perniagaan-perniagaan yang tidak berdaftar dalam bentuk menanam, dalam bidang pertanian, menanam sayur, limau, dalam bidang-bidang perkhidmatan, *cottage industry*, *backyard industry* yang menjana pendapatan yang banyak tetapi tidak membayar cukai kerana tidak mendaftar dan tidak ada satu sistem di mana Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh mengarahkan – ada kuasa tetapi orang ini boleh lari daripada membayar cukai. Apa yang saya dapati sekarang ini pegawai-pegawai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri diminta pergi melakukan kerja-kerja ke peringkat ini, makna dia pergi ke restoran, dia tengok kedai nasi kandar itu dia tulis berapa banyak nasi kandar dijual satu hari, kemudian akhirnya dia akan kemukakan laporan dan kedai ini kena membayar berapa banyak. Kemudian pergi ke tempat limau, macam tempat saya limau Tambun, pergi pula buat siasatan, dia membayar. Bermakna dari segi *hidden income* ini dengan cara dan sistem yang baik dan teratur bermakna kita boleh memungut cukai daripada mereka.

Apa yang ingin saya nyatakan di sini, tidakkah boleh kementerian ini dengan kerjasama daripada kementerian lain, macam semalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kita mewujudkan satu sistem setiap perniagaan mesti didaftarkan. Kalau tidak melalui *Registrar of Companies*, *Registrar of Business*. *Registrar of Business* ini murah, RM50, kalau *Registrar of Companies* sampai RM2000 lebih kos untuk mendaftar. Dengan itu kita mempunyai satu sistem yang baik dan teratur. Bermakna dari segi kita ke arah kita hendak menuju kepada kerajaan elektronik dan juga negara abad 21 yang maju, kita boleh di dalam satu jabatan kerajaan melalui komputer, kita tekan sahaja butang, kita sudah tahu berapa orang. Jadi, usaha-usaha untuk mengutip cukai melalui pergi membuat lawatan yang membahayakan. Ada seorang kawan saya kata dia kena kejar anjing, dia hendak pergi melawat ke tempat limau Tambun, pergi dan dikejar anjing. Ini kerja-kerja merbahaya. Pada masa akan datang, crime mungkin akan lebih merbahayakan lagi.

Jadi, dengan adanya sistem ini hanya di pejabat, oleh kerana dia sudah mendaftar kita sudah tahu syarikatnya, dia jual limau, yang ini buat *backyard industry*, ini *cottage industry*, dia boleh membayar. Ini akan mewujudkan satu sistem yang lebih baik bagi sebuah negara yang hendak menjadi negara maju. Bukan sahaja dari segi kutipan cukai, dari segi mewujudkan sistem dan kontrol apabila kita umpamanya, kita hendak merancang untuk peniaga-peniaga kecil untuk mendapat premis. Kita sudah tahu berapa banyak peniaga kecil tidak ada premis, dengan menggunakan komputer kita boleh buat premis untuk mereka. Tidaklah kita mendirikan premis untuk peniaga kecil, tidak ada peniaga kecil menggunakannya kerana ia tidak diperlukan. Macam dekat rumah saya Jalan Sam Poh Tong hendak pergi ke Kuala Lumpur, dia buat gerai sebanyak 50 unit tetapi tidak digunakan. Jadi, kerana sistem ini, sistem apa....sistem....saya tidak tahu sistem apalah. Saya panggil sistem *ad hoc* tidak berdasarkan maklumat, buat dan belanja beratus ribu, kemudian tidak ada orang hendak menggunakannya. Jadi, pada hal kita hendak menuju sebuah negara maju. Ini yang saya katakan mesti bersistem. Semua syarikat ini mesti berdaftar kecualilah kalau dia jual goreng cara kecil. Kalau dia jual goreng pisang cara di Jakarta boleh, dia buat kotak macam *Kentucky Fried Chicken*, orang datang beli, itu keuntungan banyak, satu hari jualannya, itu mesti kena daftar tetapi setakat yang buka meja, jual-jual sedikit itu, mungkin tidak perlu berdaftar tetapi yang lain mesti mendaftar.

Begitu juga bila ada yang cara sistematik. Ini membantu peniaga tersebut dari segi perancangan jangka panjang – financial planningnya apabila peniaga mahu memohon pinjaman. Salah satu yang akan *diassess* oleh pemberi pinjaman sama ada bank ataupun agensi lain adalah bila perniagaan itu dimulakan dan biasanya tarikh perniagaan dimulakan adalah daripada tarikh perniagaan didaftar tetapi kalau tidak didaftar, walaupun telah menjalankan perniagaan selama sepuluh tahun, ini tidak diambil kira kerana tidak ada dokumen. Jadi dengan itu, mendaftar semua peniaga ini menguntungkan kepada semua pihak.

Ketiga, saya hendak menyentuh perkara berkaitan dengan beberapa isu *operational*. Saya hendak mendapat penjelasan daripada kementerian. Pertama, tentang *credit balance* kita sebagai pembayar cukai. Sekarang kita ada *credit balance* dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Yang dibuat sekarang ini dia kontra. Maknanya, kalau ada amaun kita itu lebih dia kontra, kalau masih ada *credit balance* dia akan simpan. Kalau *credit balance* itu RM20 okay tetapi kalau banyak? Maknanya dari segi pembayar cukai, dia akan rugi. Katalah ada *credit balance* – saya tidak tahu berapa banyak *credit balance*, saya bukan bekerja di situ tetapi saya buat andaian katalah RM1000. Kalau dipulangkan kepada dia, dia akan mendapat keuntungan. Malahan, *credit balance* kita dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri pun kita tidak pernah tahu. Apabila saya diminta bayar cukai, berapa jumlah saya kata, saya sudah bayar dahulu tahun lalu ada lebihan, dia kata ada *credit balance*, berapa *credit balance* pun saya tidak tahu. Tidak diberitahu kepada saya sebagai pembayar cukai berapakah *credit balance* saya dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

*Credit balance* kalau individu menjadi lembaga pengarah. Syarikat membayar cukai bagi pihak lembaga pengarah tiap-tiap bulan, dia bayar cukai. Kemudian kita buat tafsiran. Jadi, syarikat bayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, sudah ada jumlahnya. Kemudian kita dibuat tafsiran untuk kita pula, dia akan beri *gross amount* kita dapat sebagai lembaga pengarah, kita submit kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, dia buat tafsiran dan dia kata bayar macam ini. Kalau individu, katalah individu itu ada tiga atau empat menjadi ahli lembaga pengarah. A, B, C, D ini semua sudah bayar untuk dia tetapi dalam borangannya itu dia hantar kemudian ditafsirkan, bila tafsiran ini dia kena bayar pula jumlahnya. Bermakna kalau ikut di sini bayar dua kali. Kita beritahu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, ini sudah dibayar oleh syarikat, dia kata bayar dahulu. Dia kata, bayar dahulu kemudian kita settle kemudian, dengan cara kontrakah atau apa dan ini cukup menyusahkan. Saya ada bertemu ramai kawan yang bekerja sebagai ahli lembaga, dia kena bayar kadang-kadang sampai RM20,000, pada hal tidak perlu dibayar. Jadi, kalau RM20,000 dia tidak mampu kerana telah dibayar, dia kena buat bayaran dua kali. Ini cukup *inefficient*, sudahlah menyusahkan dia hendak cari duit, kalau dia pinjam bank hendak kena bayar faedah bank RM20,000. Kemudian, sudah kita bayar, kita pun tidak tahu sama ada dibayar balik ataupun *credit balance*, dibiarkan situ sahaja. Cukup menyusahkan! Tidakkah patut kita ada satu sistem yang – dia sudah bayar, dia bayarlah. Kita tidak ada nombor akaun yang banyak, satu nombor akaun sahaja. Kemudian dia beritahu kita bahawa yang ini sudah bayar, yang kita perlu tafsiran, buat yang ini sahaja bayar yang ini. Cukup susah, Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang begitu banyak hendak dicari dan dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kalau kita tidak bayar pula, dia caj pula lagi dalam satu tempoh waktu. Saya tidak ingat berapa peratuskah, saya tidak ingat tetapi dia caj *certain percentage of amount to be paid*, berapa peratus saya tidak ingat. Jadi, dia kena aniaya banyak kali lagi. Dia hendak remedy tidak ada tempat hendak *remedy*. Kalau kata hendak bawa *court*, kita tahu takkan kita hendak bawa *court against the government*, jadi di mana hendak *remedy*. Kita terangkan kepada pegawai di Lembaga Hasil Dalam Negeri, dia macam robot sahaja, dia kata ini peraturannya, bayar! Kita mesti mengambil elemen kemanusiaan dalam kita mengambil duit daripada orang, bukan sistem cara yang macam paksaan, biar cara yang humanise, akan menjadikan semua orang suka hati kerana membayar cukai ini adalah satu

sumbangan besar rakyat. Macam saya kata tadi, oleh kerana syarikat tidak membayar cukai kerana rugi, bayangkan Tuan Yang di-Pertua, 1997 - RM65 bilion pendapatan negara, 1998 - RM55 bilion dan 1999 - RM47 bilion. Maknanya, kalau kita semua bayar cukai syarikat semua maju, inilah sumbangan terbesar yang kita lakukan untuk pendapatan negara, digunakan pendapatan negara untuk kos pengurusan kerajaan, untuk bayar gaji, perbekalan, bayar pencen dan sebagainya. Kemudian kos pembangunan, bila kita menyumbang kita juga mahu menyumbang kepada pembangunan negara.

Itu yang semalam Barisan Alternatif buat pembentangan belanjawan. Saya pun tidak faham. Belanjawan mesti ada hasil pendapatan, kalau tidak ada hasil pendapatan, dia letak, letak, akhirnya saya tengok berapa ratus bilion yang hendak digunakan untuk belanjawan Barisan Alternatif. Kerana *bottom line* nya tidak ada, dia mesti memulakan belanjawan mesti daripada hasil pendapatan, hasil pendapatan negara, baru kita boleh budget, kalau tidak ada yang itu you buat *budget*, *budget* apa? Malu saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan orang ini tidak faham dan tidak mengetahui, tidak ada tahu. Bila saya tengok dia hendak buat belanjawan, saya kata, apa punya mentality membentangkan belanjawan tidak ada *income*. Akhirnya belanjawan itu berapa ratus bilion hendak dibiayai. Jadi, ini hendak seronok-seronok rakyat, beri ini *free*, beri ini *free*, *there is nothing free* pasal akhirnya kita kena gunakan wang. Betul, macam sekarang tahun ini kita ada RM47 bilion, kalau ikut budget kita mesti guna *within the RM47 bilion* tetapi kerana kita mementingkan pembangunan rakyat dan negara kita belanja RM16 bilion melalui pinjaman. Maknanya pinjaman RM16 bilion yang perlu dibayar kemudian. Jadi, *budget* ini tidak ada pendapatan. Hai, malu saya. [Ketawa]

Jadi, saya balik semula kepada sistem contra tadi. Saya harap dapat satu sistem di mana kita jangan burden, jangan menyusahkan kerana hendak mencari duit begitu banyak, hendak bayar perkara yang telah dibayar bukan sahaja *double counting* ataupun *double effort* tetapi ini menunjukkan ketidakcekapan agensi ini menjalankan tugas. Macam saya sudah kutip hutang, kemudian bayarlah hutang dahulu nanti saya check balik, ini bukan! Bukan sistem itu yang patut kita adakan.

Lagi satu saya berbalik kepada '*hidden income*' ini. saya hendak nyatakan saya sendiri pernah terlibat membeli tayar kereta. Saya beli dua tayar kereta dan saya beli accessories lain. Saya bayar RM500 atau RM600, saya tidak ingat. Kemudian oleh kerana ada satu perkara berlaku, saya pun pergilah hendak buat pertukaran. Kemudian apabila saya tengok dalam *voucher* ataupun *invoice* syarikat saya nampak masa waktu itu saya bayar hanya banyak itu - RM200 lebih. Oleh kerana saya tidak ada bukti hendak tunjukkan, tidak dapat saya hendak ambil - bukan soal saya tetapi soal pendapatan negara yang terjejas kerana '*hidden income*' ini lagi disorokkan pula lagi. Kita pernah dengar bidang perkhidmatan dan bidang-bidang lain yang menggunakan dua *voucher* ini. Saya tidak buat analisis daripada segi jumlah pendapatan yang tersorok ini saya tidak tahu berapa tetapi saya percaya banyak. Kalau macam syarikat menjual tayar tadi, kalau kita ambil pendapatan bulanannya berapa, setahun berapa, berapa banyak syarikat lagi. Begitu juga doktor, kalau setahun berapa satu doktor, akhirnya pendapatan itu saya rasa pun banyak. Berapa peratus daripada jumlah pendapatan di dalam negara kita, cukup banyak. Jadi, bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita buat *on line* kah atau apa-apa sistem tetapi saya berpendapat ini perlu. Perlu dari segi rakyat dalam sebuah negara mendapat perkhidmatan daripada kerajaan terutama dari segi keselamatan dan banyak lagi dan jadi satu konsep sebuah negara rakyat itu pula mesti membayar balik di atas perkhidmatan yang diterima, banyak perkhidmatan yang kita terima. Orang yang tidak membayar ini tidak mempunyai moral ke atas negara ini. Ini satu perkara, makna saya menekankan perkara ini kerana kita hendak menuju kepada

masyarakat madani (*civil society*) kita tidak mahu individu macam ini terlepas begitu. Dia duduk di negara kita, memanglah rakyat negara kita, mencipta, menjana keuntungan yang begitu banyak tetapi lari daripada cukai. Jenis apa manusia ini. Kita hendak oleh kerana orang ini boleh terlepas, jadi burdennya pula jatuhlah kepada kerajaan. Sepatutnya bukan kerajaan, dia sepatutnya secara *voluntary*, kita secara *voluntary* kita dapat kita hantar tetapi dia sorok-sorok, jadi *burden* itu *is on the government*. Jadi, bagaimana kerajaan hendak mewujudkan satu sistem yang membolehkan orang ini tidak lari daripada cukai. Dia mempunyai, macam mana saya katakan tadi, dia mempunyai banyak kepentingan dengan melahirkan masyarakat yang madani, pendapatan negara yang baik, sistem yang elok dan sebagainya.

Saya ingat itu sahaja, mana ini, tidak berapa ada. Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Balik Pulau.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999.

Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana memperkemaskan rang undang-undang ini untuk membolehkan pengumpulan cukai berlaku dengan cara yang lebih efisien dan memastikan bahawa, khususnya pada pindaan-pindaan yang pada seksyen-seksyen yang ada ini - cukai syarikat, cukai pendapatan, syarikat-syarikat yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam Dewan ini selain daripada meluluskan rang undang-undang yang biasa ini, yang menetapkan sempadan-sempadan hak rakyat dalam negara kita ini, orang kata, *reason* ataupun sebab kita ada Parlimen ialah kerana Parlimen mempunyai kuasa untuk mencukai dan Parlimen juga mempunyai kuasa untuk menentukan bagaimana hasil daripada kutipan cukai itu hendak dibelanjakan.

Kita dipertanggungjawabkan, diberi amanah oleh rakyat untuk memastikan bahawa hak yang mereka beri kuasa pada kita untuk ambil rezeki mereka, kita belanjakan dengan cara yang terbaik. Pada masa yang sama kita juga diberi tanggungjawab untuk memastikan bahawa apa juga manfaat yang diperolehi oleh rakyat ini dikongsi bersama dari segi manfaat dan juga dari segi sumbangan masing-masing.

Dasar percukaian adalah merupakan satu daripada dasar utama dalam dasar fiskal kerana dengan cara kita menentukan dasar percukaian, menentukan banyak mana pendapatan boleh guna yang ada dalam rumahtangga atau individu dalam negara kita ini. Kalau kita cukai ramai orang maka pendapatan boleh guna rumahtangga ataupun individu akan menjadi kurang dan apabila ia menjadi kurang maka perbelanjaan penggunaannya kurang dan apabila perbelanjaan penggunaannya kurang maka permintaan agregate keseluruhan ekonomi boleh menyumbang kepada penguncupan pertumbuhan ekonomi dalam negara kita ini. Jadi, ini bagi saya adalah sangat penting dan saya amat menyokong apa yang telah dinyatakan oleh rakan saya daripada Tambun.

Pertamanya, soal ekuiti dalam percukaian ini, soal "*fairness*" dalam percukaian. Kita kena pastikan bahawa semua orang dalam negara kita ini yang mana patut bayar cukai, dia kena bayarlah cukai. Saya sebenarnya berpendapat bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri ini memang merupakan antara agensi kerajaan yang paling efisien perjalanannya. Malah efisyennya, sampai saya sendiri pun takut juga sebab kita semua kena bayar cukai. Tetapi kita minta ia menjadi lebih efisien kerana atas dasar keadilan, dasar ekuiti ini memastikan bahawa semua orang yang mendapat manfaat daripada hasil perbelanjaan awam ini, sama ada dalam bentuk keamanan ataupun dalam bentuk

kemudahan-kemudahan awam, dalam bentuk *public goods* yang ada dalam negara kita ini, panggunya kena ada.

Jadi, kita mesti memastikan bahawa kita tidak mahu jadi seperti sesetengah negara dalam dunia – setengah negara yang maju yang mempunyai kadar atau peratusan *underground economy* nya yang agak besar. *Underground economy* ini adalah ekonomi seperti saudara saya, Yang Berhormat bagi Tambun kata, yang *hidden income* ini, orang yang meniaga tetapi mendapat manfaat daripada suasana persekitaran perlindungan hak "*property rights*" dan sebagainya tetapi dia tidak bayar cukai. Kadang-kadang kita kata, biarlah setengah orang tidak bayar cukai. Tetapi itu adalah sikap yang pada saya tidak betul kerana setengah orang dia meniaga kecil-kecil, tetapi *turnover* nya sampai 1000-2000 satu hari, *cash*. Setengah orang pegawai kerajaan yang ramai duduk di belakang itu, gajinya berapa ribu sahaja sebulan. Yang kadang-kadang meniaga pasar malam pun – walaupun kita galakkan mereka ataupun kedai-kedai runcit, nasi kandar, roti canaiah, murtabakkah, dia punya *turnover* beribu satu hari.

Jadi, pegawai kerajaan ini, misalnya sebab dia pegawai kerajaan, dia orang bayar cukai seperti yang mereka patut bayar. Saya pun terlupa borang apa itu. Jadi, Wakil Rakyat tidak payah bayar cukai sebab elaun sahaja. Pegawai-pegawai kerajaan ini dia kena bayar cukai daripada yang paling rendah sehinggalah yang paling tinggi. Tidak adil untuk orang lain yang pendapatan sepatutnya bayar cukai tetapi tidak bayar cukai. Sikap pendapat bahawa orang-orang ini bayar cukai kepada kerajaan itu adalah satu sikap yang sepatutnya kita ubah sedikit. Sebenarnya semua orang bukan bayar cukai kepada kerajaan. Dia bayar cukai kepada kuasa yang diperuntukkan dalam Parlimen ini dan dibelanja balik untuk manfaatnya. Kita dalam kerajaan menggunakan dasar pencukaian sebagai satu *instrument* untuk memastikan bahawa agihan pendapatan dalam negara kita ini adalah seimbang. Dasar pencukaian adalah satu-satunya *instrument* yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengimbangi ketidakseimbangan yang ada pada rakyat. Dasar pencukaianlah yang boleh kita gunakan untuk mengambil cukai yang lebih daripada orang yang ada lebih untuk dibelanjakan melalui perbelanjaan awam untuk dimanfaatkan oleh mereka yang tidak berapa ada duit.

Dasar pencukaianlah yang menjadi pengimbang di dalam dasar-dasar kerajaan yang kita laksanakan. Orang yang ada duit tidak boleh merasakan bahawa dia beri duitnya kepada kerajaan sebagai mengambil rezekinya kerana kalau kita ada konsep kita semua adalah rakyat Malaysia, kita semua mempunyai kepentingan kesejahteraan dalam negara kita ini, kita hendak lihat pada umumnya lebih ramai orang senang. Jadi, barulah kerajaan mempunyai hasil untuk dibelanjakan, untuk membekalkan barang-barang awam ini (*public goods*).

Jadi, orang yang tidak bayar cukai adalah orang yang *selfish* dan bukan sahaja *selfish*, mereka juga merupakan orang-orang yang paling tidak patriotik kerana dia tidak mahu berkongsi *burden* untuk semua orang. Dia tidak merasakan bahawa kalau kerajaan ambil hasil cukai itu dan bubuh lampu jalan – tetapi lampu jalan itu bukan depan rumahnya, dia kata yang itu dia tidak dapat manfaat. Dia tidak merasakan bahawa kalau kerajaan ambil cukai dan kerajaan membelanjakan untuk buat sekolah dan apabila buat sekolah sehingga institut dan kolej, rakyat dalam negara ini jadi pandai, jadi lebih berkemampuan, dia rasa dia tidak dapat manfaat. Orang macam ini juga adalah orang yang merasakan bahawa kalau kerajaan mengambil duit dan belanja untuk buat hospital dari duit cukai dan ramai orang dalam negara ini sihat, maka orang itu sihat tidak ada sangkut-paut dengan dia.

Jadi, ini konsep kenegaraan, konsep sivik – yang ini kita kena perbetulkan. Saya ingat kalau kita perbetulkan daripada awal, nilai-nilai sivik ini – tata rakyat ini, maka tanggungjawab, kesedaran kita sebagai seorang warganegara, sebagai seorang rakyat akan lebih tinggi. Mereka yang lari daripada cukai ini, yang duduk dalam *underground economy*

ini, boleh dengan cara tersendiri, selain daripada kita kuatkuasakan undang-undang yang ada ke atas mereka, mereka pun boleh bayar cukai dan kongsi bersama dalam membangunkan negara kita ini. Jadi, *underground economy* ini ada yang legal, ada yang *illegal*. Jadi, yang *illegal* itu kita tidak boleh hendak buat apa-apa sebab perniagaan dadah ini misalnya, sudah *illegal*. Kalau kita boleh cukaikan perniagaan dadah satu hallah, tetapi ia *illegal*. Perniagaan itu *legal* tetapi ia tidak bayar cukai – maknanya ia masuk jadi *underground economy*.

Jadi, mereka ini saya harap kalau dapat mereka diambil tindakan kerana tidak adil kerana, saya tengok ramai pegawai kerajaan misalnya yang sederhana dan bergaji rendah ini dia orang cukup ikhlas – tidak tahulah dia ikhlas atau tidak ikhlas sebab tiap-tiap bulan dia kena potong gaji membayar cukai. Jadi, tidak adil kepada mereka kerana mereka menyumbang tetapi orang lain yang lebih berkemampuan tidak menyumbang.

Dalam hal itu saya ingin juga bertanya tentang apakah keberkesanan untuk memastikan bahawa golongan-golongan yang saya sebutkan tadi yang cuba lari daripada bayar cukai ini – kalau kompelin banyak pada mamak roti canai dengan nasi kandar, nanti saya ada problem pula balik ke Pulau Pinang. Peniaga-peniaga macam ini apakah keberkesanan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memastikan anggaran pendapatan mereka itu bertepatan dan mereka juga ini dikenakan cukai yang sepatutnya mereka kenakan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang cukai ini seperti Yang Berhormat bagi Tambun timbulkan tadi, saya sedar bahawa oleh sebab keadaan kegawatan ekonomi dalam tahun 1997 dan 1998, kita ada pengecualian cukai untuk tahun taksiran 1999, maka hasil kerajaan pada keseluruhannya adalah lebih rendah daripada tahun yang terdahulu daripada itu. Tetapi pada masa yang sama kita menyokong dasar kerajaan untuk mengamalkan, di sebelah perbelanjaan pula, perbelanjaan defisit, maknanya walaupun hasil cukai, hasil pendapatan kerajaan telah menurun dalam dua tahun yang lepas ini, tetapi kita menyokong pada masa yang sama menambahkan perbelanjaan untuk menjaga kesihatan ekonomi ini.

Jadi, oleh sebab yang demikian misalnya dalam Belanjawan 1999 kita mengenakan perbelanjaan defisit sampai RM19 bilion. Jadi, saya berpendapat bahawa untuk tahun 2000 ini, perbelanjaan tahun 2000 yang akan dibentangkan esok, kerajaan juga akan mengamalkan *deficit spending* dan saya amat bersetuju untuk kerajaan mengambil *deficit spending* mungkin untuk satu tahun ataupun dua tahun lagi, kerana kalau kerajaan tidak mengamalkan *deficit spending* ini, walaupun *revenue* turun maka permintaan aggregate dalam negara kita ini mungkin tidak dapat kita janakan kerana perbelanjaan penggunaan individu dan juga perbelanjaan pelaburan dan penggunaan swasta masih lagi tidak kuat.

Oleh sebab itu kerajaan, khususnya Kerajaan Persekutuan kena belanja banyak untuk menjana kegiatan ekonomi dan saya harap walaupun ini merupakan, implikasinya ialah kerajaan terpaksa meminjam untuk melakukan perkara ini tetapi saya harap kerajaan tidak terlalu bertagak-tagak untuk belanja kerana tanpa kita berkeyakinan penuh bahawa sektor swasta dan juga keyakinan individu atau rumah tangga dalam negara kita ini sudah pulih baru boleh menjanakan perbelanjaan individu dan juga swasta. Sementara itu kerajaanlah kena belanja.

Tetapi kita mula melihat ada sedikit keyakinan kepada pengguna kerana ada peningkatan sedikit daripada petunjuk-petunjuk perbelanjaan *consumption expending* ini. Peningkatan dalam *consumption expending* bermakna bahawa pengguna lebih mempunyai keyakinan tentang masa hadapan. Kalau saya tidak yakin tentang esok dan lusa, saya takut hendak belanja hari ini, kalau saya yakin tentang esok dan lusa maka saya lebih berani hendak belanja hari ini.

Jadi, apa yang kita hendak, perbelanjaan defisit kerajaan ini diteruskan, pertamanya kerana hendak menjana yang fisikalnya. Yang keduanya ialah untuk memastikan psikologinya bahawa ramai orang mempunyai keyakinan. Jadi, ini kita terpaksa lakukan walaupun hasil daripada cukai adalah rendah. Jadi, saya ingat kalau hendak kena pinjam pun, sekarang ini adalah masa yang baik untuk kerajaan pinjam, untuk menampung perbelanjaan defisit ini kerana dua perkara.

Yang pertama, pada tahun lepas kita mempunyai masalah kecairan dalam ekonomi tetapi sekarang ini kita mempunyai kelebihan kecairan dalam Malaysia, maknanya duit banyak tetapi tidak banyak yang dipinjamkan untuk tujuan pelaburan. Jadi, kecairan yang banyak di dalam negara kita boleh digunakan oleh kerajaan untuk menjual bon atau bill untuk menampung perbelanjaan defisit ini dan oleh kerana kita pinjam daripada dalam negara, maka dia tidak menimbulkan masalah yang lain, yang boleh timbul dari segi risiko pertukaran asing dan sebagainya.

Tetapi dari segi risiko pertukaran asing pun saya rasa tidak ada banyak masalah oleh kerana kita telah menetapkan kadar pertukaran pada tahap RM3.80 dengan Dolar Amerika, maka kalau hendak pinjam dalam Dolar Amerika pun saya ingat boleh pinjam kerana kita tidak akan kekal kepada 3.8, melainkan, tidak tahulah bila kita punya capital control itu akan dibubarkan keseluruhannya. Tetapi jikalau di masa akan datang hendak dibubar pun, risiko untuk meminjam dalam *US Dollar* tidak tinggi saya rasa kerana kalau kita pinjam dalam *US Dollar* sekarang kita dapat tiap-tiap satu *US Dollar*, kita dapat RM3.80.

Tetapi katakanlah, tidak tahu bila, katakanlah dua, tiga, empat atau lima tahun lagi apabila mata wang kita dikembalikan kepada kadar yang fleksibel sudah tentu nilainya bukan 3.8, nilainya akan menjadi lebih kuat daripada 3.8. Malah saya melihat kepada *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) punya penulisan, mereka menganggarkan bahawa sepatutnya berasaskan kepada fundamental, asas-asas kekuatan ekonomi negara sekarang sepatutnya dalam 3.6 atau 3.4 macam itu.

Jadi, itu sekarang. Kita yakin bahawa ekonomi negara akan lebih baik kerana kita telah menjana lebih dalam akaun semasa kita dan *foreign reserve* kita makin meningkat. Saya yakin dalam masa dua, tiga tahun lagi, maka kalau dibiarkan ringgit ini pun, maka kadar pertukarannya akan jadi 3.2, 3.0 atau 3.4. Tetapi maknanya kalau kita pinjam hari ini pada 3.8 pada kadar faedah yang positif 2%, 3% atau 4%, jadi, masa kita hendak banyak balik di masa akan datang, kita bayar balik masa duit kita lebih kuat. Kita pinjam US\$1 kita dapat RM3.80, tetapi masa kita hendak banyak balik, kita bayar RM3.20 untuk US\$1, maka itu juga tidak ada risiko.

Jadi, apa yang saya hendak tegaskan ialah dasar perbelanjaan defisit ini hendak diteruskan untuk tahun 2000 ini, walaupun hasil daripada cukai sudah turun, signal kerajaan kepada swasta, signal kerajaan kepada semua pihak yang terlibat untuk membuat keputusan pelaburan hendaklah jelas. Maknanya, kerajaan ini akan terus berbelanja untuk memastikan bahawa permintaan aggregate akan berterusan, bertambah dan seterusnya akan menjana pertumbuhan yang kita hendak.

Bagi saya, inilah masanya dasar fiskal digunakan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan awam. Satu masalah dalam negara kita ini, kalau kita tengok, macam besok kita tengok Belanjawan ialah saya ingat lebih kurang RM0.60 sen daripada tiap-tiap RM1.00 perbelanjaan kerajaan itu pergi kepada perbelanjaan mengurus tetap, bayar pencen, bayar gaji perkhidmatan awam, servicing loan sudah ambil mungkin RM0.60 sen ataupun RM0.65 sen daripada tiap-tiap RM1.00 yang kita belanja.

Kita tinggal dalam RM0.35 sen sebenarnya daripada tiap-tiap RM1.00 untuk kita melakukan perbelanjaan pembangunan yang Kepala 'P' itu, yang Kepala 'B' itu ambillah RM0.65 sen, Kepala 'P' tinggal RM0.35 sen dan Kepala 'P' itulah yang sebenarnya hendak

menjana pertumbuhan secara *direct*, Kepala 'B' itu hendak dibayar gaji dan pencen kepada orang.

Kalau kita tidak mengamalkan *deficit spending*, maka katakan tahun ini kita punya anggaran hasil adalah RM50 bilion misalnya dan kita belanja balance budget RM50 bilion, mungkin kalau pada tahap RM50 bilion hasil itu, maka RM0.85 sen atau RM0.90 sen daripada setiap RM1.00 yang kita belanja itu Kepala 'B', jadi Kepala 'P' tinggal RM0.10 sen. Jadi, untuk bagi tambah sedikit dalam Kepala 'P' ini, kita kenalah buat *deficit spending*, kalau tidak mana ada duit untuk kita belanja kemudahan awam ini, sama ada dalam bentuk infrastruktur ataupun dalam bentuk pertambahan kemudahan awam seperti sekolah-sekolah dan juga seperti hospital dan lain-lain kemudahan awam, untuk memastikan bahawa pembekalan barangan awam ini, *public goods* ini adalah banyak kerana dengan pembekalan *public goods* yang banyak ini, maka manfaat ini dapat dirasai oleh semua pihak.

Jadi, sebelum saya pergi kepada perkara yang berikut, sekali lagi saya ingin menekankan bahawa walaupun mungkin mereka tengah cetak *budget* sekarang ini, [Ketawa] sebab kita ada dalam 24 jam sebelum pukul 4.00 petang esok tetapi saya yakin kerajaan akan mengenakan perbelanjaan defisit untuk tahun hadapan dan janganlah menjadi terlalu *tentative*, berdepan dengan criticism bahawa kita melakukan hutang untuk melakukan perkara tersebut kerana hutang meminjam daripada dalam negeri atau luar negeri dalam keadaan sekarang ini tidak akan mendatangkan mudarat.

Kalaulah *interest rate* sekarang ini, *seven point something*, jadi kalau BLR sekarang 10 ke-11 *percent*, kerajaan pula meminjam dalam pasaran modal, jadi ia akan naikkan *interest rate*. Maksudnya, kalau kerajaan pinjam pada ketika permintaan swasta pun tinggi, itu tidak berapa baguslah. Tetapi sekarang ini kecairan banyak. Saya tanya bank mana pun, Menteri Kewangan pun dok marah sebab bank tidak bagi pinjam sebab kecairan dalam sistem banyak tetapi keyakinan orang tidak berapa ada, jadi orang tidak berapa hendak pinjam – jadi apabila orang tidak berapa hendak pinjam duit itu, jadi *might as well* kerajaan yang ambil.....

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Okay. Thank you. [Ketawa]

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan ramalan Yang Berhormat bagi Balik Pulau tentang Belanjawan esok dan berhubung dengan ini saya juga teringat apa yang dikatakan tentang *shadow budget*. yang dibentangkan oleh pihak pembangkang yang dikeluarkan dalam surat khabar hari ini. Dalam *shadow budget* itu banyaklah janji-janji yang dibuat termasuklah misalnya untuk menaikkan gaji pegawai-pegawai kerajaan.

Padahal sebelum ini kita dengar merekalah yang menuduh kerajaan sengaja bagi bonus untuk pegawai kerajaan sebagai usaha memancing undi tetapi nampaknya apa yang dikritik ini dibuat juga oleh mereka. Jadi, sejauh mana tanggapan saudara menganggap realistiknya *budget* bayangan pembangkang ini sedangkan kita hanya lihat janji-janji dan tidak ada pun figure tertentu ditunjukkan. Terima kasih.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sebenarnya tidak tengok dan tidak baca lagi belanjawan yang dibentangkan oleh Barisan Alternatif ini. Tetapi bukan mudah hendak buat *budget*. Saya ingat Timbalan Menteri Kewangan di tingkat 15 dan 16 di *Treasury* itu pun mereka buat begitu lama – bukan senang. Kalau kita hendak janji – orang politik ini yang dia paling sedap, dia berjanjilah.

Kalau masa tengah bercinta pun dulu, memang berjanji macam-macam. Tetapi pada masa kita didorong oleh emosi pun kita hendak janji banyak pun tidak berani sebab dalam keadaan belanjawan ini, kita kena fikir. Walaupun saya kata tadi, *government* buat deficit spending tetapi sebenarnya tidak semudah itu kerana kerajaan kena buat unjuran tentang hasil tahun depan. Bukan senang hendak kata bagi itu dan ini. Tetapi hendak buat *deficit spending* yang saya kata tadi pun bukan mudah. Kerajaan kena buat anggaran hasil tahun depan. Mungkin tercapai dan mungkin kurang hasil itu. Kalau terkurang kena buat *supplementary budget* pula lagi.

Selepas itu kena fikir juga hendak meminjam ini hendak pinjam di mana. Berapa banyak hendak dikeluarkan dalam bentuk *government securities*, berapa banyak hendak pinjam melalui tabung-tabung yang lain. Kita tengok pinjaman yang kerajaan telah buat melalui OECD dan juga tabung-tabung yang lain. Sesetengahnya untuk menampung sebahagian daripada *deficit* yang telah kita hendak belanjakan pada tahun ini. Jadi, pendeknya saya hendak kata – buat budget ini bukanlah senang. Bukan satu yang mudah kerana dia ada *competing interest*.

Dalam Parlimen ini, sebagai wakil rakyat dan Ahli Parlimen, kita sayang semua hendak diberi kepada pegawai kerajaan – hendak bagi Hulu Terengganu sedikit, Parit Buntar hendak bagi sikit [*Ketawa*], kesihatan hendak dibagi. Mungkin yang jadi menteri itu, tiap-tiap kementerian hantar kepada EPU dan *Treasury*, semua kementerian mempunyai 1001 sebab kenapa program dalam kementeriannya perlu duit. Jadi, menteri ini pula datang tunjuk program dia ini pun ada 1001 sebab kenapa perlu diluluskan sebanyak itu. Tiap-tiap menteri ada hujah tetapi dalam *Treasury* ini kadang-kadang boleh jadi popular, kadang-kadang boleh jadi tidak popular sebab kadang-kadang dia kena *disappoint* dia punya *fellow cabinet members* kerana dia tidak boleh bagi benda yang dia minta.

Janji senang tetapi hendak kita bagi adalah susah. Untuk pegawai kerajaan ini, itu sebab saya bela pegawai kerajaan – bukan dari segi hendak menjanjikan atau mendesak kerajaan untuk menaikkan gaji ataupun tambah elaun, tetapi untuk memberi keadilan. Saya sedar bahawa pegawai adalah merupakan kelompok manusia dalam negara kita ini yang dari segi cukainya, ikhlas. Cukainya semua berbayar. Sebab itu saya start saya punya ucapan dengan saya pukul orang yang tidak bayar cukai dahulu sebab yang jahat ini ialah orang yang tidak membayar cukai. Tidak betul.... Oh, menteri bangun, kena bagi jalan. [*Ketawa*]

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Saya tertarik hati dengan ulasan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan budget yang dibentangkan oleh Parti Alternatif ini. Dan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang senang untuk pihak Barisan Alternatif ini mengemukakan budget, tidak perlu mengambil masa yang panjang kerana sebagaimana kata pemimpin DAP – yang mereka hendak buat dalam pilihan raya yang akan datang ini bukan untuk mengalahkan BN tetapi menghalang atau *to deny* BN, dengan izin, majoriti dua pertiga

Oleh itu, saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa bukan sahaja mereka senang mengemukakan budget alternatif tetapi budget atau manifesto yang mereka kemukakan ini berlainan daripada parti ke parti dan daripada negeri ke negeri sehinggakan parti PAS mengatakan mereka boleh adakan *alternative manifesto* untuk PAS di setiap negeri.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Wah... itu sudah masuk politik. Saya hendak komen pasal *budget* sebab Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar memberi maklumat bahawa belanjawan itu adalah dalam 8 muka surat yang dibentangkan sebab saya tidak tengok lagi. Sebenarnya, saya sendiri pun kalau hendak buat budget, tahulah sedikit tetapi

saya sendiri pun kalau hendak kemukakan budget untuk item-item yang tertentu, saya pun tidak tahu.

Jadi, kalau 8 muka surat punya belanjawan memang tidak boleh sebab kita kena tengok dalam perkhidmatan awam sahaja ada 800,000 jawatan – yang pencen berapa, permintaan-permintaan daripada yang ada *competing interest* ini, semuanya untuk kebaikan ada berapa. Jadi, banyak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Jadi, kalau hendak buat *alternative budget*... Hai.... Kepong pula bangkit. Mungkin Yang Berhormat bagi Kepong terlibat dalam penggubalan belanjawan itu. [*Ketawa*] Saya minta penjelasan daripada beliau.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebenarnya, apabila sesebuah kerajaan sebagai Menteri Kewangan atau sesiapa memang mempunyai maklumat-maklumat dialog dengan pelbagai badan, jadi dia dapat maklumat yang lengkap untuk mengadakan belanjawan yang lengkap.

Tetapi dari segi pembangkang, apabila saya bertanya Yang Berhormat apabila dia memberi jawapan pun, dia berhati-hati dan jawapan itu songsang dan tidak tepat. Kalau saya hendak daripada Kementerian Kewangan – minta semua maklumat, data-data dan sebagainya, adakah Yang Berhormat sanggup bagi untuk memuatkan satu belanjawan yang lengkap dan belanjawan yang dibentangkan pun pada prinsip dan strategi kerana kekurangan. Yang Berhormat Chenderoh pun dia cenderung kepada mengkritik juga tetapi tidak bagi butiran yang lengkap.

Kalau saya minta yang di dalam pelbagai bidang termasuk pembuatan, Yang Berhormat sanggup bagikah? [*Disampuk*] Ha.... Itulah masalah Balik Pulau. Mesti memahami keadaan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Dia apa boleh buat, Yang Berhormat, dalam politik ini memang kita kritik-mengkritik. Tanggungjawab saya ialah untuk menegakkan parti yang saya wakili dengan cara sama ada Yang mengkritik parti Berhormat atau menunjukkan parti saya lebih baik dan lebih berkemampuan untuk memerintah. Tetapi kalau hendak buat *budget* yang sebenarnya Yang Berhormat kita mempunyai maklumat kalau tidak se'*up-to-date*' macam Perbendaharaan ada, tetapi kalau pihak alternatif hendak buat budget yang betul-betul dia kena pergi balik kepada dokumen-dokumen awam yang ada. Dokumen awam ada setebal itu [*Sambil menunjuk isyarat*] budget tahun lepas ada dokumen awam mengenai penjawatan, semua ada. Semua dokumen itu bukan dokumen yang rahsia.. Dokumen itu petang esok akan diletakkan atas meja kita setinggi ini. [*Sambil menunjuk isyarat*] Tetapi kerajaan ada kelebihannya sedikit sebab itu dia jadi kerajaan.

Kita ada yang *up-to-date*. Jadi kalau hendak buat budget yang betul-betul, ini saya hendak nasihat untuk tahun depanlah. [*Ketawa*]. Ambil dokumen yang akan dibentangkan esok itu, dokumen itu adalah *statutory requirement*. Kementerian kena bentang dalam Dewan ini kerana itu keperluan *Standing Order* dan juga keperluan Perlembagaan. Ambil yang itu, gunakan kemahiran yang ada, buat unjuran tentang hasil, tentang keperluan dan warnakan benda itu semua dengan falsafah perjuangan parti Yang Berhormat dan tentukan strategi dan selepas itu berdasarkan angka-angka itu kemukakan satu *budget* yang walaupun tidak setebal itu mungkin adalah setebal ini. [*Sambil menunjuk isyarat*] [*Ketawa*].

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya mengucapkan terima kasih kepada nasihat Yang Berhormat dari Balik Pulau yang memang memahami apa yang diperlukan untuk membuat belanjawan. Saya hendak tanya Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat membaca di sini macam mana Yang Berhormat boleh membuat kritikan, komenkah atas benda Yang Berhormat pun belum baca, belum mengetahui dan belum insaf

apa yang prinsipnya dan dia boleh buat komen. Jadi cara ini tidak betul. Yang Berhormat dari Chenderoh pun tidak baca dia hendak buat komen, dan Yang Berhormat dari Grik pun tidak baca dan dia buat komen. Itu saya hairan jugalah. Macam mana kita boleh buat komen tanpa meneliti apa yang terkandung di dalam prinsip-prinsip dan strategi belanjawan ini.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya agak konservatif juga dari segi membuat penghakiman sebelum mengetahui. Tetapi pada fahaman saya daripada apa yang kita tahu dari pengalaman kita pun belanjawan itu walaupun ia cuma menggariskan asas-asas sahaja, tetapi kalau hendak beri belanjawan alternatif ia kena agak komprehensif jugalah sebab susah. Kerajaan boleh kata kita hendak naikkan subsidi sesuatu barang ataupun hendak naikkan gaji perkhidmatan awam sebanyak ini. Tetapi kalau kita melakukan benda itu sebagai kerajaan tanpa dibekalkan dengan belanjawan yang lengkap, kita kena tunjukkan di situ duit hendak datang daripada mana. Kita hendak janji kita hendak tambah subsidi minyak masak *which is what government did*. Jadi kita tengok dulu duit ada baru kita boleh buat itu. Kita hendak kata kita hendak kekalkan subsidi supaya minyak LPG, minyak gas masak itu kekal pada RM1.18 per kilogram, kita kena cari duit dulu. Tetapi kalau Yang Berhormat tanya dengan Timbalan Menteri Kewangan dia mungkin setuju hendak kekalkan, bukan sahaja kekalkan harga LPG kepada RM1.18 sekilogram, saya ingat RM0.50 sekilogram pun dia setuju. Saya ingin dia lagi setuju. Tetapi kalau dia cakap dia hendak harga LPG RM0.50 sekilogram dia tidak bertanggungjawab kerana dia tidak ada backing dengan kemampuan untuk bayar. Jadi budget ini kena regress sedikit, maknanya perincian kena ada. Dasar dan strategi Yang Berhormat orang kata macam air liur sahaja.... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Parit Buntar bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** ...kalau tidak diisi dengan details dia tidak jadi apa.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit lagi minta penjelasan. Seperti mana yang saya timbulkan tadi salah satu daripada janji, sebenarnya saya sudah baca, Yang Berhormat dari Kepong, *budget* yang lapan muka itu. *First time* saya tengok budget lapan muka, macam belanjawan Persatuan Belia Kubu Gajah begitulah. [Ketawa]. Salah satu daripada janji yang dibuat dalam budget itu seperti yang saya kata tadi ialah untuk meningkatkan gaji pegawai awam. Dulu apabila kerajaan beri bonus Barisan Alternatif mengkritik ini sebagai satu usaha memancing undi. Ini percanggahan yang saya tanya. Kemudian dalam kempen-kempen Barisan Alternatif ada janji kalau menang hendak hapuskan bayaran tol. Tetapi dalam budget ini saya rasa tidak ada hendak hapuskan bayaran tol. Ini percanggahan yang saya hendak penjelasan tadi.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Yang Berhormat dari Kepong kena jawab dalam masa beliau ambil bahagian sekejap lagi sebab saya hendak jawab bagi pihak Yang Berhormat, saya tidak boleh. Tinggal lagi itulah Yang Berhormat dari Kepong yang saya hendak kata ialah memang bila jadi kerajaan ini memang ada kelebihanlah. Tetapi kalau Yang Berhormat ataupun ke semua parti yang ada dengan Yang Berhormat hendak buat belanjawan yang *half way decent* dengan apa yang kerajaan hendak bentang yang lebih baik daripada yang lapan muka itu boleh buat tetapi kerja kena teruk sedikitlah. Kita kerja, Yang Berhormat ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kita ini hendak menafikan dan menyangkal Barisan Nasional majoriti 2/3 sebenarnya, dan sebab itu macam mana kita hendak buat belanjawan tebal macam ini. Tambah pula Yang Berhormat tahukah, saya

minta butiran mengenai Petronas misalnya. Tengoklah macam mana jawapannya. Besar satu huruf itu, butiran tidak lengkap. Cuma kita tahu untung lebih RM8 bilion tahun lepas dan tahun ini dan untung RM11 bilion tahun 1997 dan 1998. Itu sahaja yang diberikan. Semua ini kita mesti dapat maklumat yang lengkap untuk membuat ...

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Yang Berhormat, sekejap lagi Yang Berhormat boleh ..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu, cuma Parit yang buntar itu saya ada meneliti ucapan dia mengenai belanjawan. Tidak ada ucapan belanjawan sekarang hendak sebut mengenai belanjawan. Itulah masalah Parit Buntar, hendak putar-putar sahaja. [Ketawa]

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau. Sekejap ini sahaja dia bercakap dia kata bahawa pasukan Alternatif ini dia cuma hendak menafikan Barisan Nasional 2/3. Jadi maknanya dia tidak fikir langsung untuk menubuh kerajaan. Jadi budget yang dia buat itu merupakan budget yang dia tahu dia tidak boleh laksanakan. Jadi maknanya dia tidak bertanggungjawab. Betulkah atau tidak betul itu?

**Seorang Ahli:** Budget tipu.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Budget tipu.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Semasa Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat Menteri kata tadi saya sebenarnya tidak berapa tangkap Yang Berhormat Menteri kata tadi. Tapi nasihat saya dari segi kalau hendak jadi strategislah saya ingat *positioning* Yang Berhormat untuk kali ini tidak betul. Kalau sayalah jadi Yang Berhormat, saya kata saya hendak jadi kerajaan baru saya bentuk belanjawan. Kalau Yang Berhormat tidak bertujuan untuk membentuk kerajaan tidak payah bentang belanjawan. Maknanya ini nasihat ikhlas. [Tepuk] Yang Berhormat sepatutnya mengatakan bahawa Barisan Alternatif mahu membentuk kerajaan dan inilah alternatifnya. Kalau dinyatakan sebagai objektif untuk menyangkal majoriti 2/3 Barisan Nasional, tidak ada keperluan untuk membentang belanjawan. Jadi Yang Berhormat patut guna perbincangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, saya akan jawab. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tahukah di Indonesia sudah tukar kerajaan, di Korea Selatan pun sudah tukar kerajaan, macam mana Tuhan mungkin akan mengurniakan, mungkin. [Sorak]

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Itu terkeluar Yang Berhormat, itu terkeluar daripada *line of thought* sekejap tadi.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Balik Pulau. Tadi Yang Berhormat bagi Kepong kata 'mungkin', 'mungkin' ini banyak perkara boleh mungkin, mungkin DAP hilang tidak ada kerusi satu pun dalam pilihan raya akan datang. [Sorak]

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Itu Yang Berhormat Kepong saya ingat, saya dahulu semasa di universiti belajar *games theory, strategy of conflict* ini. Strategi tidak betul, Yang Berhormat, kalau Barisan Alternatif hendak mendapat keyakinan rakyat untuk membentuk kerajaan, kena tunjuk kata ada keyakinan, kena tunjuk kata ada kemampuan kepada rakyat bahawa Barisan Alternatif boleh memerintah dan seperti yang saya kata di dalam ucapan saya tadi, satu daripada tanggungjawab yang amat berat yang diberikan oleh rakyat di dalam Dewan Rakyat ini kepada sesiapa juga yang memerintah ialah dasar cukai dengan dasar perbelanjaan.

Jadi, itu tanggungjawab yang utama. Kenapa wujud revolusi di mana-mana juga. Wujud revolusi di mana-mana juga kerana orang kata "*taxation without representation*". Itu dia sebab (*reason*) kenapa rakyat kata kita kena lantik wakil rakyat barulah you boleh

ambil duit saya, rezeki saya. Jadi, tanggungjawab Dewan ini sebagai *collective* suara rakyat ialah untuk *governs*, maknanya kalau *governing* salah satu ialah belanjawan, menentukan dasar percukaian dan perbelanjaan.

Kalaulah Yang Berhormat *opposition* hendak *governs* sebagai alternatif, dia kena bentuk belanjawan yang sebenar-benarnya. Kalau hendak meng '*deny*' Barisan Nasional dua pertiga, dia jadi macam lain. Maknanya, peranan Yang Berhormat bukan untuk hendak menunjuk budget. Maknanya selepas budget itu dibentang, Yang Berhormat boleh cuba *criticise*.

**Tuan Yunof Edward Meringking:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan andaian mengenai dasar budget. Awal tadi saya mendengar ucapan Yang Berhormat bahawa budget ini mempunyai matlamat dan memang benar bahawa menggubal dasar kewangan...

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Penasihat budgetkah?

**Tuan Yunof Edward Meringking:** Adalah amat penting, tetapi bagi pendapat saya, macam Yang Berhormat Balik Pulau berkata tadi, pertama kita gubal dasar dahulu, apakah tujuannya; dan keduanya, kita akan pertimbangkan sumber. Bagaimana, adakah wang yang sedia ada itu mencukupi, kalau tidak dia kata kita akan gubal untuk menjana ekonomi. Yang Berhormat Balik Pulau kata tadi, untuk menjana ekonomi kita perlu mengamalkan *deficit budget*. Sumber kewangan yang tidak cukup kita perlu meminjam, mengambil kesempatan bahawa interest itu rendah.

Jadi, Yang Berhormat sendiri bercanggah. Oleh kerana dia mengatakan kalau belum tahu apakah kedudukan kewangan tidak boleh buat *budget*. *Budget* ini hanyalah dasar, bagaimana kita akan tangani semua, ialah berpandu kepada keadaan sebenar kelak. Ini kerajaan sekarang ini pun dia hanya berpandukan kepada andaian bahawa adanya wang akan datang tahun hadapan. [Ketawa]

Jadi, kalau tidak ada dia akan membuat persiapan, pertama menggunakan sumber yang ada dan kemudiannya akan meminjam kalau diperlukan dan saya pasti Balik Pulau memang dia akan meminjam tetapi yang pentingnya mungkin dia akan setuju dengan saya ialah dasar. Apakah dasar yang akan dilaksanakan melalui *budget* ini. Adakah pembangunan itu hanya untuk pembangunan projek-projek mewah ataupun untuk rakyat di luar bandar?

Ini yang paling penting Yang Berhormat, sebagai penggubal dasar ini amat penting. Apakah matlamatnya iaitu untuk orang yang kaya rayakah atau untuk rakyat? Saya minta penjelasan, adakah ini betul dan adakah bahawa kerajaan akan teruskan dasar yang ada sekarang ini di mana budget itu ada tetapi tidak dilaksanakan. Di luar bandar kita janji kosong sahaja... ....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Okay.

**Tuan Yunof Edward Meringking:**.....tetapi tidak dilaksanakan. Jadi adakah ini akan diteruskan? Terima kasih.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya hanya tinggal sedikit sahaja lagi yang saya hendak cakapkan. Sudah ada minat macam ini, sedikit lagi Yang Berhormat boleh tolong cakap tetapi bagi saya Yang Berhormat telah pergi kepada satu benda yang lain. Apa yang kita sedang bincangkan ini ialah orang kata *mortal error*, pihak Yang Berhormat mengatakan bahawa pihak Yang Berhormat tidak mahu menjadi pemerintah. That ini a *mortal critical error*. Kalau sudah membuat *error* itu maka.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu Tuhan yang menentukan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tidak, tidak, bukan Tuhan yang menentukan. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Yang Berhormat bagi Tanjong, dalam akhbar boleh dipetik mengatakan "We are going to deny Barisan Nasional two third majority". [Sorak]

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, jadi macam itulah. Saya punya nasihat kepada Yang Berhormat Kepong tadi sebenarnya adalah ikhlas. *The critical error, mortal error* dalam *General Election* ini ialah bila pihak Yang Berhormat mengatakan bahawa pihak Yang Berhormat tidak mahu menjadi pemerintah membentuk kerajaan dan bermula daripada hujah itu maka *budgett* pun semua menjadi *irrelevant*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak Yang Berhormat....

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia beri kepada Parit Buntar dahulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan beri sayakah?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** You banyak kali tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Parit Buntar banyak masalah lebih dahsyat daripada ini.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz:** Duduklah.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya tertarik hati dengan hujah Yang Berhormat Tuaran tadi yang mengatakan salah satu daripada kesilapan besar ialah target itu, dia tidak mahu menang tetapi hendak *deny two third majority*. Itu satu *critical error*.

Yang kedua, menurut Tuaran tadi, dia kata untuk menentukan budget kita sepatutnya ada dasar dahulu baru boleh kita buat apa yang kita hendak buat. Masalahnya sekarang ialah sampai sekarang kita tidak tahu dasar 'Barisan Alternatif' ini. Sampai sekarang kita tidak tahu dasar, mula-mula kata hendak tubuh negara Islam, selepas itu tidak mahu, selepas itu hendak *Malaysian-Malaysia, deny*. Jadi sampai sekarang kita tidak tahu apa dasar dia, macam mana hendak membuat *budget*?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Jadi, saya hendak ulang sekali lagi, sepatutnya 'positioning'nya ialah kalau kita tengok mana-mana sistem yang ada dua parti besar macam di United Kingdom ataupun di Amerika Syarikat, *The Republican* kalau tengah perintah, *The Democrate* akan membentuk satu budget yang alternatif dan *The Democrate* bukan hendak bentuk satu dasar yang alternatif, bukan sekadar untuk menjadi pembangkang kepada parti itu tetapi berhasrat sebenar-benarnya untuk diberi tanggungjawab untuk memerintah.

Kalau kerajaan Parti Buruh memerintah di Britain maka kerajaan pihak Parti Konservatif akan bekerja bertungkus-lumus untuk membentuk masa *budget* satu belanjawan untuk menyakinkan pengundi di UK bahawa mereka layak untuk memerintah. Jadi, 'the strategic message'nya ialah bila Yang Berhormat mengatakan tidak mahu memerintah, yang itu *slack*. Jadi bila saya..... [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Perlu penjelasan, ya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Gus Dur di Indonesia Abdul Rahman Wahid dia tidak ada ini, [Menunjukkan

*sehelai kertas*] tidak ada langsung ini tetapi sekarang jadi Presiden dan membentuk sebuah kabinet untuk Indonesia. Ini realiti di Asia.

**Dato' Haji Othman bin Abdul:** Yang Berhormat sedar atau tidak, sistemnya pun berbeza,. Indonesia *political system* nya berbeza dengan Malaysia. [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita ada strategi ini kerana realiti politik Malaysia. Itu realiti walaupun Yang Berhormat bagi Balik Pulau tidak sedar realiti politik Malaysia tetapi itu kerana beliau berada terlalu lama di Menara Gading, bertahun-tahun sebagai profesor ekonomi. Realiti politik.

**Dato' Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz:** Yang Berhormat, boleh minta jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Okay.

**Dato' Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abdul Aziz:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Balik Pulau dia sebut tadi Gus Dur menang di Indonesia tanpa ada *budget*, sebab itu sekarang bila dia sudah menang baru buat *budget*. Ini tidak menang tidak mahu buat kerajaan keluar *budget*, tidak mahu bertanggungjawab maknanya dia tidak akan tunaikan segala janji dia, betul atau tidak.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Jadi saya ingat betul-betullah Yang Berhormat silap sedikit. Dia ibarat dua peninju masuk dalam gelanggang yang seorang kata dia hendak masuk sahaja, tetapi dia tidak mahu menang. Jadi problem kalau kita sudah pergi lobi kepada hakim, kita kata hakim, hakim dalam kes ini hakim rakyatlah. Saya senang ini memudahkan walaupun Yang Berhormat kata saya *politically knife* tetapi saya boleh pergi kepada pengundi saya, saya kata sebenarnya dia orang tidak mahu perintah, dia hendak jadi pembangkang sahaja. Kalaulah cacat cela saya teruk sangat *then of cause* dia marah pada saya. Tetapi saya boleh kata dia orang tidak mahu perintah. Dia tidak mahu hendak mengambil tanggungjawab hendak menjadi kerajaan. Jadi itu problem dan dengan strategi yang sedemikian rupa maka lain-lain itu *budget* dan semua, jadi ia relevan. Tetapi saya menghormati hak Yang Berhormat hendak main *political game*. Saya okey.

**Tuan Yang di Pertua:** Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di tangan saya ini ada *budget* Belanjawan Rakyat 2000, Demi Pemulihan, Pembangunan, dan Keadilan dalam bentuk stensil dibentangkan oleh Dr. Jomo K.S. Adakah Dr. Jomo K.S ini bakal menteri kewangan, bayangan 'Barisan Alternatif'. [*ketawa*].

Yang keduanya, kita telah pun berbincang secara panjang di sini. Saya hendak meminta pandangan sahabat saya dari Balik Pulau dinyatakan dengan hitam putih di sini. Sebenarnya kami tidak mampu untuk menyediakan sebuah belanjawan alternatif yang lengkap dan teliti tanpa maklumat serta kemudahan yang ada kepada jentera pentadbiran negara. Dia tidak mampu tetapi dia buat juga projek. Jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai hal ini?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya ingat itu *disqualified by default* dengan kenyataan yang mula saya pun kira gentleman jugalah. Kalau hendak ada pertembungan, kalau hendak ada persaingan, kita pun hendak *good fight actually* tetapi sebab kenyataan yang mula yang buat *slack* maknanya bila pihak Yang Berhormat berkata, kita tidak mahu memerintah, maka habis semua yang lain. *This none starter*. Jadi sebab itu untuk tahun hadapan saya nasihat tukar *positioning*, kata memang kita hendak alternatif dan lepas itu bentangkan belanjawan, buat kabinet bayangan, Tuaran jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan [*Ketawa*]. Lepas itu.....

**Seorang ahli:** Jadi Menteri Kesihatan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Okay, bukan tahun depanlah, lagi lima tahun. Jadi kita *fight*. Saya Yang Berhormat Kepong kata Gus Dur menang mungkin ditakdirkan, itu satu hal Gus Dur dia hendak menang. Gus Dur ini segala parti-parti beberapa parti Megawati semua ini Amin Rais, masa dia bertanding masing-masing hendak menang. Masing-masing hendak jadi kerajaan. Dia memang bercita-cita hendak menjadi kerajaan. Ingat dia parti besar, itu pun dia pergi kata dekat orang kita hendak jadi pemerintah. Beri amanah itu kepada kita, tidak tahu pergi undi dapat 8% kan. Jadi tidak apa masa dia *positioning* dia itu dia pada rakyat dia kata hendak memerintah, jadi tanggungjawab untuk memerintah itu bukanlah satu yang mudah. Jadi sekarang sebenar Yang Berhormat telah memudahkan kerja kita. Jadi itu yang saya hendak nasihat, silaplah strategi untuk kali ini kena tunggu 4-5 tahun.

Kita bukan daripada ramai orang sekarang ini memperlecehkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Mungkin Yang Berhormat tidak tahu dalam penyediaan belanjawan yang akan dibentangkan esok petang, kita juga terlibat, kita bukan duduk sahaja dekat sini. Orang kata jadi *rubber stamp* mari ni. Selepas lulus sahaja kita terlibat. Kita mempunyai saluran-saluran tertentu untuk menyalurkan maklumat melalui kementerian-kementerian. Kita buat kerja sebenarnya, lepas itu mari dekat sini kita sokonglah belanjawan itu. Tetapi hasrat saya ialah untuk mengatakan bahawa kita ini semua sebenarnya bukan bergantung 100% kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menyediakan belanjawan itu. Kita pun terlibat pada peringkat parti, pada peringkat Ahli-ahli Parlimen. Kita ada *pre budget* dialog, kita pun wakil rakyat, kita jalan merata sini, kita dengar orang cakap, kita sampaikan. Jadi hendak membentuk satu belanjawan adalah bukan satu benda yang mudah. Kita buat kerja bukanlah kita goyang kaki di sini. Lepas petang esok mari tinggi ini [*Menunjukkan isyarat tangan*] Kita buat kerja kementerian buat kerja dan Perbendaharaan buat kerja dan pegawai-pegawai kerajaan perkhidmatan awam buat kerja masing-masing.

**Seorang ahli:** Kepong bangun Yang Berhormat.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Yang Berhormat berucap lepas sayalah, saya pun hendak habis dah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di Pertuan, penjelasan. Adakah Yang Berhormat tahun. tiap-tiap tahun saya ada pergi berdialog dengan *secretary general* di dalam Kementerian Kewangan, saya tahu dia ada sebutkan macam mana kita buat *budget* ini, apakah yang diperlukan dan sebagainya. Tiap-tiap tahun saya ada mengikuti, jadi Yang Berhormat mesti tahu jugalah.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya tidak sama sekali mempunyai tanggapan Yang Berhormat tidak membuat kerja. Saya hendak kata bahawa kita hendak membentuk benda ini kita buat kerja. Saya yakin Yang Berhormat dan juga rakan-rakan Yang Berhormat yang rajin memang pergi menggunakan kesempatan, kedudukan Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen untuk mendapatkan maklumat dan sebagainya.

Apa yang kita cakap ialah untuk membentang satu belanjawan bukanlah satu perkara yang mudah. Kita di sebelah kerajaan ini pun daripada Ahli-ahli Parlimen dan bukan Ahli Parlimen dalam parti kita, cawangan dan sampai kepada menteri kabinet dan dibantu oleh pegawai kerajaan bersama-sama membentuk belanjawan ini. Jadi Yang Berhormat saya tidak mempertikaikan langsung, Yang Berhormat satu orang yang rajin yang mungkin telah melakukan semua langkah ini, tinggal lagi saya hendak kata bukan satu benda yang mudah. Tetapi akhirnya dalam kes ini *the strategic mistake* ialah yang itulah tadi pergi cerita dekat orang awal-awal hendak masuk dalam gelanggang, tetapi tidak mahu menang, yang itu big problem Yang Berhormat. Itu perkara yang memudaratkan keseluruhan langkah yang terkemudian. Jadi susah hendak *cover*, saya pun kesian juga sebab saya pun ada juga kawan-kawan yang di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, perkara berikutnya sebab sudah habis cerita *budget* alternatif ini, saya hendak bertanya kepada kementerian tentang setengah orang berkata bahawa kalau kita turunkan kadar cukai, kita akan memperolehi hasil yang lebih kerana dua sebab. Satu, dengan kurangnya cukai, maka dia menjana perbelanjaan dan juga pelaburan yang banyak dan oleh itu menjana keuntungan yang lebih dan kesannya walaupun kita turunkan kadar cukai tetapi hasil yang diperolehi oleh kerajaan adalah bertambah. Sekarang ini kadar cukai korporat kita adalah rendah juga 28%. Tetapi masih lagi bukan merupakan yang terendah di dalam rantau ini.

Ada satu jangkaan (*expectation*) pada Belanjawan 1999 dan 1998 bahawa kita akan turunkan kadar cukai korporat kita supaya menjadi sama dengan apa yang ada di Singapura supaya ada dari segi penarikan itu.

Yang keduanya, dalam cukai syarikat, cukai korporat dan juga cukai pendapatan ini, semakin lama ia akan menjadi semakin serabut. Ada pengecualian, ada *exemption*, ada *deduction*, ada macam-macam. Dalam syarikat lagi teruk sebab ada macam-macam *tax code*, tebal-tebal ini. [Sambil menunjuk isyarat] Jadi, satu daripada cara untuk memudahkan cerita ini, cerita banyak karenah birokrasi dalam percukaian ini ialah dengan mengenakan satu *flat tax* sahaja. Ada satu pendapat sekarang yang kata bahawa kita mengenakan satu *flat tax* sahaja. *Flat tax* maknanya tidak adalah cerita *deduction*, *exemption*, *double deduction* dan sebagainya dan ini akan memudahkan birokrasinya, ini akan meringkaskan proses persiapan hendak bayar cukai dan juga proses untuk mengumpul, mengutip cukai. Jadi, ini juga bagi setengah orang tidak seronok sebab sekarang ini *complicated* sangat cerita ini, adalah kerja jadi *tax consultant* lah dan sebagainya dan setengah itu *consultant* hendak melari cukai pun ada, *consultant* hendak bayar cukai dan sebagainya. Jadi kalau kita *simplify tax code* kita tetapi kena buat satu kajian dahulu sama ada dengan kita mengenakan *flat tax* ini, adakah hasil kerajaan akan terjejas.

Saya merasakan bahawa satu daripada daya tarikan yang boleh diperkenalkan oleh kerajaan untuk menghairahkan lagi pertumbuhan ekonomi dan kegiatan ekonomi dan juga pelaburan ke dalam negara kita ialah dengan membuatkan sistem percukaian itu menjadi mudah. Jadi, syarikat-syarikat dari luar negara dan juga syarikat-syarikat dari rantau ini daripada dalam negara sendiri akan merasakan bahawa sistem percukaian kita mudah. Itu yang cuba saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang saya andaikan akan memberikan jawapan sekejap lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bagan.

4.33 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ambil kesempatan ini untuk mengemukakan beberapa soalan. Dalam *budget* tahun 1999 dikatakan tahun ini tidak payah bayar *income tax* tetapi tahun ini kita bayar juga. Tahun depan, kita kena bayar awal kepada LHDN untuk mendapatkan borang-borang serupa ini. Bilakah tarikh tutup akan diberi kepada individu-individu untuk menghantarkan taksiran mereka kepada LHDN ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu sikap LHDN untuk mengutip hasil atau cukai adalah sangat tidak adil. Mengapa saya berkata begini? Cuma kami lihat di rang undang-undang ini di mana Seksyen 103(a) dikatakan jikalau tidak bayar pada satu tarikh yang ditentukan, dia kena membayar 10% atas cukai yang kena itu, bukan 10% *per annum*. Kalau lewat bayar satu minggu, lewat bayar satu bulan, kalau dikenakan RM3,000 maka RM300 denda kena dibayar. Itu bukan satu *interest*, itu denda, 10% bukan *per annum*. Kalau dikira *per annum*, itu mungkin adil dan selepas 60 hari jika tidak bayar- lagi 5%, dan 60 hari tidak bayar- lagi 10%, berganda-ganda sampai bila-bila dan juga dikatakan *without further*

*notice*. Dia anggap kami perlu bayar kepada dia secara automatik, *without further notice*, dia tidak akan memberitahu apa-apa sama ada kita berhutang atau tidak. Dia teruskan juga.

Sebab itulah saya kata, LHDN ini sangat tidak adil dalam mengutip cukai, sangat *high handed*, sangat *arregant*. Bahkan saya perlu bertanya beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, meminta kerajaan memberi *statement of account* seperti yang diminta oleh Tambun, *credit balance* dan bekas Timbalan Menteri Kewangan dari Padang Terap, beliau ada janji pada hujung tahun ini, kerajaan akan memberi *statement of account* kepada setiap pembayar cukai. Saya berharap Timbalan Menteri Kewangan yang baru dari Chenderoh akan memperingatkan kementerian beliau supaya *statement of account* perlu dihantar kepada setiap orang supaya mereka tahu sama ada mereka terhutang lagi kepada LHDN atau masih ada baki (balance) dalam LHDN.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua [Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail]: Ya, ada yang bangun.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan sedikit. Adakah menjadi tanggungjawab sebagai warganegara kita menyelesaikan masalah cukai pendapatan kita ini? Saya merasakan bahawa isunya bukan beberapa peratus yang didenda. Mungkin kalau kita sayangkan bangsa kita, sayangkan negara kita, kerajaan memerlukan pendapatan ini untuk menguruskan negara, membayar gaji Yang Berhormat. Mungkin kalau Yang Berhormat tidak bersetuju dikenakan denda, mungkin Yang Berhormat boleh syorkan elaun untuk wakil rakyat kepada Ahli Yang Berhormat sebagai ahli DAP kalau lambat bayar pun tidak apa. Tetapi mungkin kalau lambat satu hari Yang Berhormat sudahkompelin. Ini saya rasa tanggungjawab itu mesti ada Yang Berhormat. Patut Yang Berhormat mengesyorkan supaya warganegara kita jangan melambat-lambatkan bayaran sebab kita memerlukan wang ini untuk membangunkan negara dan menyelenggarakan tanggungjawab operasi negara seperti membayar gaji kepada wakil rakyat.

Tuan Lim Hock Seng: Cukup! Cukup! Saya faham.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan, adakah ini satu cara? Kita binggakan adakah Yang Berhormat bangga bahawa negara kita ini, rakyat jelata, semuanya membayar cukai pendapatan mereka tidak semestinya macam kita dengar negara Pakistanyang menghadapi masalah sebab orang tidak mahu membayar cukai, apa akan jadi pada negara mereka. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat sebagai seorang warganegara tentang perkara ini.

Tuan Lim Hock Seng: Saya faham sebagai seorang rakyat warganegara dia perlu, dia wajib ada tanggungjawab untuk membayar cukai. Itu satu hakikat. Tetapi Yang Berhormat, ada juga orang tidak mampu bayar bil elektrik, bil air, bil telefon dan dipotong. Mereka tahu mereka sudah pakai, mereka berhutang, mereka kena bayar. Tetapi mengapa tidak bayar? Mengapa kena potong? Bukan semua orang kaya-roya. Kalau dia punya *financial statusnya* atau imbalan gaji dia dengan *consuming balance*, mungkin dia boleh tetapkan. Tetapi kebanyakan rakyat, kais pagi makan pagi, kais malam makan malam. Kalau mahu bayar tiap-tiap bulan sudah cukup digunakan untuk anak, untuk sekolah, untuk itu dan ini, tidak ada duit yang lebih untuk bayar. *Suddenly*, taksiran sudah sampai, kena bayar RM1,500. Mana dapat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan, saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat, bersimpati kepada mereka yang susah, yang pendapatannya tidak begitu banyak seperti Yang Berhormat kata, 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.'

Seorang Ahli: Kais malam makan malam.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kais malam makan malam. Baguslah kalau ini tokoh wakil rakyat dan dalam DAP pula dan ini mungkin dari yang lain sebab Jelutong dia tidak ada 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang', dia ada tiga banglo, dua di Pulau Pinang, satu di Damansara. Dia tidak adalah 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.' Tetapi yang 'kais pagi makan pagi,' Jelutong janganlah marah saya, itu orang kata, yang 'kais pagi makan pagi, yang kais petang' makan petang sudah semestinya mereka ini tidak perlu membayar cukai pendapatan. Betul tidak?. Tidak perlu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan kementerian Kewangan, berapa yang minimum *income*, tidak perlu bayar hanya RM1,000 ke atas kena bayar.

**Tuan Lim Hock Seng:** Cukuplah! Cukuplah!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini saya rasa mungkin Yang Berhormat ini bersedia untuk pilihan rayakah ini untuk membuat isu yang saya rasa tidak begitu betul

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan saya membuat isu, ini semua termaktub dalam rang undang-undang ini. Nanti Yang Berhormat akan kata saya sokong, selepas ini sudah sokong nanti kena diri sendiri baru rasa pedih. Yang Berhormat sebagai seorang pengarah syarikat tidak apalah, syarikat tiap-tiap bulan bayar sampai hujung tahun tidur lena tidak payah peduli. Tetapi kepada mereka yang makan gaji seperti kakitangan kerajaan, mereka tidak ada duit yang lebih untuk membayar.

Jadi kalau LHDN mahu kutip hasil pun, mahu kutip cukai pun, perlulah memberitahu seperti *finance company*. Jikalau kita ada meminjam *loan* untuk membeli kereta satu bulan tidak bayar, dia beri satu notis sudah tunggak satu bulan dan *percentage interest rate* sudah bertambah, kita sudah tahu, kita sudah ambil perhatian. Lagi satu bulan tidak bayar, lagi satu bil datang, kita sudah tahu, sudah dua bulan tunggakan, interest pun sudah tinggi. Lagi satu bulan dia kata mahu *repossess*, baru kita boleh cari jalan untuk selesaikan. Tetapi sekarang semua orang sibuk mencari makan, sibuk ini, sibuk itu seperti Yang Berhormat sibuk dalam pilihan raya, kempen ini, kempen itu, nanti terlupa dan dia tidak mahu beri notis, dia pun tambah lagi 10%, tambah lagi 50% dan sekali lagi 10%, lihat muka surat tujuh dan lapan berapa kali dia tambah, sampai kita tidak tahu. Sampai satu hari harta benda pun kena lelong.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak setuju bahawa LHDN ini, dia perlu memberi notis memberitahu kepada orang yang kena cukai itu berapa hutangnya, dia kena *chase for the tax* bukan sahaja duduk sana tunggu orang bayar secara automatik sahaja. Fasal 12.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Hock Seng:** Cukuplah, nanti Yang Berhormat cakap sendiri, satu jam pun tidak apa. Cakap sendiri.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kata Yang Berhormat seorang Ahli Yang Berhormat yang percayakan demokrasi. Saya dari segi beban dikenakan denda itu, itu hak Yang Berhormat mempersoalkan tetapi hendak membayangkan kononnya Jabatan Hasil Dalam Negeri ini macam hari-hari bila tidak bayar hutang ditarik rumah, ditarikkan pendapatan mereka atau dibandingkan mereka dengan *repossessor* kereta itu, tidak betullah Yang Berhormat. Kalau tidak ada Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mendapatkan cukai pendapatan untuk negara, bagaimana negara kita boleh bergerak sebagai satu negara ekonomi yang baik?

Saya rasa pandangan Yang Berhormat tidak wajarlah, adakah wajar Yang Berhormat hendak membandingkan mereka ini sebagai tukang tarik kereta balik,

bermaksudnya mereka itu kena tukar namalah, bila nampak mereka ini macam tukang tarik kereta. Itu saya rasa tidak payahlah Yang Berhormat, kita memberi juga penghormatan juga kepada mereka sebab mereka ini beberapa bilion *revenue* kerajaan yang didapati kepada kita. Sebab itu saya rasa tidak wajarlah kita bandingkan mereka ini sebagai car *repossessor*. Saya hendak minta penjelasan sedikit dari Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak begitu niatnya, mungkin Yang Berhormat hendak membetulkan pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang veteran, seorang yang berpengalaman lama, seorang yang berpendidikan tinggi, pandai kamu putar belitkan percakapan saya. Saya kata seperti Yang Berhormat, sibuk dalam kempen ini, sibuk dalam kempen itu, saya cakap sebagai seorang pekerja yang sibuk dalam mencari makan, sudah terlupa berapa dia telah hutang. Nanti dia kata '*without further notice*', diam-diam dia tambah 10%, lagi enam puluh hari dia diam-diam tambah 5%, lagi diam-diam dia tambah 10%, berapa kali tambah, tambah sampai satu hari mesti dia mahu *repossess*, harta benda kena gadai, kena *repossess* pun tidak tahu. Saya cakap, bukan saya panggil pegawai LHDN ini bekerja sebagai penarik kereta, jadi jangan putar belit Yang Berhormat. Ini semua mahu perangkap saya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ekonomi merosot banyak syarikat yang hendak survive pun susah, mana ada duit lebih untuk membayar *income tax* ini dan saya berharaplah bayaran ansuran oleh syarikat ini boleh dibenarkan sekiranya dia berhutang sekian jumlah, dia diberi, asalkan dapat cukai, tidak kira sama ada tiga atau empat bulan, apa salahnya. Kalau tiga atau empat bulan atau enam bulan satu syarikat boleh menjelaskan hutangnya itu sudah syukur, syabas. Kalau langsung tidak boleh bayar, apa lagi dapat, bankrap, apa yang LHDN dapat? Tidak dapat apa-apalah. Jadi bayaran ansuran oleh syarikat atau individu saya berharaplah agar kerajaan boleh ambil perhatian supaya memberi kelonggaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Fasal 12 (4), ini memang lagi tidak adil. Bila sebuah syarikat baru hari ini berniaga, baru hari ini buka kedai, baru hari ini dia sewa satu kedai untuk berniaga, dalam tiga bulan pertama ini dia sudah kena buat satu taksiran kepada LHDN berapa banyak dia boleh untung dan selepas buat taksiran atau satu anggaran berapa dia boleh untung, LHDN mahu buat satu *assessment* minta dia bayar untuk keuntungan pada tahun itu. Tidak tahu dia boleh survive atau tidak, mungkin tiga bulan sudah tutup pintu pun tidak tahu. Masa sekarang bukan senang mahu berniaga. Sewa kedai pun sangat mahal, upah gaji untuk pekerja-pekerja, tidak tahu orang datang mahu membeli atau tidak, tidak tahu lagi tetapi tiga bulan selepas buka pintu, mesti buat satu *assessment* kepada LHDN, lepas itu dia mahu kutip cukai.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Yang Berhormat ini dahulu pernah bekerja *income tax* kah, nampak ada kepakaran juga pada hal ini, syabas, tetapi kadang-kadang cara Yang Berhormat mengandaikan itu cuba mendapatkan *mileage* politik simpati daripada masyarakat umum. Yang sebenarnya sama ada Jabatan Hasil Dalam Negeri akan menentukan supaya dibayar cukai atau tidak bergantung kepada andaian atau unjuran syarikat itu sendiri.

Kalau kita tahu bahawa kita baru berniaga tiga atau enam bulan, kita tahu ada '*learning curve*' takkanlah sipeniaga itu mengunjurkan bahawa dia untung. Saya rasa kalau ada unjuran dalam tahun yang pertama, dia kata dia rugi takkanlah Jabatan Hasil Dalam Negeri dikenakan bayar cukai. Tetapi kalau perniagaan dia baik dan cantik, dia rasa dia untung, barulah Jabatan Hasil Dalam Negeri dikenakan cukai.

Kalau dia rasa dia baru, dia terus mengatakan dia akan rugi pada tahun itu, Jabatan Hasil Dalam Negeri akan kenakan cukai. Ini nampaknya Yang Berhormat ini macam berlakon sedikitlah dekat pilihan raya ini untuk meraih simpati daripada masyarakat ini. Saya rasa Yang Berhormat selalu balik kawasan, tidak perlu takut kepada MCA, tetapi kena kuatlah, kalau tidak kuat nanti mungkin takut kalah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Senang sahaja kalau saya jawab soalan ini. Kalau LHDN tahu dia tidak akan membuat untung, mengapa memastikan beliau membuat satu laporan atau satu *assessment*. Sudah tahu dia baru berniaga, dia mungkin akan rugi, mungkin tidak boleh *survive*, mungkin mahu tutup pintu, mengapa panggil dia untuk membuat satu *assessment*, patut tunggu dia stabil dahulu, tunggu selepas satu tahun kalau dia tidak mati, kalau dia survive baru panggil dia bayar, apa yang dia untung, itu munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya kata Fasal 12 (4) ini dia perlu *within three months from the date of commencement of the operations*, itu tidak boleh pakai sebab kadang-kadang kita ada kedai sewa kepada penyewa itu, dia pun tidak mampu bayar sewa bulanan, jangan kata membayar income tax yang berlebihan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan satu perkara iaitu bukan cakap politik. Ini 'Barisan Alternatif' yang saya hendak cakap, nanti dengar ini mungkin hendak tanya lagi. 'Barisan Alternatif' telah mencadangkan supaya pelepasan cukai.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya beri ini, awak boleh tanya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh, okay.

**Tuan Lim Hock Seng:** 'Barisan Alternatif' telah mencadangkan supaya pelepasan untuk orang individu dihadkan kepada RM12,000. Setujukah Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh saya jawab?

**Tuan Lim Hock Seng:** Sekarang Barisan Nasional hanya memberikan RM5,000 sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh saya jawab?

**Tuan Lim Hock Seng:** RM12,000, boleh bersetuju?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya boleh jawab. Saya rasa saya tidak perlu jawab sebab Barisan Alternatif sudah tidak ada, sebab apa sekarang ini Pengerusi DAP sudah mendisplinkan seorang tokoh tertinggi PAS. Tidak ada barisan lagi, yang ada hanya satu sahaja, Barisan Nasional. Sebelah sana baris sudah pecah. Tadi saya sendiri minta supaya Setiausaha Agung mengesahkan, Marang ada sekali, saya cabar betul atau tidak bahawa DAP mengesahkan supaya usaha dan cadangan DAP untuk mengadakan tindakan disiplin kepada PAS?

Dia tidak kata "No" bermakna dia bersetujulah. Mana ada barisan lagi, sudah pecah, jadi saya tidak perlu saya jawab. Tetapi kalau boleh, tadi saya sudah cakap, kita menghantar borang Jabatan Hasil Dalam Negeri, kita tidak perlu untung, tidak perlu rugi sebab itu tanggungjawab tahunan kita. [Disampuk] Tadi dari Bagan, kan? Bermakna tanggungjawab kita sebagai seorang warganegara Malaysia, sebagai individu atau syarikat, menghantarkan maklumat kita, borang kita kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri sama ada untung atau rugi. Tidak mengapa. Sekarang ini masa gawat, banyak syarikat yang rugi, masih lagi menghantarkan borangnya. Betul atau tidak yang belakang itu? Dia angguk belaka. Tidak tahulah syarikat DAP sahaja yang tidak mahu hantar atau individu sahaja yang tidak hantar. Ini saya rasa hendak meraih sokongan untuk pilihan raya membawakan sesuatu. Kalau perkara yang baik itu kita bersetuju, tetapi bukanlah membawa cerita untuk sedap didengar, supaya meraih undi. Takut betulkah ni, takut kalah?

**Tuan Lim Hock Seng:** Maka dengan cadangan Barisan Alternatif memberi pelepasan cukai kepada had RM12,000 satu tahun maka saya ingat Menteri Kewangan sekarang akan mengubah perbelanjaan beliau supaya diberi hak pelepasan cukai kepada individu mungkin sampai RM12,000 atau lebih. Itulah satu sumbangan Barisan Alternatif kepada rakyat, mungkin satu sumbangan supaya Barisan boleh bersaing dengan Barisan Alternatif. Dengan kata-kata begitu, saya sokong.

**Tuan Yunof Edward Meringking:** Baru hendak tanya sudah hendak duduk?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat, berapa minit ini, Yang Berhormat? Sepuluh minit. Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa lama hendak jawab? Besokkah?

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz :** Tidak, kita hendak selesaikan. Kalau boleh kita hendak luluskan hari ini sebab kita hendak laksanakan secepat mungkin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sepuluh minit Yang Berhormat, selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

4.55 ptg.

**Tuan Yunof Edward Meringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkit untuk menyentuh tentang Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999 yang hanya menyentuh tentang pendapatan syarikat-syarikat tetapi pada dasarnya memang betul bahawa sumber pendapatan sebenarnya yang terbesar kepada Wilayah Persekutuan adalah daripada percukaian.

Apa yang menjadi persoalan di sini ialah mengenai dasar tentang mekanisme percukaian ini supaya ia lebih menggalakkan kepada memperbanyakkan atau mempertingkatkan keuntungan syarikat-syarikat dan di samping itu menggalakkan pelaburan tetapi nampaknya banyak peruntukan yang ada di sini yang lebih discouraging, dengan izin, kepada syarikat-syarikat oleh kerana Balik Pulau awal-awal tadi kata seharusnya dasar percukaian kita hendaklah fleksibel tetapi nampaknya di dalam pindaan undang-undang ini bukan pula fleksibel tetapi terlalu ketat seperti yang dikatakan oleh Bagan tadi, tidak ada notis tentang percukaian.

Tetapi ada satu yang lebih pelik lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah peruntukan khas yang baru diadakan iaitu Bahagian III peruntukan khas anggaran cukai yang telah dibayar bagi tahun taksiran tahun 2001 yang memperkatakan bahawa taksiran pendapatan pada tahun 2001 hendaklah tidak kurang daripada taksiran tahun sebelumnya. Sudah tentu kalau dia membuat taksiran yang melanggar dari undang-undang ini, dia akan dikenakan denda oleh kerana ada peruntukan khas. Jadi, adakah ini membayangkan bahawa kerajaan tidak sedar mengenai keadaan sebenar ekonomi di mana kita tidak boleh paksa para syarikat membuat andaian pendapatan tanpa mengambil kira fakta sebenar.

Kalau begini dasar kerajaan mengenai undang-undang ini, saya fikir ia tidak akan menggalakkan perkembangan pelaburan. Oleh kerana kalau kita membuat taksiran pendapatan yang mungkin tidak berpatutan, maka ada pula peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini yang akan menganggap kita sebagai kita tidak mahu memberi maklumat yang tepat, padahal sebenarnya kita mahu memberi maklumat yang tepat tetapi di sini kita dipaksa untuk memberi taksiran di mana haruslah tidak kurang daripada pendapatan yang ditaksir tahun sebelumnya.

Bagaimana kalau kita taksir lebih atau mungkin berlipat ganda. Tetapi kita akan buat *projection* tentang prestasi syarikat kita yang sebenarnya dan bukan berasaskan hanya mahu mematuhi undang-undang ini sahaja. Jadi, apakah Kementerian Kewangan cuba mengelakkan supaya semua syarikat itu memberi gambaran sebenar atau tidak.

Di dalam hal ini saya rasa tidak. Oleh kerana kalau kita buat *projection income*, dengan izin, ia hanya dibuat-buat sahaja semata-mata untuk memenuhi kehendak undang-undang ini, ia tidak akan menggambarkan keadaan sebenar syarikat itu dan bagaimana dengan syarikat-syarikat yang *public listed*, bukankah mereka akan mengambil kesempatan daripada kes ini untuk menipu para pelabur. Dia kata "Saya tidak membohong, saya hanya membuat prestasi di dalam hal ini oleh kerana undang-undang mengkehendaki saya membuat demikian." Walhal pendapatan sebenarnya tahun hadapan mungkin merosot, tetapi ia tidak boleh melakukan ini oleh kerana undang-undang yang ada.

Jadi, adakah Kementerian Kewangan telah mengambil kira ini di dalam memperkenalkan satu peruntukan yang baru. Saya rasa ini amat tidak bertanggungjawab bagi kerajaan. Jadi, saya rasa peruntukan khas ini harus dibatalkan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

#### 5.01 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Balik Pulau, Bagan dan Tuaran yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan pada petang ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun ada membangkitkan masalah adakah kita mempunyai juruaudit yang mencukupi untuk menyempurnakan akaun untuk penyerahan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Daripada rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri lebih kurang 50% syarikat yang menutup akaun pada 31 Disember. Sebenarnya di bawah sistem taksiran sendiri, borang '*return*' perlu diserahkan enam bulan selepas penutupan akaun. Dalam sistem sekarang, sistem formal penyerahan borang dibuat dalam satu tempoh tertentu iaitu antara April dengan Mei. Dari itu, beban kerja bagi juruaudit sebaliknya adalah berperingkat-peringkat bagi STS ini, oleh itu jumlah juruaudit adalah mencukupi mengikut pandangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga bertanya adakah syarikat-syarikat akan dikenakan penalti kerana tidak serah borang dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kegagalan mengemukakan borang '*return*' dalam tempoh yang ditetapkan dikenakan penalti di bawah Seksyen 112. Bagi syarikat yang belum beroperasi, penyerahan borang tidak timbul. Syarikat-syarikat ini hanya perlu mengemukakan borang bila perniagaan mula beroperasi.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga meminta sama ada Lembaga Hasil Dalam Negeri mengeluarkan notis taksiran tanpa memaklumkan kepada pembayar cukai bagi kredit dalam akaunnya yang telah dibayarkan melalui potongan gaji. Lembaga Hasil Dalam Negeri sedang mempertingkatkan keupayaan komputernya dengan mana di masa hadapan Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengeluarkan *statement of payment* kepada setiap pembayar cukai. Dengan cara ini pembayar cukai akan dapat mengetahui tanggungan cukainya yang masih terhutang.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun dalam soalan keempat bertanya, adakah kementerian perlu memikirkan rangkaian kerjasama dengan kementerian dan agensi lain untuk memastikan semua perniagaan didaftarkan sebagai satu langkah memberantas *hidden economy* ataupun *hidden income*, perniagaan biasanya didaftarkan oleh Pendaftar Perniagaan, Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Tempatan dan sebagainya.

Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai rangkaian kerjasama dengan agensi-agensi berkenaan. Perniagaan yang tidak didaftarkan akan dikesan melalui tindakan strict survey.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *hidden income* lagi, Ahli Yang Berhormat bagi Tambun bertanya bagaimana kumpulan yang terlibat dalam aktiviti *hidden economy* tidak terlepas dari bayaran cukai pendapatan itu. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah melaksanakan program pembelajaran untuk meningkatkan kesedaran pembayaran cukai tentang tanggungjawab sebagai pembayar cukai. Khidmat yang diberikan adalah seperti mengadakan seminar, taklimat di radio, di televisyen dan mengeluarkan risalah-risalah perhuraian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau bertanya berkenaan dengan bayaran cukai kepada kerajaan, kesedaran rakyat tentang tanggungjawab membayar cukai ini. Sememangnya objektif utama kerajaan memperkenalkan sistem taksir sendiri ialah untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela. Di bawah sistem ini, pembayar cukai diberi kepercayaan untuk melaporkan cukai secara sukarela. Peranan kerajaan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri akan beralih kepada aktiviti pematuhan supaya dapat berlaku adil kepada pembayaran cukai yang secara sukarela mematuhi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau juga bertanya berkenaan dengan cara Lembaga Hasil Dalam Negeri menentukan pembayar cukai melaporkan cukai dengan tepat. Walaupun pembayar cukai diberi kepercayaan untuk mengira cukai sendiri, Lembaga Hasil Dalam Negeri masih perlu menyemak pengiraan tersebut. Ini akan dilakukan melalui sistem komputer. Pembayar cukai yang mempunyai potensi, kurang melaporkan cukai akan dipilih untuk aktiviti audit, pemeriksaan secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, konsep *flag tags* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau juga, dalam hal ini terdapat kebaikan dan keburukan terhadap sistem ini. Kebaikannya ialah untuk memudahkan pematuhan cukai. Pada masa ini dasar kerajaan memberi pengecualian ataupun potongan adalah untuk memberi insentif kepada sektor-sektor tertentu. Ini memandangkan sesetengah sektor memerlukan perbelanjaan modal yang tinggi. Mengenai cara untuk memudahkan pematuhan cukai, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan terus mengeluarkan garis panduan.

Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau juga membangkitkan berkenaan dengan masalah kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan syarikat kepada kadar yang sama seperti di Singapura. Kadar cukai pendapatan syarikat semasa ialah 28% adalah kadar yang rendah berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini kecuali Singapura yang mengenakan 26%. Kadar cukai di negara lain di rantau ini adalah 30% atau lebih, sebab itu pada pandangan kementerian pada peringkat ini 28% adalah satu tahap yang boleh diterima pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan sekali lagi membangkitkan berkenaan dengan dalam Belanjawan 1999 dahulu yang saya bentang, dikatakan tak perlu bayar cukai dalam tahun 1999, tetapi masih kena bayar, tahun 2000 pun akan kena bayar. Sebenarnya kita hendak kena beza perkataan antara 'cukai 1999 tak perlu dibayar' dengan 'tak perlu bayar cukai pada tahun 1999'. Sebenarnya, kena bayar sebab cukai yang dilepaskan ialah atas pendapatan tahun 1999, tidak pernah pada bila-bila masa dinyatakan dalam tahun 1999 tak perlu bayar cukai. Dalam tahun 1999 cukai yang dibayar adalah atas pendapatan tahun 1998. Dan dalam tahun 2000 cukai yang dibayar adalah atas pendapatan tahun 2000. Jadi, cukai atas pendapatan tahun 1999 dilepaskan.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz:** Ha, yalah. Betullah! Jadi, pada setiap tahun kena bayar juga sebab pada tahun 1999 you bayar dalam tahun 1998. So, tahun 2000 bayar untuk tahun 2000. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat hendak, kita suruh bayar juga pada tahun 1999 ini, boleh juga – untung kan? *[Ketawa]* Jadi, itu sebenarnya penjelasan yang saya berikan.

Akhir sekali, Tuaran ....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz:** Yang Berhormat, masa, saya ingat, kita ada Jawatankuasa, saya minta kalau boleh dilepaskan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan juga membangkitkan berkenaan dengan penalti oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri terlalu tinggi iaitu 10% selepas 30 hari dan 5% selepas setiap 60 hari berikutnya tanpa sebarang notis. Kefahaman ini adalah tidak tepat tambahan 5% selepas 60 hari adalah sekali sahaja. Berbeza dengan faedah seperti yang dikenakan oleh bank yang dikenakan bagi setiap bulan sehingga hutang itu diselesaikan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan juga bertanya berkenaan dengan sama ada borang nyata akan dihantarkan kepada pembayar cukai atau pembayar cukai sendiri dikehendaki mendapatkan borang pada tahun hadapan. Untuk semua kes syarikat dan individu, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menghantar borang nyata kepada pembayar cukai, tarikh penghantaran borang tersebut ialah pada bulan Februari tahun 2000.

Bilakah tarikh tutup mengemukakan borang nyata. Bagi penaksiran tahun taksiran 2000, berasaskan tahun sebelum, tarikh tutup pengemukakan borang nyata ialah pada 31 Mei 2000. Bagi penaksiran tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa, syarikat diberi tempoh enam bulan dari tarikh tutup akaun perniagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan juga ada membangkitkan berkenaan dengan bayaran ansuran cukai, minta benarkan bayaran ansuran cukai. Sememangnya peruntukan undang-undang membenarkan supaya cukai dibayar secara ansuran. Denda hanya akan dikenakan sekiranya pembayar tidak mematuhi peraturan ini.

Soalan Ahli Yang Berhormat bagi Bagan juga bertanya apakah syarikat yang baru mula beroperasi perlu mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar dalam tempoh tiga bulan, bagaimana kedudukan syarikat yang mengalami kerugian. Syarikat mengunjurkan kerugian akan mengemukakan anggaran cukai kena dibayar sebagai 'tiada'. Maknanya anggaran cukai di kotak anggaran cukai kena dibayar – tulis di situ 'tiada'.

Peruntukan ini perlu untuk memastikan syarikat yang terkena cukai mula membayar cukai dari tahun pertama operasinya selaras dengan konsep taksiran berasaskan tahun semasa.

Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran, dia sudah tiada dah. Anggaran cukai bagi tahun 2001 hendaklah tidak kurang daripada cukai dibayar bagi tahun taksiran 1999. Peruntukan ini ialah bagi memastikan aliran tunai kerajaan tidak terjejas apabila pembayar cukai diberi kepercayaan untuk membuat anggaran cukainya sendiri.

Pembayar cukai dibenarkan untuk mengkaji semula anggaran cukainya dalam bulan Jun tahun kewangan syarikat tersebut. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM (PEMBUBARAN) 1999

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.13 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 1999 adalah bertujuan bagi memansuhkan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 dan membubarkan Tribunal Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah akta tersebut itu.

Tribunal Perkhidmatan Awam ditubuhkan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 untuk menyelesaikan anomali-anomali berkenaan saraan atau hak-hak dan syarat-syarat perkhidmatan dalam perkhidmatan awam di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet dan Sistem Saraan Baru. Secara ringkasnya anomali itu adalah satu keadaan perbezaan atau Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 mula berkuat kuasa pada bulan September 1977. Semenjak penubuhannya Tribunal telah mendengar, membuat dan menimbang keputusan kepada kes-kes anomali yang dikemukakan kepadanya sama ada di bawah Jawatankuasa Kabinet ataupun di bawah Sistem Saraan Baru. Kes-kes tersebut didengar melalui sebuah panel yang mengandungi seorang Pengerusi dan dua orang ahli pada setiap satu masa. Pengerusi telah diberi kuasa di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam untuk melantik seorang Setiausaha Tribunal dan mana-mana pegawai atau penjawat untuk membantu perjalanan Tribunal.

Tribunal dalam menjalankan tugasnya bagi mendengar kes-kes anomali yang dikemukakan kepadanya adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah akta penubuhannya. Di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet, orang yang terkilan telah diberi masa 13 tahun untuk mengemukakan tuntutan anomali yang berakhir pada 17 Februari 1991.

Kesemua 480 kes tuntutan anomali yang dirujuk kepada Tribunal di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet telah selesai dikendalikan. Di bawah Sistem Saraan Baru mengikut seksyen 11(2)(a)(b) Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 (Pindaan) 1992, tempoh bagi membolehkan sebarang tuntutan anomali dibuat telah dihadkan kepada hanya dua tahun dan telah berakhir pada 15 Julai 1994. Ini bermakna selepas tarikh tersebut tidak ada pihak yang boleh mengemukakan tuntutan anomali kepada Tribunal. Syarat ini membawa kepada keadaan di mana apabila kesemua 151 kes yang dikemukakan di bawah Sistem Saraan Baru telah dapat diselesaikan. Tribunal tidak lagi mempunyai apa-apa fungsi.

Memandangkan tujuan penubuhan Tribunal adalah bersifat sementara dan khusus bagi menyelesaikan anomali-anomali, maka adalah wajar Tribunal ini dibubarkan apabila tugas dan fungsinya seperti yang diturunkan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam telah diselesaikan. Tarikh pembubaran Tribunal yang dicadangkan adalah pada 1 Januari 2000.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat orang pegawai guna sama yang berkhidmat secara pinjaman di Tribunal Perkhidmatan Awam. Apabila Tribunal Perkhidmatan Awam dibubarkan, mereka akan dikembalikan ke perkhidmatan asal masing-masing. Terdapat juga 17 orang anggota Kumpulan Sokongan yang dilantik oleh Pengerusi. Adalah dicadangkan agar mereka ditukar lantik bagi mengisi jawatan kosong yang sesuai di agensi awam yang lain. Pertukaran perlantikan ini jika dipersetujui akan dibuat melalui opsyen. Pembubaran Tribunal Perkhidmatan Awam tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan semasa. Tribunal tidak ada mempunyai apa-apa hutang yang perlu dijelaskan dan tanggungan yang melibatkan kewangan termasuk aset yang perlu diselesaikan melalui pemindahan milikan harta.

Setelah meneliti kedudukan terkini dari segi fungsinya, maka adalah difikirkan sesuai Tribunal Perkhidmatan Awam dibubarkan. Fungsi Tribunal Perkhidmatan Awam adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan akta penubuhannya bagi membicारा dan memutuskan kes-kes anomali. Memandangkan tidak ada lagi kes-kes anomali yang boleh dikemukakan kepadanya disebabkan tempoh untuk mengemukakan kes-kes telah tamat, bererti Tribunal tidak perlu lagi wujud.

Tuan Yang di-Pertua, sekian saya bentangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memansuhkan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 untuk membubarkan Tribunal Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

**5.18 ptg.**

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapatkan penjelasan, ini hendak dihabiskan hari ini jugakah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak tahu itu, bukan kuasa saya [Ketawa] kuasa Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Kalau hendak habis hari ini, cakap pendek. Kalau hendak sambung, cakap panjang. [Ketawa] Sebab minggu depan sudah Budget.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Jadi, saya ingat hendak cakap pendeklah.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, kita habiskan hari ini juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebab ini adalah *straight forward case*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tribunal Perkhidmatan Awam ini yang telah berjaya menyelesaikan kes-kes anomali sebanyak 151 kes yang telahpun diselesaikan.

Apabila menyentuh perkhidmatan awam ini, kita harus ingat bahawa dalam negara ini memang ada *Separation of Power*. Kita ada *Legislature*, macam kita inilah, ada

buat undang-undang. Kemudian kita ada *Executive* yang akan melaksanakan dasar-dasar yang telah dibuat oleh Parlimen yang mulia ini. Setelah kita meluluskan dasar-dasar ini dijalankan oleh *Executive*. Dan yang ketiga ialah *Judiciary* yang mana kalau ada perkara-perkara yang melanggar peraturan-peraturan, maka *Judiciary* inilah yang akan membuat keputusan di mahkamah.

Oleh kerana perkhidmatan awam ini terlibat di dalam bidang *Executive*, maka saya ingin memberikan sedikit pandangan kerana sejak akhir-akhir ini pihak pembangkang selalu memutar belit isu yang mengatakan seolah-olah kerajaan menghalang pegawai-pegawai kerajaan, ataupun mengarah pegawai-pegawai kerajaan menyokong parti-parti tertentu. Yang kita faham ialah, pegawai-pegawai kerajaan ini saya rasa dia boleh menjadi ahli parti politik tetapi yang tidak boleh ialah melibatkan diri secara aktif di dalam parti politik.

Ini sejajar dengan Perintah Am Bab D, di mana dalam Perintah Am Bab D ini ada dua kumpulan pegawai-pegawai ini. Satu, kumpulan yang mempunyai ijazah, yang dahulunya dipanggil Kumpulan A, dia langsung tidak boleh memegang apa-apa jawatan dan ini saya selalu tegaskan di dalam UMNO kita hormati Peraturan Perintah Bab D ini. Kalau ada pegawai-pegawai Kumpulan A ini memegang jawatan dalam UMNO, bertanding dalam jawatankuasa dan sebagainya, maka dia tidak diiktiraf bahawa dia tidak layak untuk pegang jawatan. Tetapi yang malang bagi kita ini ialah parti-parti pembangkang, mereka tidak menghormati Perintah Am Bab D. Sama ada pegawai itu Kumpulan A pun mereka memberi galakan kepada pegawai-pegawai ini untuk bergerak aktif di dalam politik.

Kita rasa memang sesuai pegawai-pegawai kerajaan ini tidak boleh melibatkan diri secara aktif kerana kalau ada pegawai, katalah pegawai daerah dia mempunyai kuasa. Kalau kata pegawai daerah masuk dalam UMNO sekalipun kalau dia dibenarkan aktif di dalam politik, kalau besok dia hendak bertanding jawatan ketua bahagian, kalau ada pegawai kumpulan A dia ada kuasa, nanti dia beri peruntukan, kelulusan dan sebagainya untuk kepentingan politik dirinya sendiri. Sebab itu saya rasa memang tepat masanya bahawa pegawai kerajaan tidak boleh berpolitik secara aktif kerana kita bimbang mereka akan menyalahgunakan kedudukan mereka walaupun mereka masuk dalam parti UMNO sekalipun.

Yang kedua, kalau mereka memihak kepada pembangkang lebih dahsyat kerana mereka boleh sabotaj segala peruntukan kerajaan. Kalau misal kata kelulusan telah diluluskan untuk membuat pembangunan tetapi oleh kerana dia tidak suka dengan kerajaan yang ada dia boleh sabotaj. Projek dia boleh lambatkan, duit yang ada tidak dibelanjakan dan lebih dahsyat lagi dia pula beri kepada penyokong-penyokong parti-parti tertentu. Sebab itu kita menegaskan bahawa kerajaan selalu menegaskan supaya pegawai-pegawai kerajaan ini janganlah melibatkan diri dalam politik dan jangan menggunakan kemudahan kerajaan. Kedudukannya, kerana kedudukan yang diperolehi adalah sebagai pegawai kerajaan dan kemudahan-kemudahannya juga adalah kemudahan daripada kerajaan. Jadi, adalah malang sekali kalau.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Jangan kacau, masa sudah tidak ada.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan. Sedikit sahaja.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sedikit boleh, kita mahu kejar masa.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya memang sokong cadangan Yang Berhormat supaya kakitangan kerajaan jangan terlibat dalam parti politik tetapi Yang Berhormat, pada hakikatnya pegawai-pegawai atau segelintir pegawai Jabatan Penerangan, mereka berkempen untuk parti. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Pegawai Kerajaan ini dia sebagai pegawai yang menerangkan dasar-dasar kerajaan, maka menjadi tanggungjawab dia menerangkan dasar-dasar kerajaan, bukan dasar-dasar UMNO, bukannya dia menerangkan dasar-dasar UMNO, ini kena faham. Bezakan parti politik dengan kerajaan. Jadi, ini yang selalu pembangkang ini tidak faham, dia putarbelitkan seolah-olah kita ini marah dengan pegawai kerajaan tetapi kita tidak marah. Kita hanya meluahkan perasaan kalau pegawai kerajaan tidak mematuhi Perintah Am, Bab D ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat bercakap panjang kerana masa sudah tidak ada. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rompin ya. Berapa lama hendak berucap?

5.23 ptg.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Berapa minit kalau hendak habis 5.30 petang. Berapa minit saya boleh bercakap?

**Tuan Lim Hock Seng:** Sempatlah, sempat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang bagi memansuhkan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam. Tribunal ini diwujudkan bersifat sementara dan khusus, dan tugas-tugasnya pun sudah selesai dan tiada implikasi kewangan, semua kes sudah beres, tidak banyak yang perlu dikekalkan, dan juga kalau ada perkara-perkara yang berbangkit, kuasa seperti dalam Perkara 4 diturunkan kepada kerajaan, makna kerajaan boleh lagi menyelesaikan kalau ada perkara-perkara lain yang berbangkit.

Saya menyokong kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tadi bahawa kita tidak benarkan pegawai kerajaan kumpulan A tidak dibenarkan masuk dalam UMNO. Tetapi bagaimana mana-mana yang secara aktif ini dan dihasut oleh pembangkang PAS supaya menyokong mereka. Elok juga kerajaan mengambil tindakan kepada mereka, kalau jelas dia ini Division A, jelas dia menyokong parti pembangkang, kita tidak benarkan dalam UMNO. MCA pun tidak benar juga ya, ketua, sorry, Ketua Pemuda pula, Naib Presiden, sorry salah, tetapi DAP digalakkan terutama PAS digalakkan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam menggulung dapat sedikit menyentuh tentang perkara ini.

Saya menyokong rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua.

*[Tuan Yang di-Pertua Bertanya sesuatu kepada Yang Berhormat dari Kuantan]  
[Mikrofon tidak dibuka]*

5.25 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman]:** Ya, saya Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Saya ada satu minit sahaja hendak jawab, tidak lebih daripada itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat bahawasanya kita harus mengekalkan kaedah dan budaya kita di mana pentadbiran awam tidak boleh berpolitik dan mengikut Perintah Am (*General Order*) memang mereka tidak boleh menunjukkan sikap kecenderungan ke mana-mana pun, malahan mereka yang boleh hanya menjadi ahli biasa yang langsung tidak aktif dan ini adalah jelas dalam Perintah Am kita yang mana menyatakan yang boleh berkecimpung aktif dalam politik hanyalah dalam kumpulan sokongan dan juga kumpulan iktisas yang meletakkan jawatan mereka, menunggu persaraan, maknanya bercuti dalam persaraan, hendak bersara dan ini pun dengan kebenaran daripada pihak ketua setiausaha masing-

masing. Jadi, dengan itu saya bersetuju bahawasanya kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada sebilangan kecil, kalau ada pun pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan penghargaan kerajaan kepada majoriti pegawai-pegawai kerajaan kita yang *very* profesional. Kalau tidak kerana mereka takkan kita berjaya mencapai tahap pembangunan yang sedemikian rupa, kalau tidak kerana mereka kita menggubal dasar dalam Dewan ini untuk menyelesaikan masalah krisis ekonomi, tanpa mereka kita tidak akan berjaya menyelesaikan masalah ekonomi. *[Tepuk]* Jadi, yang buat masalahnya ialah *that little black sheep*. Itu pun saya beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat tidak ramai dan kerajaan akan mengambil tindakan.

Akhirnya saya juga hendak mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tribunal yang telah bekerja keras dalam urusan mereka dan melaksanakan dengan adil, dengan telus hingga nampaknya kesemua masalah yang berbangkit telah berjaya diselesaikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 4.00 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***